



**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 10**

**Rabu**

**19 Mac 2025**

---

**K A N D U N G A N**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN** (Halaman 1)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan  
Dibebaskan Daripada Urusan Mesyuarat (Halaman 32)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024 (Halaman 33)  
Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2024 (Halaman 82)  
Rang Undang-undang Kumpulan Wang  
Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025 (Halaman 106)

**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Dato Awang Beme bin Awang Ali Basah [Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Yang di-Pertua]
3. “ Puan Dr. Hajah Fuziah bint Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
4. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
5. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
6. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
7. “ Tuan Manolan bin Mohamad
8. “ Puan Susan Chemeraai Anding
9. “ Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
10. “ Tuan Robert Lau Hui Yew
11. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
12. “ Datin Hajah Ros Suryati binti Alang
13. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
14. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
15. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
16. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah
17. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
18. “ Dato' Sivaraj a/l Chandran
19. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
20. “ Tuan Abun Sui Anyit
21. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
22. “ Datuk Nelson W Angang
23. “ Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
24. “ Tuan Pele Peter Tinggom
25. “ Dato' Setia Salehuddin bin Saidin
26. “ Datuk Rosni binti Sohar
27. “ Dato' Haji Hussin bin Ismail (Terengganu)
28. “ Tuan Che Alias bin Hamid (Terengganu)
29. “ Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad (Perlis)
30. “ Tuan Azahar bin Hassan (Perlis)
31. “ Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
32. “ Puan Tiew Way Keng. (Selangor)
33. “ Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)

**AHLI HADIR (samb/-)**

- |     |                |                                                                          |
|-----|----------------|--------------------------------------------------------------------------|
| 34. | Yang Berhormat | Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)                        |
| 35. | "              | Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan)                     |
| 36. | "              | Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak)                                 |
| 37. | "              | Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Johor)                                   |
| 38. | "              | Datuk Lim Pay Hen (Johor)                                                |
| 39. | "              | Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah)                             |
| 40. | "              | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah)                                          |
| 41. | "              | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)                                        |
| 42. | "              | Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka)                                     |
| 43. | "              | Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)             |
| 44. | "              | Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang)                                  |
| 45. | "              | Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak)                         |
| 46. | "              | Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak)                                       |
| 47. | "              | Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan (Sabah)                                    |
| 48. | "              | Datuk Edward Linggu Bukut (Sabah)                                        |
| 49. | "              | Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)               |
| 50. | "              | Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan) |

**AHLI TIDAK HADIR**

- |    |                |                                                                                                         |
|----|----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi]                                 |
| 2. | "              | Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] |
| 3. | "              | Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II]                                                     |
| 4. | "              | Puan Noorita binti Sual                                                                                 |
| 5. | "              | Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman. (Selangor)                                        |

**AHLI TIDAK HADIR (DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

- |    |                |                                                                                                      |
|----|----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]                                      |
| 2. | "              | Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] |
| 3. | "              | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak)                                                        |

**Hadir Bersama**

1. Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi] (Kulai)
2. “ Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Kewangan] (Tanjong)
3. “ Datuk Ts. Mustapha Sakmud [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Sepanggar)
4. “ Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Parit Sulong)
5. “ Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Menteri Pendidikan] (Taiping)
6. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kerja Raya] (Pontian)
7. “ Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)
8. “ Datuk Hajah Rubiah binti Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan)
9. “ Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Timbalan Menteri Ekonomi] (Mukah)
10. “ Tuan Haji Adly bin Zahari [Timbalan Menteri Pertahanan] (Alor Gajah)
11. “ Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong)
12. “ Dato’ Mohammad Yusof bin Apdal [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Lahad Datu)
13. “ Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Pensiangan)
14. “ Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] (Sepang)

**DEWAN NEGARA****Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman

**Setiausaha Dewan Negara**

Muhd Sujairi bin Abdullah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI***(HANSARD TEAM)*

Monarita binti Mohd Hassan  
 Azhari bin Hamzah  
 Rosna binti Bujairi @Bijirani  
 Alzian binti Baharudin  
 Rosmawati binti Mat Nor

Noraidah binti Manaf  
 Siti Norlina binti Ahmad  
 Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
 Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
 Hafilah binti Hamid  
 Nor Faraliza binti Murad @Nordin Alli  
 Herdawati binti Mohd Amir Abbu  
 Noor Sheila binti Razali  
 Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim  
 Nur Hazwanie binti Mohd Rozali  
 Yoogeswari a/p Muniandy  
 Nor Aizafasya binti Zainal  
 Nur Aliya binti Mustaz  
 Adele Beatrice anak Rabeng  
 Syaqira binti Abd. Razak  
 Noor Azimah binti Ahmad @Abu Bakar  
 Mohamad Saidi bin Daud

Nik Muhammad Ismail bin Karim

|                                  |                                  |
|----------------------------------|----------------------------------|
| Azmir bin Mohd Salleh            | Maryam binti Azinuddin           |
| Mohd. Izwan bin Mohd. Esa        | Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili   |
| Nor Kamsiah binti Asmad          | Nurul Syakirah binti Ibharim     |
| Aifarina binti Azaman            | Suhaila binti Sariffuddin        |
| Noorfazilah binti Talib          | Nor Afina binti Mohamed Rashid   |
| Farah Asyraf binti Khairul Anuar | Muhamad Shafiq bin Ahamad        |
| Julia binti Mohd. Johari         | Muhammad Akmal bin Md Yusoff     |
| Syahila binti Ab Mohd Khalid     | Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani |
| Ismalinda binti Ismail           | Anisah Sahirah binti Hamzah      |
| Amir Arshad bin Ab Samad         | Syaza Waheeda binti Mohd Dzarif  |
| Hizamihatim Maggisa bin Juara    | Siti Nor Aisyah binti Mohd Jaid  |
| Muhammad Firdaus bin Ahmad       | Shazryn bin Mohd Faizal          |
| Izzul Syazwan bin Abdul Halim    | Sharon Eugena Jack Aman          |

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KELIMA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Rabu, 19 Mac 2025**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi.**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Tuan Mohd Hasbie bin Muda.

**Tuan Mohd Hasbie bin Muda:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 1.

**1. Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta Menteri Ekonomi menyatakan, berapa ramai peserta program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) mengikut kategori dan berapakah jumlah yang telah berjaya melepasi garis pendapatan RM1,700.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]:** *Assalamualaikum* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Sehingga 17 Mac 2025, seramai 6,287 orang peserta yang telah diluluskan menyertai Inisiatif Pendapatan Rakyat iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Basmi Miskin Tegar (BMT).

Di bawah IPR-INTAN, seramai 517 daripada 3,628 orang peserta yang diluluskan telah berjaya meraih hasil jualan bagi pusingan pertama. Secara umumnya, peserta berupaya meraih julat pendapatan bulanan berjumlah antara RM2,000 hingga RM6,000 bagi melaksanakan program ini. Walau bagaimanapun, memandangkan peserta IPR-INTAN diberikan elaun pra penuaian bulanan berjumlah RM500, maka sebahagian besar daripada mereka telah berjaya meraih pendapatan melebihi RM1,700.

Bagi IPR-INSAN pula, sejumlah 374 orang peserta program rintis telah mendapat manfaat daripada program ini dengan purata jualan harian peserta adalah antara RM90 hingga RM400. Daripada jumlah peserta program tersebut, 119 orang peserta telah berjaya

meraih purata hasil jualan melebihi RM1,700 berdasarkan rekod jualan bagi bulan Disember 2024 dan Januari 2025.

Di bawah IPR-BMT, sejumlah 2,285 - ketua isi rumah miskin tegar di seluruh negara telah diluluskan projek dan program berkaitan peningkatan pendapatan. Daripada jumlah berkenaan, seramai 411 orang peserta telah berjaya melepasi paras garis kemiskinan tegar iaitu RM1,198. Ini merangkumi 376 orang peserta yang telah berjaya meraih pendapatan minimum bulanan berjumlah RM1,700. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Tuan Mohd Hasbie bin Muda:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua dan tahniah kepada kementerian atas inisiatif yang cukup baik. Peningkatan jumlah peserta yang mendapat manfaat kalau seingat saya dalam tempoh setahun yang lepas, jumlahnya hanya sekitar 2,500 orang, sekarang ini telah meningkat kepada tiga kali- ganda.

Cuma soalan saya, adakah dengan pencapaian hasil jualan yang memberangsangkan melalui IPR-INSAN ini, adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan penggunaan mesin layan diri ke sektor-sektor yang lain, umpamanya dengan seperti penjualan barangan runcit dan sebagainya? Terima kasih.

**Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib:** Terima kasih Yang Berhormat. Daripada segi IPR-INSAN, kita masih jua dengan izin, *vetting through the qualifications of those who have applied* dan kita perlu juga memastikan daripada segi kawasannya bersesuaian. Misalannya, kawasan pedalaman kurang bersesuaian untuk menjualkan barangan melalui mesin, tetapi *insya-Allah*, dengan daripada segi pegawai lapangan yang berada di agensi kerajaan, kita sentiasa akan cuba berusaha untuk memastikan daripada segi apa bantuan yang boleh dilaksanakan melalui IPR dapat dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 2.

**2. Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh** minta Menteri Kewangan menyatakan, langkah kerajaan dalam menangani kenaikan harga insurans kesihatan yang semakin membebankan rakyat. Adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan kawalan harga atau insentif bagi memastikan perlindungan kesihatan kekal mampu milik bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

**Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar premium produk *medical and health insurance and takaful* (MHIT) dengan izin adalah, peningkatan berterusan inflasi kos perubatan. Menurut *2025 Global Medical*

*Trend Rates Report* dengan izin, inflasi kos perubatan di Malaysia mencecah 15 peratus pada tahun 2024. Jumlah ini lebih tinggi daripada purata global dan purata Asia Pasifik iaitu 10 peratus. Peningkatan ini didorong oleh faktor-faktor seperti kemajuan dalam teknologi perubatan serta peningkatan penyakit tidak berjangkit.

Inflasi kos perubatan yang tinggi menyebabkan peningkatan tuntutan MHIT. Apabila tuntutan MHIT melebihi premium secara berterusan, dana premium yang terkumpul tidak akan mencukupi untuk membayar tuntutan kepada pemegang polisi. Oleh itu, premium produk MHIT perlu dilaraskan secara berkala bagi memastikan keupayaan *insurers and takaful operators* atau ITO dengan izin, untuk terus memenuhi tuntutan yang dilibat- yang dibuat, dengan maaf.

Semasa menetapkan semula premium, pihak ITO hanya boleh menetapkan semula premium apabila kos tuntutan sebenar meningkat secara berterusan serta melebihi nilai ambang atau *threshold* yang ditentukan lebih awal dalam amalan dalaman ITO. ITO juga tidak dibenarkan untuk menetapkan semula premium semata-mata untuk meningkatkan keuntungan ITO.

Menyedari akan beban kewangan yang dihadapi oleh rakyat, kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia juga telah mengambil beberapa langkah interim bagi mengekang impak kenaikan premium MHIT. Kerajaan memahami bahawa langkah-langkah interim hanya bersifat sementara dan isu pokok permasalahan ini masih terletak pada peningkatan inflasi kos perubatan. Oleh itu, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan mengutamakan reformasi kesihatan yang menyeluruh dalam menangani isu inflasi kos perubatan dan caj-caj di hospital swasta untuk membendung kadar inflasi kos perubatan.

Usaha ini berlandaskan 5 teras utama seperti yang berikut:

■1010

- (i) peningkatan ketelusan kos termasuk penerbitan harga ubat dan perkhidmatan kesihatan lazim serta *mechanism* penganggaran untuk kadar inflasi perubatan;
- (ii) pelaksanaan model pembayaran berdasarkan *diagnostic-related group* (DRG) secara berfasa oleh hospital swasta oleh KKM termasuk mengkaji keperluan untuk meminda Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 atau Akta 586 selaras dengan pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Disember tahun lepas;
- (iii) Bank Negara Malaysia dengan kerjasama KKM dan KWSP akan melaksanakan transformasi reka bentuk produk MHIT melalui



- pembangunan produk asas dengan ciri-ciri yang lebih mampan dan mampu milik;
- (iv) meluaskan pilihan kesihatan yang mampu milik melalui inisiatif rakan KKM dan perkembangan hospital yang tidak berasaskan keuntungan dan akhirnya;
  - (v) pelaksanaan rekod kesihatan elektronik atau dengan izin, *electronic medical records* untuk mengurangkan pengulangan ujian diagnostik yang membolehkan penjimatan kos dan kecekapan operasi.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Soalan tambahan.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Datuk Yang di-Pertua, terima kasih YB Menteri atas jawapan yang begitu komprehensif.

Daripada saya teliti jawapan YB Timbalan Menteri tadi, kalau kita tengok pada punca permasalahan ini adalah dua.

Pertama, *insurance provider* ataupun ITO. Kedua, *health provider* ataupun hospital swasta. Apa tindakan kerajaan untuk kedua-dua pihak ini terutama ITO itu, rundingan ke apa ke, yang telah dilakukan oleh kerajaan ataupun akan dilakukan?

Kedua, untuk kita mengekang ataupun mengawal harga dan kos hospital swasta ini, apakah tindakan sekarang ini yang diambil oleh kerajaan?

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri.

Seperti yang dimaklumkan, fakta utama untuk menyumbang kepada peningkatan kadar premium insurans adalah peningkatan berterusan inflasi kos perubatan seperti yang diujahkan oleh Tan Sri tadi. Oleh itu, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi tindakan bersepadu semua pihak berkepentingan termasuk Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, hospital swasta dan juga pihak ITO, kita sedang bekerjasama untuk mencari penyelesaian jangka masa panjang yang adil dan berkesan.

Keutamaan akan diberikan kepada reformasi sistem kesihatan secara menyeluruh untuk menangani isu inflasi kos perubatan dan caj-caj di hospital swasta yang memberi kesan kepada kadar premium insurans. Ini termasuk meningkatkan ketelusan kos ubat-ubatan dan caj rawatan supaya pengguna mendapat maklumat yang lebih jelas. Perbandingan kos perubatan lazim boleh dilakukan juga. Jadi, satu daripadanya adalah pelaksanaan model pembayaran *diagnostic-related group* (DRG) untuk mengawal kos rawatan dengan lebih efektif. Juga kita ada pelan tindakan bersepadu yang telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada bulan lepas.

Selain itu, perbincangan sedang dijalankan dengan hospital swasta untuk meneroka langkah-langkah lain untuk membendung inflasi kos perubatan. Kerajaan menyedari

keperluan kajian yang lebih terperinci untuk memahami dengan lebih mendalam struktur caj rawatan dan implikasi kepada kadar premium insurans. Maklum balas daripada rakyat yang disuarakan semasa sesi pendengaran oleh PAC juga kita akan mengambil kira untuk mencari penyelesaian yang lebih baik. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Soalan tambahan, YB Roderick.

**Tuan Roderick Wong Siew Lead:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah golongan warga emas dan mereka yang mempunyai penyakit kritikal sering menghadapi kesukaran mendapat perlindungan insurans yang berpatutan. Adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan sebarang skim atau produk khas bagi golongan ini? Terima kasih.

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Secara amnya, kadar premium produk MHIT mengambil kira profil risiko individu seperti umur, gaya hidup sama ada perokok atau tidak, trend tuntutan dan kos perbelanjaan perubatan serta kos insurans semula atau dengan izin, *re-insurance*. Produk MHIT mengamalkan konsep pengumpulan risiko atau *risk pooling* di mana pemegang polisi yang mempunyai tahap kesihatan berlainan akan membayar premium ke dalam *common pool* dan bersetuju untuk berkongsi risiko sesama ahli kelompok risiko tersebut.

Dana daripada *common pool* ini akan digunakan untuk membayar kos tuntutan perubatan di samping kos-kos lain seperti perbelanjaan pengurusan dan juga komisen berikutan inflasi kos perubatan dan peningkatan kekerapan penggunaan, jumlah tuntutan telah meningkat melebihi premium. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia memerlukan pihak ITO untuk mempertimbangkan keperluan pengguna dalam produk yang ditawarkan bagi memastikan perlindungan yang ditawarkan adalah bermakna dan inklusif. Namun, produk MHIT dengan skop perlindungan manfaat yang lebih luas mungkin lebih mahal disebabkan risiko pemegang polisi dan tuntutan yang lebih tinggi.

Kini terdapat beberapa ITO yang menawarkan manfaat untuk segmen ini. Sebagai contoh, manfaat produk perlindungan penyakit kritikal seperti produk *A-Plus Health 2* oleh AIA Berhad dan lain-lain. Oleh yang demikian, bagi memastikan produk MHIT lebih mampan untuk jangka panjang, Bank Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam beberapa bulan yang lepas sedang giat membangunkan produk asas MHIT termasuk merangka parameter, reka bentuk serta penetapan harga. Prinsip awal inisiatif ini telah dimaklumkan ke Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan pada 20 Ogos 2024. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Terima kasih. Sekarang saya jemput Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin.

**Dato' Setia Salehuddin bin Saidin:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Selamat pagi. Terima kasih Datuk Speaker.

*Tepung pelita juadah terbuka;  
Soalan saya nombor tiga.*

**3. Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apa kriteria pemberian status Warganegara Malaysia kepada pemain-pemain bola sepak yang dibawa dari luar negara. Adakah Kementerian juga bercadang untuk memberikan kelonggaran permohonan kewarganegaraan kepada pemain-pemain sukan yang lain seperti bola keranjang dan sukan-sukan lain.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri... *[Ketawa]*

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]:**

*Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin Saidin.

Datuk Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan kewarganegaraan oleh warga asing termasuk pemain bola sepak atau atlet dari bidang sukan lain adalah melalui proses naturalisasi di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan dan tertakluk kepada syarat serta peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan Kaedah-kaedah Kewarganegaraan 1964 serta perundangan yang berkaitan seperti pendaftaran perkahwinan, perangkatan, kesahtarafan anak dan peraturan-peraturan imigresen.

Proses permohonan kewarganegaraan Malaysia untuk mana-mana atlet atau pemain sukan Yang Berhormat, dilaksanakan berdasarkan perundangan yang berkuat kuasa. Setiap pemohon akan dipertimbang berdasarkan merit individu serta sumbangan signifikan yang mereka boleh berikan kepada negara dengan syarat pemohon memenuhi semua keperluan perundangan yang ditetapkan terutama di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan perundangan berkaitan yang memperincikan syarat serta kelayakan sebelum seorang individu boleh dipertimbangkan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia.

Pemberian kewarganegaraan merupakan anugerah tertinggi yang tidak diberikan dengan sewenang-wenangnya. Justeru, setiap keputusan dibuat secara berhati-hati dan berhemah dengan mengambil kira kepentingan negara secara keseluruhan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Soalan tambahan.

**Dato' Setia Salehuddin bin Saidin:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya, sejauh mana dasar kerajaan ini di dalam mengambil pemain-pemain bola sepak ataupun sukan-sukan yang lain? Kalau dilihat pada kriteria yang ketat iaitu salah satunya memberikan sumbangan signifikan kepada negara dalam arena sukan. Jadi, tapi apa yang kita lihat tidaklah bagus mana pun pemain bola sepak itu, tapi mudah sangat untuk dia

mendapatkan kerakyatan. Kalau nak ambil kira kriteria signifikan itu bermaknanya dia bertaraf antarabangsa yang boleh bawa bola sepak Malaysia ke arah yang lebih berjaya sampai ke Olimpik, tetapi ini ke ASEAN pun tak lepas. Jadi, adakah kita ini nak bagi sewenang-wenangnya, suka-suka bagi kalau dia ada sikit bagusnyanya dan kita terus ambil dia sebagai seorang warganegara? Mohon pencerahan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini ada YB tujukan kepada negeri yang spesifik kah ni? YB Menteri, sila jawab... *[Ketawa]*

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah:** Saya jawab yang berkaitan dengan KDN lah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah:** Sebagaimana yang saya maklumkan tadi, permohonan kewarganegaraan Malaysia oleh mana-mana individu, Yang Berhormat, termasuk atlet dari pelbagai bidang sukan adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Yang Berhormat tahu tentang ini, khususnya Bahagian III serta Kaedah-kaedah Kewarganegaraan 1964 dan perundangan berkaitan. Kita sedikit pun tidak berkompromi dalam soal-soal sedemikian rupa.

#### ■1020

Jadi, setiap pemohon, dia akan dipertimbangkan berdasarkan merit individu dan sumbangan signifikan yang boleh diberikan kepada negara. Namun, pemberian kewarganegaraan bukan lah semata-mata bergantung kepada keperluan sukan. Sebaliknya, tertakluk kepada pematuhan penuh terhadap syarat dan kriteria ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Walaupun seorang atlet mungkin berpotensi menyumbang kepada pencapaian sukan negara, namun jika tidak memenuhi syarat yang ditetapkan, permohonan kewarganegaraan tidak akan dipertimbangkan.

KDN tidak mempunyai dasar khusus berkaitan dengan naturalisasi atlet bagi tujuan pembangunan sukan. Dasar berkaitan naturalisasi atlet bagi tujuan pembangunan sukan adalah di bawah Kementerian Belia dan Sukan, Yang Berhormat. KDN sentiasa proses permohonan kewarganegaraan berdasarkan Perlembagaan dan syarat-syarat yang ditetapkan. Kerana kita kena sedar, KDN sentiasa teliti dan berhati-hati kerana pemberian kewarganegaraan merupakan anugerah yang sangat tinggi yang dipertimbangkan dengan penuh cermat dan teliti.

Oleh itu, proses naturalisasi bagi mana-mana atlet sama ada sukan bola sepak atau sukan-sukan lain tetap tertakluk pada perundangan dan tidak diberi secara automatik kepada mana-mana pihak. Terima kasih.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Ada soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datin Ros.

**Datin Hajah Ros Suryati binti Alang:** Soalan saya, bolehkah Kementerian Dalam Negeri mempertimbangkan untuk menambah baik prosedur Permohonan Kewarganegaraan, terutamanya bagi pemohon yang dilahirkan di Malaysia agar keputusan dapat diselesaikan dengan tempoh yang lebih singkat? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini luar topik ini. Tak payah jawab... [Ketawa]

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah:** Datuk Yang di-Pertua, Datin Senator. KDN menyedari kepentingan memastikan proses Permohonan Kewarganegaraan lebih efisien, terutama bagi kes yang melibatkan individu-individu yang lahir di negara ini.

Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diingatkan bahawa setiap Permohonan Kewarganegaraan memerlukan penelitian yang menyeluruh bagi kita pastikan ia selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkaitan. Ini anugerah tertinggi. Kita tak akan beri sewenang-wenangnya, semudah-mudahnya. Walaupun di luar sana bercakap, bahawa mudah diberi, tetapi sangat teliti sebenarnya dan mesti mematuhi peraturan-peraturan ditetapkan.

Jadi untuk makluman, KDN telah mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki dan memendekkan tempoh pemprosesan Permohonan Kewarganegaraan, antaranya: KDN telah mengeluarkan SOP Permohonan Kewarganegaraan di bawah Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan bagi individu berumur bawah 21 tahun. Selain itu, pada 30 September 2024 lalu, KDN telah mengeluarkan SOP bagi Permohonan Kewarganegaraan secara naturalisasi di bawah Perkara 19(1), Perlembagaan Persekutuan yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2025. Melalui SOP baharu ini, proses permohonan dan tempoh memproses telah ditetapkan selama satu tahun.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri, soalan ini sebenarnya tak ada kaitan dengan soalan Dato' Salehuddin. Jadi, saya harap YB beri jawapan bertulis.

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah:** ...Satu perenggan, sedikit sahaja. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya nak selamatkan masa pada pagi ini, oleh sebab *bill* kita banyak hari ini.

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah:** Okey. Jadi, apa pun Yang Berhormat, kita tetap akan mematuhi peraturan-peraturan dan tidak sewenang-wenangnya untuk memudahkan apa jua keputusan pemberian kewarganegaraan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih YB Menteri.

Sekarang saya jemput Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair.

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 4.

4. **Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair** minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, langkah-langkah jangka panjang yang diambil oleh kementerian untuk meningkatkan penglibatan para belia- *young agropreneurs* dalam sektor pertanian yang dilihat masih rendah pada ketika ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Arthur Joseph Kurup]:** Selamat pagi. Salam sejahtera. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator.

Dalam usaha bagi menggalakkan golongan belia menyertai bidang pertanian, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyediakan Program TVET Pertanian yang menawarkan Program Sijil Kemahiran Malaysia, Sijil Pertanian, Sijil Perikanan, Sijil Veterinar Malaysia dan Diploma Kemahiran Malaysia kepada belia yang berumur 18 hingga 25 tahun. Kos pengajian, penginapan, makan minum dan elaun pelatih ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Pada masa ini, Program TVET Pertanian dijalankan di 16 buah institusi latihan TVET Pertanian di seluruh negara. Di samping itu, kementerian juga menawarkan Program Agropreneur Muda bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan yang merangkumi kesemua bidang di sepanjang rantai nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani, termasuk pemasaran, latihan dan kursus teknikal, penyediaan perkhidmatan sokongan dan input pertanian.

Antara insentif yang disediakan di bawah Program Agropreneur Muda ialah Geran Agropreneur Muda iaitu bantuan dalam bentuk barangan tanpa bayaran balik yang terbahagi kepada dua kategori iaitu Geran Agropreneur Muda *Start-up* dan Geran Agropreneur Muda *Scale-up*.

Geran Agropreneur Muda *Start-up* merupakan bantuan dalam bentuk barangan bernilai sehingga RM30,000 yang disediakan kepada warganegara yang berumur antara 18 hingga 43 tahun. Skop projek yang boleh dimohon di bawah geran ini ialah tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani. Manakala bagi Geran Agropreneur Muda *Scale-up* pula merupakan bantuan lanjutan bernilai sehingga RM50,000 yang ditawarkan kepada penerima Geran Agropreneur Muda *Start-up* yang berusia antara 21 dan 45 tahun dan kekal aktif melaksanakan projek tanaman, ternakan atau perikanan.

Bantuan di bawah geran ini bertujuan untuk membantu usahawan mengembangkan projek pertanian dengan pengaplikasian mekanisasi, automasi dan agroteknologi. Pelaksanaan Program Agropreneur Muda di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas telah mencatatkan seramai 3,071 orang agropreneur muda mendapat kelulusan geran agropreneur muda dengan nilai geran sebanyak RM62.38 juta. Melihat kepada penglibatan belia dalam sektor pertanian pula, statistik ini telah menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak lapan

peratus melalui penyaluran geran agropreneur muda iaitu dari 704 orang penerima pada tahun 2022 kepada 758 orang penerima pada tahun 2023.

Manakala bagi tahun 2024, turut menunjukkan sekali lagi peningkatan lapan peratus penerima geran iaitu jumlah tertinggi sepanjang RMKe-12 iaitu seramai 818 orang bersamaan dengan geran bernilai RM17.519 juta. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, Dato'?

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Now*, kita pernah ada program agropertanian yang cukup baik. Antaranya ialah NAAM iaitu *The New Affirmative Action Movement* yang banyak mewujudkan peluang kepada usahawan muda daripada golongan kaum India. Adakah pihak kementerian akan meneliti semula program-program sedemikian? Isu ini saya telah bangkit dalam perbahasan Titah Baginda. Kenapa program ini dihentikan oleh kerajaan di tahun 2018, walaupun *it was supposed to empower 100,000 youth*? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

**Datuk Arthur Joseph Kurup:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kalau menurut rekod kita, sebelum ini di kementerian kita hanya ada satu program di bawah RMKe-10 yang dinamakan Skim Pembiayaan Usahawan Muda India (SPUMI). Skim ini terletak di bawah satu agensi yang dinamakan TEKUN. Dulu TEKUN ini dia di bawah Kementerian Pertanian, tetapi sekarang TEKUN telah dipindahkan kepada Kementerian KUSKOP. Walau bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, kementerian melaksanakan program yang merentasi semua kaum. Tidak kira kaum, bangsa atau pun agama.

#### ■1030

Di dalam ini, kita telah membantu sebanyak 65 orang usahawan daripada kaum India yang telah menerima geran. Daripada ini, ada 60 orang penerima Geran Agropreneur Muda berjumlah RM1.2 juta, empat orang penerima Geran Pemandaran *Change Upgrade Product* berjumlah RM193,787 dan satu orang penerima Geran *High Impact Product* berjumlah RM175,496 dan kementerian sentiasa menggalakkan supaya lebih ramai usahawan India untuk memohon geran dan insentif yang disediakan di bawah kementerian. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Senator Dato' Halim Suleiman.

**Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman:** *Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.*

*Buah duku buah delima;  
Soalan saya nombor lima.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri, sila jawab.

**5. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman** minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, bagaimana Majlis Amanah Rakyat (MARA) merancang untuk mempertingkatkan akses kepada pendidikan dan latihan untuk golongan muda bumiputera di luar bandar terutamanya dalam menghadapi cabaran kemiskinan dan kekurangan peluang pekerjaan.

**Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Hajah Rubiah binti Wang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih YB Senator atas soalan. Datuk Yang di-Pertua, saya mohon sedikit masa untuk jawab sebab agak ada panjang sikitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak, YB Menteri, jawab yang prioriti, yang lain boleh bagi jawapan bertulislah.

**Datuk Hajah Rubiah binti Wang:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** [Ketawa]

**Datuk Hajah Rubiah binti Wang:** Tuan Yang di-Pertua, pembangunan modal insan merupakan elemen penting bagi menyokong pertumbuhan inklusif mewujudkan peluang yang saksama serta menyediakan pasaran pekerjaan yang teguh seterusnya membantu membuka laluan kepada golongan pelajar ini untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh MARA untuk memastikan laluan akses belia luar bandar, yang pertama pendidikan menengah melalui MRSM. MRSM menyediakan sistem pendidikan yang selari dengan perkembangan industri di samping mengikuti silibus Kementerian Pendidikan Malaysia. Untuk makluman, keutamaan kemasukan diberi kepada pelajar daripada keluarga B40.

Tambahan itu, bagi memastikan golongan B40 berpeluang mendapat kesamarataan kepada akses pendidikan yang berkualiti melalui inisiatif program Budi MARA yang menawarkan bantuan yang tidak terhad kepada yuran persekolahan semata-mata, tetapi mencakupi pelbagai perbelanjaan seperti pakaian sekolah dan keperluan peribadi. Bagi tahun 2024, seramai 3,390 orang pelajar MRSM menerima manfaat daripada program ini.

Kedua, kelestarian pelajar melalui pengajian tinggi MARA. Bagi melahirkan tenaga kerja profesional berpendapatan tinggi, MARA menawarkan 13 Program Diploma termasuk lapan program dwi persijilan bersama badan profesional seperti *Association of Chartered Certified Accountant (ACCA)*, *Chartered Institute of Logistic and Transport (CILT)*, *Certified Professional Marketer (CPM)* dan juga beberapa badan profesional yang lain.

Yang ketiga, jaminan peluang pekerjaan melalui TVET MARA. Langkah proaktif melalui TVET MARA dalam memperkasakan keboleh pasaran bagi memperluaskan laluan kerjaya serta memastikan jaminan peluang pekerjaan kepada graduan adalah dengan



menyediakan set kemahiran dalam bidang-bidang teknologi baharu serta sijil kompetensi tambahan seperti Penjaga Elektrik A4, CCNA dan juga 6G Small Tower.

Selain itu, yang keempat, pembentukan usahawan teknikal melalui Tekno Usahawan MARA. Selain melahirkan tenaga kerja mahir, MARA juga komited membangunkan tekno usahawan melalui program Diploma Teknousahawan yang dijalankan di KKTM dan juga IKM. Sejak 2016, seramai 349 tekno usahawan berjaya dilahirkan dengan jumlah jualan terkumpul sebanyak RM76.66 juta dalam bidang seperti elektrik, fesyen, perabot dan juga penyaman udara.

Terakhir, laluan kerjaya melalui penganjuran pelajaran MARA. MARA juga turut melaksanakan program *career crafting* dengan kerjasama pihak industri yang bertujuan untuk memberi peluang penempatan pekerjaan kepada para graduan bagi menarik minat pelajar-pelajar tajaan luar negara pulang berkhidmat di dalam negara. Program ini dilaksanakan di empat Zon iaitu Utara, Timur, Tengah Dan Selatan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri...

**Datuk Hajah Rubiah binti Wang:** Pada tahun 2024, seramai 2,034 orang pengunjung menerima tawaran kerja menerusi program ini. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nanti ada soalan tambahan YB. Jangan takut. Soalan tambahan... [Ketawa]

**Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman:** Terima kasih Datuk Speaker. Saya melihat bahawa perancangan MARA ini amat baik untuk jangka masa panjang sehinggakan ke tahap untuk memberi kerjaya yang baik. Cuma, saya nak tahu bagaimana MARA merancang untuk meningkatkan kesedaran golongan muda di luar bandar mengenai peluang pendidikan dan latihan yang ada memandangkan cabaran dalam hal komunikasi dan informasi? Juga, bagaimanakah MARA melihat keberkesanan program-program yang dilaksanakan untuk golongan muda di luar bandar dan apakah indikator kejayaan yang digunakan? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rubiah binti Wang:** Yang di-Pertua, soalan ini pun panjang. Ada dua yang elemen, satu promosi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu masalah dia. Soalan tambahan dibenarkan satu sahaja.

**Datuk Hajah Rubiah binti Wang:** Okey, saya jawab satu sahaja. Yang nombor dua saya buat yang bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** [Ketawa]

**Datuk Hajah Rubiah binti Wang:** Okey, MARA melalui TVET MARA telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengendalikan pendidikan teknikal dan latihan vokasional sebagai pilihan utama khususnya dalam menarik minat lepasan SPM dan STPM terutamanya dari luar bandar untuk melanjutkan pengajian dalam bidang ini. Antara usaha yang dilaksanakan ialah:

- (i) penawaran Program TVET MARA iaitu menyediakan program selari dengan keperluan tenaga kerja negara dan permintaan industri baik di dalam dan juga luar negara;
- (ii) dari sudut artikulasi pengajian TVET MARA. Laluan pendidikan daripada peringkat sijil hingga ke peringkat kedoktoran melalui GIATMARA, IKM, KKTM, MJII, JMI dan juga UNIKL;
- (iii) kolaborasi strategik dengan industri dengan meningkatkan kebolehan pasaran graduan serta penguasaan teknologi dan kemahiran yang tinggi;
- (iv) penyertaan dalam karnival-karnival dan pameran pendidikan seluruh negara untuk memberi pendedahan kepada belia mengenai program TVET MARA melalui konsep 4P- penerangan, permohonan, penawaran, penajaan;
- (v) promosi melalui media sosial seperti *Facebook, Instagram, TikTok, WhatsApp* dan sebagainya;
- (vi) taklimat-taklimat TVET di sekolah-sekolah;
- (vii) tanggungjawab sosial korporat;
- (viii) penerbitan kejayaan pelajar dan juga pensyarah;
- (ix) program temu bual di radio dan juga di televisyen;
- (x) promosi-promosi tentang kejayaan-kejayaan alumni MARA; dan
- (xi) penyertaan dalam pertandingan inovasi dan kemahiran baik di dalam negara mahupun di luar negara.

Soalan kedua, saya jawab yang bertulis berkaitan dengan kebolehan pasaran tadi. Kebolehan pasaran pelajar-pelajar MARA di pasaran pekerjaan. Yang itu saya jawab bertulis. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

**Tuan Abun Sui Anyit:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik YB. YB Abun, saya tak benarkan. Sekarang saya jemput Tuan Robert Lau Hui Yew.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 6.

**6. Tuan Robert Lau Hui Yew minta** Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, apa jenis-jenis persijilan yang ditawarkan di bawah Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan berapakah bilangan institusi pengajian tinggi yang telah menerima persijilan tersebut.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal]:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang mengiktiraf,

mengawal, menggalak dan membangunkan profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas. MBOT tidak menawarkan sebarang persijilan, tetapi lebih kepada pengiktirafan profesional kepada teknologis dan juruteknik dan akreditasi program akademik dan TVET dalam bidang teknologi dan teknikal.

Mereka yang diiktiraf akan menjadi Ahli MBOT dan keahlian ini terdiri daripada empat kategori pendaftaran. Dua kategori adalah di peringkat kemasukan iaitu Teknologis Berijazah dan juruteknik berkelayakan. Manakala, dua lagi kategori pendaftaran adalah di peringkat profesional iaitu Teknologis Profesional dengan gelaran Ts dan Juruteknik Bertauliah dengan gelaran Tc.

Sehingga kini MBOT telah mendaftar seramai 100,243 orang ahli merangkumi 58,602 Teknologis Berijazah, 12,638 orang Juruteknik berkelayakan, 25,442 Teknologis Profesional (Ts) dan 3,561 Juruteknik Bertauliah (Tc).

#### ■1040

MBOT juga berperanan membuat penilaian jaminan kualiti atau akreditasi program akademik dan TVET dalam bidang teknologi dan teknikal yang ditawarkan di peringkat Sijil, Diploma, Diploma Lanjutan dan Ijazah Sarjana Muda. MBOT melalui Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) menjalankan dua peringkat akreditasi iaitu akreditasi penuh dan akreditasi sementara.

Selain itu, MBOT juga telah menubuhkan Majlis Pembangunan Profesional Teknologi dan Teknikal (TPDC). TPDC ditubuhkan bagi memastikan jaminan kualiti program kemahiran melalui *Professional Technical Certification* dan program kursus pendek dalam bidang teknologi dan teknikal melalui *Professional Development Certification* dinilai dan diiktiraf memandangkan sebelum ini tiada badan khusus yang membuat penilaian dan mengiktiraf kursus-kursus profesional dalam bidang teknologi dan teknikal.

Inisiatif ini dapat memperkukuh ekosistem latihan dan pensijilan kepada tenaga kerja mahir di Malaysia, di mana ia akan menjadikan individu yang ingin meningkatkan kemahiran profesional mereka memperoleh kelayakan atau sijil yang diiktiraf dalam bidang berkenaan yang bukan sahaja dapat memperkukuh prospek pekerjaan mereka, tetapi juga memberi laluan kepada peningkatan kerjaya dalam sesuatu industri yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan institusi pendidikan tinggi dan teknikal di Malaysia melahirkan lebih ramai *technologist* dan juruteknik yang berprofesional, MBOT bekerjasama dengan IPT awam, IPT swasta, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) Kementerian Pendidikan Malaysia dan pelbagai pihak lain dalam memperkasa graduan dalam bidang teknologi, teknikal dan TVET.

Salah satu inisiatif utama ke arah melahirkan graduan yang profesional adalah pelaksanaan *MBOT Student Chapter*. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk meningkatkan

kesedaran pelajar di institusi pengajian tinggi berkenaan kepentingan pengiktirafan profesional dan keperluan industri sekali gus mempersiapkan mereka untuk melakar laluan kerjaya yang lebih berdaya saing. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang terperinci. Soalan tambahan saya. Mengikut jawapan, MBOT ada buat penilaian jaminan kualiti program akademik dalam bidang teknologi dan teknikal. Soalan saya ialah, adakah penilaian ini mengkhusus kepada teknologi tertentu atau dalam kategori *general technology*, dengan izin, sahaja? Adakah juga sebarang kerjasama antarabangsa supaya kualiti penilaian ini setara dengan piawaian antarabangsa? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan yang baik daripada Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, ketika ini, penilaian jaminan kualiti program akademik melibatkan 24 bidang teknologi dan teknikal. Bidang-bidang yang diiktiraf ini telah melalui satu proses kajian keperluan yang menyeluruh oleh pakar-pakar daripada *MBOT Technology and Technical Working Group* (TTWG) yang dianggotai oleh wakil industri, agensi kerajaan yang berkaitan dan akademik sebelum bidang tersebut diluluskan oleh lembaga sebagai bidang teknologi dan teknikal MBOT.

MBOT juga akan memastikan program pengajian yang diakreditasi di bawah MBOT mempunyai elemen perkhidmatan teknologi iaitu pembangunan produk, pembuatan produk, pengujian produk, pentauliahan produk dan penyelenggaraan produk bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda. Manakala bagi peringkat Sijil dan Diploma pula akan melibatkan elemen perkhidmatan teknikal iaitu pengujian produk, pentauliahan produk dan penyelenggaraan produk.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat mengenai kerjasama antarabangsa supaya kualiti penilaian ini setara dengan piawaian antarabangsa, MBOT merupakan penandatangan penuh bagi *Seoul Accord* iaitu sebuah perjanjian ko-akreditasi melibatkan negara-negara penandatangan bagi program dalam bidang pengkomputeran dan teknologi maklumat (ICT). Sebagai penandatangan kepada *accord* ini, kualiti dan piawaian program-program pengajian di bawah bidang ICT yang diakreditasi oleh MBOT secara tidak langsung telah diiktiraf di peringkat antarabangsa dan seterusnya memudahkan mobiliti bakat-bakat profesional tempatan dalam bidang ICT diterima di negara-negara penandatangan *Seoul Accord*, antaranya seperti Australia, Kanada, Thailand, Jepun, Republik Korea, Mexico, *United Kingdom* dan Amerika Syarikat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Abun.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Datuk Yang di-Pertua, Sarawak hari ini ke hadapan dalam bidang teknologi dan memerlukan ramai tenaga mahir profesional sama ada daripada segi bidang teknologi mahupun teknikal. Begitu juga dengan Kerajaan Sabah yang berhasrat juga memperkasakan ekosistem sains, teknologi dan inovasi mereka. Jadi, soalan tambahan saya adalah, apakah langkah-langkah dan inisiatif yang diambil oleh MBOT bagi membantu wilayah di Borneo ini mencapai sasaran yang ditetapkan di samping melahirkan lebih ramai tenaga mahir profesional di dalam bidang yang diingini ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Terima kasih, Datuk speaker. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas satu soalan yang amat relevan.

Sehingga Mac 2025, jumlah pendaftaran ahli MBOT di Sarawak adalah seramai 7,578 orang, manakala di Sabah pula seramai 4,634 orang. Bagi negeri Sarawak, kerajaan negeri telah menyasarkan untuk mendaftarkan seramai 10,000 orang ahli dari negeri ini.

Selain itu, MBOT mengakreditasi program-program akademik dalam bidang teknologi dan teknikal yang berada di pelbagai institusi pengajian tinggi dan kemahiran di Sabah dan Sarawak. Setakat ini, MBOT telah mengakreditasi sebanyak 11 program di peringkat sijil, 81 program di peringkat diploma dan enam program di peringkat ijazah sarjana muda. Ini merangkumi universiti awam, universiti swasta, kolej-kolej vokasional dan kolej komuniti.

MBOT juga telah menjalin hubungan kerjasama dengan dua buah badan bukan kerajaan (NGO) untuk melahirkan lebih ramai tenaga mahir profesional dalam bidang teknologi dan teknikal iaitu *Association for Professional Technicians and Technologies (APTT) Sarawak* dan *Sabah Association Professional Technicians and Technologies (SAPTT)*. Antara aktiviti yang dijalankan dengan badan-badan ini adalah seperti penganjuran *MBOT Borneo Symposium*, *MBOT Student Chapter*, seminar dan bengkel serta lawatan teknikal ke industri yang berkaitan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Datuk Nelson Angang.

**Datuk Nelson W Angang:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 7.

7. **Datuk Nelson W Angang** minta Menteri Pendidikan menyatakan, perincian keberhasilan usaha-usaha reformasi pendidikan yang dilaksanakan oleh kementerian setakat ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]:** Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih soalan dari Yang Berhormat Nelson.

Reformasi pendidikan berteraskan enam fokus utama iaitu intervensi kurikulum, pendidikan STEM, MBMMBI, pendidikan digital, penyelarasan prasekolah dan juga pendidikan TVET.

Pada tahun 2024, di bawah inisiatif intervensi kurikulum, KPM telah melaksanakan program pengesanan awal literasi dan numerasi bagi murid Tahun 1 melibatkan 448,113 orang murid. Antaranya, seramai 122,062 orang murid telah dikenal pasti memerlukan intervensi kurikulum.

Sehingga Februari 2025, seramai 72,385 orang murid yang mengikuti program intervensi Tahun 1 telah berjaya menguasai kemahiran asas dan telah kembali ke kelas biasa, manakala 49,677 orang murid masih memerlukan bimbingan tambahan dan akan mengikuti program pemulihan khas di Tahun 2 pada tahun 2025. Jumlah ini menunjukkan terdapatnya penurunan murid yang telah pun mengikuti pemulihan khas berbanding pada tahun sebelum itu iaitu seramai 73,736 orang murid pada tahun 2024.

Peratusan enrolmen murid STEM telah juga menunjukkan peningkatan. Pada tahun 2023, jumlah peratusan enrolmen adalah sebanyak 45.73 peratus dan pada tahun 2024 ditingkatkan kepada 50.83 peratus. Pada masa yang sama, KPM telah menyelenggara dan menaik taraf sebanyak 506 Makmal Sains dan 525 Makmal Komputer dengan peruntukan RM90 juta.

Pada masa yang sama, KPM telah membekalkan bahan dan juga alatan sains baharu kepada 1,265 buah sekolah rendah dengan peruntukan RM6.9 juta dan 1,050 buah sekolah menengah yang melibatkan kos RM18.9 juta di seluruh Malaysia secara *one-off* pada tahun 2024.

Di bawah inisiatif Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris, inisiatif ini melibatkan murid dalam aktiviti kebahasaan peringkat kebangsaan dan telah menunjukkan keberhasilan apabila Program Pidato 3 Minit Aspirasi Generasi Madani Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris telah pun dilaksanakan. Sehingga Disember 2024, aktiviti ini telah berjaya disertai oleh 325,441 orang murid.

#### ■1050

Daripada segi kompetensi guru di bawah MBMMBI, Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru juga telah dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kompetensi Guru Bahasa Melayu terutamanya guru bukan opsyen dan ini telah dilaksanakan mulai tahun 2022. Selain itu, mulai ambilan 2020, CEFR C1 telah pun ditetapkan sebagai syarat bergraduat bagi pelajar PISMP bidang Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua.

Dalam memperkukuhkan pendidikan digital, KPM memberi penekanan kepada pembangunan infrastruktur dan juga kandungan digital. Pada tahun 2024, sebanyak 96

peratus antara kalangan guru menggunakan DELIMA secara aktif dan untuk murid adalah sebanyak 45 peratus. Berbanding dengan pencapaian 88 peratus guru dan 37 peratus murid pada tahun 2023, ia juga menandakan satu peningkatan.

Akhirnya, di dalam bidang TVET. Dalam aspek pendidikan TVET, KPM mengambil pelbagai inisiatif untuk memastikan program TVET memenuhi keperluan industri semasa dan akan datang. Antaranya termasuk memperluaskan akses TVET kepada pelbagai peringkat murid seperti membolehkan lepasan SPM mengikuti program diploma di kolej vokasional.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menasaskan seramai 90,000 orang graduan diploma di KV dilahirkan. Sehingga kini, graduan yang dilahirkan melebihi sasaran yang telah ditetapkan dengan 93,094 orang graduan. Manakala kebolehpasaran graduan diploma di kolej vokasional menunjukkan peningkatan yang progresif iaitu 99.16 peratus pada tahun 2022, 99.3 peratus pada tahun 2023 dan 99.91 peratus pada tahun graduasi 2024. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, Yang Berhormat Senator Datuk Nelson.

**Datuk Nelson W Angang:** Terima kasih YB Timbalan Menteri. Soalan susulan saya berkaitan dengan cadangan kementerian...

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri, duduk dahulu... [Ketawa]

**Datuk Nelson W Angang:** Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Soalan susulan saya berkaitan dengan cadangan kementerian menggubal Dasar Pendidikan Wajib Sekolah Menengah bertujuan mengatasi isu berkaitan kehadiran dan keciciran pelajar. Dasar ini antara lain bertujuan mengatasi isu ketidakhadiran pelajar pada peperiksaan SPM akan datang. Apakah cadangan mekanisme penguatkuasaan dan tindakan terhadap mereka yang tidak mematuhi dasar ini? Terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh:** Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih soalan tambahan dari Yang Berhormat Senator berkenaan dengan Dasar Pendidikan Wajib. Pembentangan oleh KPM kepada *Backbenchers* di Dewan Rakyat bagi Dasar Pendidikan Wajib telah pun diadakan dua minggu yang lepas di Parlimen Malaysia dan kami telah pun mendedahkan, membentangkan draf dan juga lakaran hala tuju Dasar Pendidikan Wajib kepada ahli-ahli BBC pada ketika itu.

Pada penggal yang akan datang, saya percaya bahawa sesi yang sama juga akan diberikan kepada rakan-rakan kita di Dewan Negara. Di bawah Dasar Pendidikan Wajib, dasar ini telah pun diluluskan secara dasarnya oleh Jemaah Menteri pada tahun lepas dan kita bercadang, kita mempunyai rancangan untuk membentangkan Rang Undang-undang Dasar Pendidikan Wajib ini untuk Bacaan Kali Pertama pada sesi yang akan datang.

Berkenaan dengan isu ketidakhadiran SPM, isu ini telah pun kami jawab dalam Dewan ini pada minggu lepas yang mana sekiranya Ahli Yang Berhormat Senator meneliti berkenaan dengan statistik ketidakhadiran, pada tahun ini jumlah ketidakhadiran yang dicatatkan adalah

seramai 8,076 orang telah pun mencatatkan satu penurunan daripada angka ataupun statistik yang lepas sebanyak 10,160 orang.

Usaha oleh KPM akan terus giat dilaksanakan termasuklah Ziarah Cakna, termasuklah bimbingan kepada anak-anak kita berkenaan dengan kepentingan untuk mengambil dan menghadiri peperiksaan SPM. Kesemua usaha ini apabila kita nampak, ia telah pun nampak satu keberkesanan dia dan kami akan, pihak KPM akan teruskan usaha ini untuk mendidik dan juga membimbing anak-anak kita. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan.

**Datuk Haji Mustafa bin Musa:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa, soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa selepas ini. Jadi, saya beri pada Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina lah.

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Bagi melahirkan pelajar yang cemerlang akademiknya dan juga yang berkemahiran tinggi, adakah kerajaan bercadang untuk memasukkan subjek TVET sebagai salah satu kurikulum wajib bermula dari sekolah rendah lagi selain dari Kolej Vokasional yang disediakan di peringkat menengah? Terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh:** Terima kasih soalan tambahan dari Yang Berhormat Senator. Sememangnya KPM komited menyediakan akses pendidikan TVET bermula dengan pendedahan TVET kepada murid peringkat sekolah bagi membolehkan mereka membuat pilihan aliran TVET yang bersesuaian apabila masuk ke peringkat menengah selepas Tingkatan 3.

Apa yang KPM akan laksanakan dalam Kurikulum Persekolahan 2027 adalah untuk membolehkan pendedahan awal asas pendidikan TVET diperkenalkan kepada murid seawal Tahun 4 di peringkat sekolah rendah melalui mata pelajaran- ini yang sedia ada, melalui mata pelajaran Reka Bentuk Teknologi. Ini telah pun bermula tahun 2014 yang mana murid telah pun diperkenalkan dengan kemahiran berasaskan TVET yang menawarkan bidang utama seperti Teknologi, Sains Rumah Tangga, Kejuruteraan, Pengaturcaraan dan juga Pertanian. Usaha-usaha ini telah pun ditingkatkan, telah pun dimulakan pada tahun 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk Kurikulum Persekolahan 2027, saya ada sedikit makluman di sini bahawa pihak KPM juga akan memberikan penekanan kepada asas pendidikan TVET bagi memupuk minat murid dalam bidang TVET. Dari Tahun 1 lagi, elemen-elemen berkenaan dengan TVET akan diperkenalkan dan ini merentasi mata pelajaran. Bukan mata pelajaran secara individu, tetapi elemen-elemen pendidikan TVET diperkenalkan kepada anak-anak kita dengan mata pelajaran-mata pelajaran yang diperkenalkan.

Seperti sebagai contoh, bagi Tahap 1, kita akan memperkenalkan pembelajaran bersepadu yang mana elemen-elemen seperti sains, teknologi, visual, digital sebagai asas



TVET akan didedahkan kepada anak-anak kita mulai dari awal lagi. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Memandangkan soalan ini berkenaan dengan dasar dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa hendak tanya lagi soalan? Saya boleh benarkan walaupun Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa selepas ini hendak tanya soalan... *[Ketawa]* Soalan yang *last*.

**Datuk Haji Mustafa bin Musa:** Terima kasih. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tentang unjuran ketidakhadiran. Betul 8,000 tidak hadir semua kertas, tetapi 10,000 tidak hadir pada hari pertama. Bererti dalam tangan kita gagal pasti 10,000. Sebabnya dia tidak mengambil peperiksaan wajib Bahasa Melayu.

Jadi, kalau usaha telah dilakukan, saya pernah melakukan Ziarah Cakna dan sebagainya yang YB cakap ketika saya sebagai guru, tetapi ternyata dia langsung tidak berkesan dalam merendahkan unjuran kehadiran pelajar dan sekali gus tentu pelajar-pelajar ini tidak akan dapat melanjutkan pelajaran, terlibat dengan pelbagai insiden dan kelakuan yang tidak baik. Jadi, saya hendak tahu ada tidak lagi usaha lain yang lebih dominan, yang lebih baik, lebih berkesan untuk dilakukan bagi mengekang ketidakhadiran pelajar ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Memang satu soalan relevan daripada seorang pendidik. Jadi, YB Menteri... *[Ketawa]*

**Tuan Wong Kah Woh:** Ya, terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk berkenaan dengan ketidakhadiran SPM. Apabila kita bincang berkenaan dengan ketidakhadiran SPM seperti Yang Berhormat Senator Datuk ada sebut tadi, sememangnya statistik ketidakhadiran ini direkodkan untuk mereka yang tidak hadir kesemua mata pelajaran dan mereka yang telah pun mendaftar sekurang-kurangnya enam- mata pelajaran.

Sekiranya kita meninjau daripada statistik yang kita ada, sememangnya ia telah pun berkurangan dengan setiap tahun. Bukan sahaja *paper* untuk Bahasa Melayu sahaja, tetapi secara keseluruhannya dikurangkan daripada 14,000 kepada 10,000 sampai sekarang 8,000. Daripada 8,076 ini, calon-calon KPM, calon-calon di bawah institusi di pendidikan KPM tidak termasuk calon persendirian, tidak termasuk calon swasta adalah lebih kurang 6,000 lebih yang tidak hadir.

Usaha-usaha akan terus diadakan dan dilaksanakan. Saya mengambil maklum, mengambil iktibar berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat Senator berkenaan dengan ketidakhadiran pada hari pertama iaitu untuk Bahasa Melayu. Bagi untuk menggalakkan anak-anak kita ataupun calon-calon untuk mempunyai satu peluang lagi untuk menduduki mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Sejarah dan kedua-dua- juga, mata

pelajaran Bahasa Melayu dan mata pelajaran Sejarah, pihak KPM seperti biasa ada sediakan ujian ataupun ada sediakan peluang untuk SPM Ulangan (SPMU). Itu nombor satu.

■1100

Nombor dua juga, demi menggalakkan anak-anak kita memperbaiki sijil SPM so pihak KPM juga mempunyai satu polisi untuk membenarkan satu inisiatif ataupun satu tindakan pencantuman sijil ataupun pencantuman keputusan. Katakan tahun ini apabila saya mengambil sembilan- mata pelajaran, Bahasa Melayu dan juga Sejarah tidak mendapat satu keputusan yang baik, saya menduduki SPM Ulangan ataupun saya menduduki SPM pada tahun hadapan. Dengan satu keputusan yang lebih baik, pihak KPM membenarkan supaya keputusan itu dapat dicantumkan dalam satu sijil asal yang mana ia akan memaparkan satu sijil yang lebih baik.

Kesemua ini merupakan inisiatif oleh KPM untuk memberikan galakan kepada anak-anak kita, kepada calon-calon untuk lebih prihatin dan lebih memberikan untuk menyuntik lebih semangat kepada anak-anak kita dalam mengambil peperiksaan SPM. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB Menteri. Satu jawapan yang benar-benar terperinci. Sekarang saya jemput kembali Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa untuk mengemukakan soalan.

**Datuk Haji Mustafa bin Musa:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 8.

**8. Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta Menteri Pertahanan menyatakan, fokus pertahanan maritim di Perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan dan sejauh manakah Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menangani ancaman dan provokasi penguatkuasaan di kawasan pertindihan sempadan negara.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Haji Adly bin Zahari]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Salam Malaysia MADANI. Datuk Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa, yang memberikan soalan tentang terkait dengan Selat Melaka dan juga Laut China Selatan.

Datuk Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan melalui Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) memainkan peranan utama dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan perairan negara tetap terjamin. Strategi pertahanan Maritim Malaysia tertumpu kepada aspek pengawasan, kehadiran aset tentera, kerjasama antarabangsa serta pemodenan sistem pertahanan. Dalam hal ini, fokus pertahanan maritim di perairan Selat Melaka merangkumi

aspek seperti keselamatan perdagangan dan laluan perkapalan, menangani jenayah maritim, kerjasama serantau dan latihan ketenteraan bersama.

Fokus pertahanan maritim di Laut China Selatan pula berbeza dengan Selat Melaka kerana Laut China Selatan lebih kompleks daripada segi geopolitik kerana wujudnya pertindihan tuntutan maritim antara Malaysia, China, Vietnam, Filipina dan Brunei. Keutamaan TLDM di kawasan ini merangkumi kedaulatan Zon Maritim Malaysia, menangani provokasi kuasa asing, penggunaan aset strategik untuk pengawasan serta kerjasama serantau dan antarabangsa. Pihak TLDM mengambil pelbagai langkah untuk menangani cabaran keselamatan maritim di kawasan pertindihan sempadan seperti peningkatan kehadiran dan rondaan, pendekatan *soft power* dengan izin, dan juga diplomasi ketenteraan. Pemodenan aset dan teknologi pertahanan serta kerjasama dengan agensi tempatan dan juga serantau.

Datuk Yang di-Pertua, secara keseluruhannya TLDM memainkan peranan yang sangat penting dalam mempertahankan kedaulatan perairan Malaysia sama ada di Selat Melaka mahupun di Laut China Selatan. Dalam jangka masa panjang, kerajaan akan terus melabur dalam aset ketenteraan bagi memperkasakan keupayaan pertahanan maritim untuk menghadapi cabaran keselamatan yang semakin kompleks. Itu saja jawapannya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Memang sesuai jawapan, soalan daripada wakil Melaka kepada Menteri yang dulu merupakan bekas Ketua Menteri Melaka. *[Ketawa]* Silakan Datuk Haji Mustafa bin Musa, soalan tambahan.

**Datuk Haji Mustafa bin Musa:** Baik. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri atas jawapan yang pada saya cukup baik. Cuma saya nak buat soalan tambahan. Sejauh mana Kementerian Pertahanan merencanakan satu program khusus bagi anggaran bajet mengurus, bagi anggaran bajet maksud bekalan belanja mengurus dan memohon peruntukan tambahan jika ada keperluan untuk menyelenggara isu rondaan di kawasan pertikaian di sempadan maritim di Laut China Selatan dan Zon Maritim Malaysia agar jaminan isu kedaulatan zon maritim kita akan terus terpelihara? Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

**Tuan Haji Adly bin Zahari:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan yang dikemukakan. Soalan lebih berkisar kepada bagaimana kita menguruskan bajet kita dan juga bajet tambahan kita untuk pastikan aset-aset maritim kita.

Datuk Yang di-Pertua, sepertimana kita tahu kita di Kementerian Pertahanan dan juga melalui Kerajaan Malaysia MADANI ini, kita membentangkan Laporan Audit kita kepada Parlimen kita untuk pastikan bahawa dalam laporan audit itu sebenarnya telah menggariskan beberapa cabaran kita dalam menyelenggara aset-aset. Terutamanya aset-aset yang terkait dengan Tentera Laut Diraja Malaysia kerana kita tahu bahawa antara persoalan utama dalam

aset-aset laut kita adalah tentang usia aset-aset kita ini. Sebab itu kalau kita lihat, memang dalam setiap tahun kita memang memerlukan beberapa bajet tambahan.

Kalau kita lihat dalam pembentangan yang terkini pun kita memerlukan bajet tambahan dan saya rasa dalam Dewan Negara ini juga akan dibentangkan terkait dengan bajet tambahan, terkait dengan penyelenggaraan aset-aset laut kita, tetapi harus kita ingat, dalam Laporan Audit juga ada menyebut bahawa keupayaan tentera laut ini menggunakan aset-aset lebih daripada 100 peratus. Dalam istilah yang kita sebut sebagai *high tempo* itu sendiri.

Maknanya daripada segi perancangan kita, mereka terpaksa mengawal terutamanya di Laut China Selatan itu melebihi daripada apa yang telah kita rancang kerana kita tahu bahawa cabaran di Laut China Selatan cukup besar dan kita lihat bahawa dalam masa yang sama, asas yang paling penting dalam kita menentukan bajet kita, dalam menentukan aset kita adalah aktiviti-aktiviti ekonomi kita. Itu asas paling penting dalam kita membuat ukuran itu. Sebab itu kita harus pastikan bahawa aspek ekonomi kita daripada segi kita mencari minyak dan gas, daripada segi perdagangan laut kita, daripada segi pelancongan kita, daripada segi aktiviti nelayan kita.

Jadi kalau kita ada keselamatan daripada aspek-aspek itu, kita merasakan bahawa keupayaan kita untuk menjamin ekonomi dan juga keselamatan negara kita sentiasa dapat kita berikan satu jaminan melalui TLDM itu. Itu saja jawapan.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Soalan tambahan.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Tan Sri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, Tuan Haji Hussin. YB Tuan Abun tadi dah dapat soalan tambahan.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Sebab saya tak ada soalan. Tak ada soalan hari ini naik... [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua. Terkait dengan jawapan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya rasa kita masih ingat tentang satu kapal perang kita dulu, perang Kapal KD Pendekar yang tenggelam di perairan Johor. Dikatakan, saya minta pengesahan. Dikatakan bahawa kerana dia memainkan peranan atau fungsi yang berbeza daripada tujuan reka bentuk dia. Asalnya dikatakan fungsinya dia adalah untuk *attack* serang dan lari tapi akhirnya ditukar yang ambil masa singkat, akhirnya ditukar beroperasi dalam operasi meronda yang perlu masa panjang. Apakah betul telahan yang dibuat itu?

Cuma yang terkait dengan yang kes sama juga ialah bila kita berada dalam sekarang ini macam yang disebut oleh Menteri, Laut China Selatan menjadi kawasan yang sangat kritikal. Apa langkah-langkah pemodenan atau reformasi bagi menyelesaikan masalah aset pertahanan maritim kita ini, yang saya lihat macam kalau betul disalahgunakan menurut fungsinya atau tugasannya yang berlawanan dengan fungsi asalnya dan tidak sepadan dengan doktrin pertahanan kita. Terkait dengan yang sama juga Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin, soalan.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Satu saja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya?

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Boleh sambung sikit? Terkait.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak, tak, tak. Satu saja soalan.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apakah soalan dia? Kang YB Menteri pasal lama sangat.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Okey, okey. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang sangat soalan itu, YB Menteri terlupa nanti nak jawab.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Terima kasih. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri, jelas soalan tadi?

**Tuan Haji Adly bin Zahari:** Datuk Yang di-Pertua, saya boleh menangkap soalan yang dikemukakan walaupun banyak persoalan itu... *[Ketawa]* Tentang KD Pendekar dan sebagainya. Sebenarnya operasi laut kita ya, kita tahu bahawa setiap kapal kita punya tujuan dan matlamat daripada segi pengawasan-pengawasan kita. Sebab itu kalau kita lihat, kalau terkait dengan kemalangan ataupun daripada segi aspek-aspek yang melibatkan kerosakan dan seumpamanya.

Kita tahu bahawa memang kapal-kapal kita akan berdepan dengan sama ada dia kapal baharu ataupun kapal itu kapal yang lama ya, tetapi daripada segi aspek-aspek kemalangan itu, memang kita berusaha untuk mengelakkannya, tetapi kalau dia berlaku, kalau kita ada upaya yang memperbaiki, kita akan memperbaikinya, tetapi kalau kapal-kapal yang usang, kalau kita melihat kosnya yang lebih tinggi dan aspek-aspek itu juga diambil kira dalam kita membuat keputusan daripada segi keupayaan aset-aset kita.

Dalam masa yang sama, kita juga melaksanakan program yang kita panggil sebagai *refit*. Kapal-kapal kita itu juga diubahsuai dan dinaik taraf supaya dia boleh beroperasi dalam keadaan-keadaan yang tertentu kerana kita tahu bahawa sebahagian cabaran di Laut China Selatan dengan cabaran di Selat Melaka mungkin berbeza.

#### ■1110

Sebab itu keperluan-keperluan itu kadang-kadang oleh sebab keperluan operasi itu, jadi program menaik taraf dan juga mengupayakan kapal-kapal TLDM itu sentiasa kita lakukan.

Adapun yang terkait dengan diplomasi pertahanan itu Datuk Yang di-Pertua saya fikir kita tahu kadang-kadang kita melihat bahawa sebahagian daripada kapal-kapal contohnya macam *China Coast Guard* berada di perairan kita tapi kita harus ingat bahawa kita juga harus tahu di mana aspek keselamatan, di mana aspek kedaulatannya. Dia ada perbezaannya. Kadang-kadang kalau kita lihat kapal- kalau kita tengok *China Coast Guard* mungkin berbeza

dengan kapal-kapal ketenteraan daripada China kerana tujuannya berbeza. Tujuan kedaulatan dengan tujuan keselamatan. Sebab itu kalau kita nak bertindak pun kita bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri supaya APMR kita juga bertindak ya mengikut ruang yang sedia ada.

Sebab itu bagi kita selama ini dalam konteks Malaysia memang kita merasakan selagi diplomasi pertahanan kita atau diplomasi negara kita masih boleh dimanfaatkan bagi tujuan menjaga keamanan di Laut China Selatan, itu kita berikan keutamaan. Kerana kita tahu selagi macam saya sebutkan tadi selagi kita boleh melakukan pengaliran minyak dan juga gas, selagi perdagangan kita tidak diganggu, selagi aktiviti pelancongan kita, begitulah juga daripada segi nelayan-nelayan kita, keselamatan mereka dan seumpamanya. Selagi aktiviti ekonomi ini tidak diganggu dan wilayah kita kekal berdaulat, saya fikir diplomasi pertahanan itu akan kita manfaatkan untuk pastikan kedaulatan negara kita sentiasa terjaga. Itu sahaja jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mantap jawapan YB Menteri. Dicapak di mana-mana pun YB Menteri boleh sesuaikan diri begitu baik... *[Ketawa]*

**Tuan Abun Sui Anyit:** Boleh tanya soalan? Boleh tanya soalan satu lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu.

**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 9.

**9. Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, apa usaha kementerian dalam memastikan lebih ramai pelajar India dapat melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi dengan pemberian biasiswa dan pinjaman pendidikan yang lebih fleksibel.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Ts. Mustapha Sakmud]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Malaysia MADANI. Datuk Yang di-Pertua, pertamanya terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari atas persoalan yang telah ditimbulkan.

Secara umumnya bilangan penawaran calon lepasan SPM dan STPM kaum India bagi tempoh tiga tahun terkini ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) adalah sangat baik. Pada sesi akademik 2022/2023, seramai 10,974 orang calon lepasan SPM dan STPM kaum India ditawarkan ke IPTA. Pada sesi akademik 2023/2024, jumlah ini meningkat seramai 11,728 orang calon. Seterusnya pada sesi akademik 2024/2025 seramai 12,871 orang calon lepasan SPM dan STPM kaum India ditawarkan ke IPTA.

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan pendidikan Tinggi sentiasa memainkan peranan penting secara berterusan

dalam menyebar luas akses pendidikan tinggi bagi calon lepasan SPM dan lepasan STPM setaraf termasuk kaum India. Misalnya usaha terkini yang dilaksanakan oleh pihak kementerian adalah melalui transformasi dan inisiatif penyampaian dengan melantik 16 Pempengaruh Pendidikan- *Edufluencer* dengan izin, sebagai rakan strategik promosi UPUONLINE.

Dalam usaha mendekati pelajar berbangsa India, seorang *Edufluencer* yang merupakan guru berbangsa India iaitu Cikgu Puguneswari @ Puguna a/p Vasudevan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Yaacob Latif, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dilantik sebagai rakan strategik KPT. Selain usaha yang dinyatakan, KPT terus melaksanakan langkah-langkah menyebar luas akses pendidikan tinggi iaitu yang pertama program *outreach* di sekolah dan matrikulasi yang terpilih seluruh Malaysia. Yang kedua, Karnival Jom Masuk U (JMU) sebagai salah satu *signature* program kementerian yang merupakan aktiviti utama dalam mendekati masyarakat secara pusat sehenti.

Program Jom Masuk U 2024 yang lepas dihadiri oleh seramai 113,170 orang di 10 buah lokasi terpilih seluruh Malaysia. Untuk tahun ini, JMU ini juga akan dilaksanakan dengan kerjasama rakan strategik yang dilantik dalam kalangan IPTA bermula bulan Februari hingga Mei 2025. Yang ketiga, kita teruskan usaha mempromosi melalui saluran media sosial rasmi KPT seperti *Facebook, Instagram, YouTube dan TikTok*.

Selain itu, kementerian juga menyediakan pelbagai bentuk kemudahan pembiayaan pendidikan iaitu biasiswa untuk mahasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar yang layak berdasarkan merit dan tertakluk kepada syarat-syarat penawaran. Sebagai tanda prihatin, KPT juga menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar daripada kalangan keluar B40 yang terdiri daripada bantuan kewangan asasi, bantuan kewangan pelajar kolej komuniti dan Program Dermasiswa B40 TVET.

Melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pula, KPT ada menyediakan pinjaman pendidikan yang terbuka kepada semua warganegara Malaysia. Kerajaan MADANI akan memastikan tiada pelajar yang tidak dapat menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi disebabkan isu kewangan selaras dengan prinsip demokrasi pendidikan negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu:** Terima kasih Yang Berhormat atas penjelasan yang begitu terperinci. Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan kepada kementerian dan juga kerana Kerajaan MADANI dalam usaha untuk tidak menyekat perjalanan peminjam PTPTN dan melihat semula mekanisme baharu untuk pembayaran balik pinjaman PTPTN secara holistik.

Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian dalam proses untuk menilai semua kualiti ijazah yang dihasilkan oleh institut pengajian tinggi selari dengan kehendak industri,

sektor pekerjaan dan peredaran teknologi yang giat berlaku sekarang. Tujuan saya bertanya soalan ini adalah kerana saya mempunyai seorang kawan yang anaknya merupakan *graduate Bachelor of Engineering Power* dengan *Honors* dengan izin, daripada universiti yang dimiliki oleh salah sebuah syarikat GLC yang terunggul dalam negara. Hari ini beliau bekerja di KLIA menguruskan tiket dan bagasi penumpang. Ini satu, tapi di luar kita tidak tahu berapa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, Yang Berhormat, apakah soalan dia? Apakah soalan dia?

**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu:** Ya, soalannya dalam- adakah pihak kementerian dalam proses untuk menilai semula kualiti ijazah yang dihasilkan oleh institut pengajian tinggi selari dengan kehendak industri sektor pekerjaan dan pengedaran teknologi yang giat berlaku sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah. Ada satu lagi aspek soalan YB itu yang saya rasa Menteri juga boleh menjawab iaitu kalau anak kawan YB tadi itu mempunyai ijazah yang tinggi, kenapa dia ditempatkan di jawatan yang tidak selari dengan kelulusan dia. Saya rasa itu soalan kedualah.

**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, boleh YB? Itu pemahaman saya.

**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Menteri sila jawab.

**Datuk Ts. Mustapha Sakmud:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan. Datuk Yang di-Pertua, memang kita diberi Kementerian Pendidikan Tinggi terutama di universiti-universiti kita dan juga universiti termasuk awam dan swasta, kita pastikan supaya kurikulum yang ditawarkan memang bersesuaian dengan industri. Memang dalam pelan pendidikan tinggi Malaysia kita, kita masukkan semua dasar kerajaan seperti ekonomi Madani, *New Industrial Masterplan* dan *National Energy Transition Roadmap*. Yang ini kita akan pastikan bahawa dasar-dasar kerajaan ini memang kita pastikan supaya kurikulum yang kita tawarkan dan bakat-bakat terbaik negara yang ditawarkan ini akan memang diperlukan oleh universiti. Mungkin kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu ini berkaitan dengan yang disebut tentang *underemployment*.

Memang sebelum ini statistik yang kita dapati bahawa memang ada daripada segi graduan kita yang tidak dapat ditempatkan, tidak mendapat jawatan seperti yang- Ijazah yang diperoleh di universiti. Jadi, saya fikir ini kita sedang cuba usahakan supaya kita kurangkan *mismatch* ini, gap ini supaya kita mahu pastikan bahawa graduan yang kita tawarkan ini memang diperlukan industri.

Untuk makluman semua, dalam UPUOnline- ini untuk ingatan kepada anak-anak kita generasi muda. Dalam UPUOnline itu sudah dinyatakan pelajar-pelajar kita boleh pilih jawatan-jawatan yang kebolehpasarannya tinggi sebelum mereka mengisi- masa mereka



mengisi UPUOnline itu, ada dinyatakan yang jawatan-jawatan yang kebolehpasarannya tinggi.

■1120

Mereka tahu itu. Jadi, kita mahu supaya pilihan yang dibuat ini memang sesuai dengan keperluan industri. Jadi saya fikir ini penting untuk kita memastikan bahawa jurang *mismatch underemployment* ini kita dapat kurangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini memandangkan YB merupakan wakil daripada kaum India. Jadi saya benarkan soalan tambahan.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Berdasarkan analisa trend, apakah sebab utama pelajar India masih kurang diwakili di IPTA? Walaupun terdapat pelbagai skim bantuan kewangan.

**Datuk Ts. Mustapha Sakmud:** Seperti yang saya sebut tadi, daripada segi penyertaan suku kaum India ini dalam IPTA semakin baik sebenarnya Yang Berhormat Senator. Mungkin ada beberapa program yang *very-very* kompetitif yang saingannya amat tinggi, yang mungkin itu menjadi isunya. Terutama saya tahu dalam kajian yang kita buat suku kaum India ini memang minat dari sudut kedoktoran, Ijazah Kedoktoran Farmasi dan yang *very* yang program-program yang memang kompetitif.

Mungkin itu yang menjadi isunya, sebab bila saingannya terlalu tinggi mungkin ada yang mungkin kita lihat keputusannya tinggi, tetapi tidak dapat. Sebab apabila kita laksanakan program-program ini, dia ada beberapa tapisan yang dibuat. Pelajar-pelajar selain daripada mengisi *UPU online*, layak ditawarkan, tapi untuk program-program yang kompetitif ini, kita perlu buat *interview*, temu duga lagi berdasarkan merit.

Jadi mungkin itu yang menyebabkan mereka ada mungkin daripada segi keputusan yang baik, tapi apabila mereka mengikuti temu duga, mungkin di situ mereka daripada segi meritnya agak kurang. Jadi, saya fikir ini yang terjadilah yang mengikut kajian yang kita buat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Sekarang saya jemput Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead. Soalan terakhir pada pagi ini.

**Tuan Roderick Wong Siew Lead:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 10.

**10. Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, jumlah pusat bagi kanak-kanak istimewa di negeri Sarawak dan adakah kementerian mempunyai perancangan untuk menambah pusat ini di Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator.

Datuk Yang di-Pertua, tafsiran yang terkandung dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008 Akta 685 ialah Orang Kurang Upaya termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.

Institusi Orang Kurang Upaya di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan penjagaan, perlindungan, pemulihan dan latihan kepada OKU mengikut kemampuan dan kebolehan masing-masing agar mereka dapat diintegrasikan ke dalam masyarakat. Usaha ini selari dengan dasar dan pelan tindakan OKU yang memberi penekanan terhadap kesaksamaan hak dan peluang OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat.

Sehingga Februari 2025, terdapat 10 buah institusi OKU kendalian JKM di Malaysia. Selain daripada perkhidmatan institusi, JKM turut berkolaborasi bersama pihak komuniti menerusi penubuhan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti ataupun PDK. PDK membolehkan golongan OKU menjalani pemulihan dalam keluarga dan masyarakat seterusnya mengecapi peluang sama rata dan berinteraksi dengan masyarakat.

Sehingga Februari 2025, sebanyak 573 PDK telah diwujudkan di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 54 daripadanya adalah dari Sarawak. Selain institusi JKM di peringkat Persekutuan, Kerajaan Negeri Sarawak juga ada menyediakan perkhidmatan jagaan, pemulihan dan latihan kepada OKU menerusi pusat yang dikhaskan untuk OKU iaitu menerusi Pusat Kecemerlangan Samarahan. Pusat tersebut kini menempatkan seramai 18 orang pelatih dalam kalangan OKU pendengaran, fizikal dan pembelajaran.

Selain itu juga, perkhidmatan jagaan turut disokong oleh pusat jagaan OKU di Sarawak di bawah pertubuhan bukan kerajaan. Sehingga Februari 2025, sebanyak 10 buah pusat jagaan OKU berdaftar dengan JKM di Sarawak yang memberikan perkhidmatan jagaan demi kesejahteraan OKU di Sarawak. Di Sarawak juga terdapat sebuah Taska OKU yang turut mendapat bantuan kerajaan. Kementerian sentiasa komited dalam usaha untuk memastikan perkhidmatan yang disediakan memberi manfaat kepada OKU di seluruh negara termasuklah yang berada di negeri Sarawak.

Untuk makluman, penubuhan pusat penjagaan dan penempatan OKU di sesebuah lokasi baharu memerlukan penilaian terperinci, bukan hanya di peringkat kementerian, tetapi juga di pihak kerajaan negeri. Cadangan ini perlu mengambil kira bilangan OKU berkeperluan di sesuatu lokasi, milikan tanah dan peruntukan pembangunan serta perjawatan. Usaha-usaha meningkatkan kesejahteraan masyarakat terutamanya kepada OKU bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab pihak kerajaan, namun turut melibatkan pihak komuniti dan pertubuhan sukarela kebajikan selaras dengan aspirasi kebajikan tanggungjawab bersama. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Tuan Roderick Wong Siew Lead:** Terima kasih YB Timbalan Menteri atas soalan yang teliti. Soalan tambahan saya adalah bagaimanakah kementerian memastikan kesaksamaan akses kepada pusat aktiviti bagi kanak-kanak istimewa antara bandar dan luar bandar. Dengan peningkatan bilangan murid berkeperluan khas yang memasuki Program Pendidikan Khas Integrasi iaitu PPKI di sekolah, terdapat keperluan mendesak untuk pusat sokongan tambahan seperti bilik deria, *sensory room* dan aktiviti terapi refleks.

Apa perancangan kementerian untuk menyediakan lebih banyak pusat sokongan seperti bilik deria dan terapi refleks di sekolah atau pusat komuniti. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

**Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kementerian memang sentiasa prihatin untuk memastikan OKU, setiap OKU itu tidak dipinggirkan daripada pembangunan negara. Tidak kiralah sama ada mereka berada di bandar ataupun di luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebenarnya di bawah kementerian, ada satu jawatankuasa yang dinamakan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya. Ada satu jawatankuasa khusus bagi membantu Majlis yang berkaitan dengan akses iaitu Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina di mana urus setianya bukan kementerian kami, tetapi KPKT. Ada satu program yang dinamakan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan salah satu strateginya adalah untuk *rehab* dan integrasi sosial dan, tapi soalan mengenai di dalam Bajet 2025 itu tidak ada peruntukan khusus yang telah dinyatakan, tapi program PDK boleh diwujudkan berdasarkan keperluan dan juga permohonan dan mendapat- perlu mendapat sokongan dan kelulusan dari Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

PDK bukan- untuk soalan yang kedua pula Yang Berhormat Yang di-Pertua, PDK bukan hanya melaksanakan *rehab*, tetapi juga memberi ruang untuk OKU berintegrasi secara sosial.

Bagi mereka yang dah bersedia, mereka akan melanjutkan pelajaran- proses pembelajaran di bawah Pendidikan Khas Integrasi di bawah KPM, yang itu di bawah sekolah arus perdana, tapi untuk makluman Yang Berhormat, sokongan terapi tambahan ada disediakan untuk setiap PDK seperti bilik deria. Bilik deria ini dia unik sikit sebab dia ada simulasi yang dicipta khusus untuk merehatkan, merangsang dan mendatangkan minat kepada mereka terutamanya yang berkeperluan khas ini. Diharap ini dapat membantu jawapan Yang Berhormat tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Seorang Ahli:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Alamak. Saya bermasalah ini. YB Isaiah dulu kerana dia berkepentingan dalam hal ini. Lepas itu, saya tengok belah sinilah... [Ketawa]

**Tuan Isaiah a/l D.Jacob:** Terima kasih Yang di-Pertua Datuk. Saya ingin tanya soalan sedikit yang tadi Timbalan Menteri katakan tentang seragam sistem OKU ini. Saya belum pasti lagi tadi Menteri mengatakan semua negeri- adakah semua negeri diseragamkan sistem pentadbiran itu? Sebab I nampak, ada negeri berlainan dalam sistem ini dalam pendidikan PDK sekali. So, I nak tahu, sejauh manakah sistem keseragaman ini di seluruh negara?

**Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad:** Sebenarnya Yang Berhormat, untuk sistem ini- apa yang kita katakan ia berdasarkan kepada kelulusan atas nasihat dan juga rujukan dari Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah apabila kita nak tubuhkan. Contoh, kalau kita nak tubuhkan PDK ataupun Taska OKU dan pelbagai.

#### ■1130

Sebab itu tadi dalam jawapan asal saya, saya menyatakan bahawa sebenarnya yang memberikan penekanan terhadap kesaksamaan hak dan peluang OKU walau di mana mereka berada, tapi akhirnya dia akan bergantung kepada *negotiation* dan perkara-perkara yang berkaitan dengan perkara berkenaan, Yang Berhormat. Sudah semestinya terdapat perbincangan lanjut mengenai apa juga, yang penting KPM memang ingin memastikan bahawa setiap OKU di Malaysia ini tidak dipinggirkan daripada mana-mana pembangunan negara ini terutamanya. Memang kita perlu penambahbaikan dari semasa ke semasa. Sebab itulah Yang Berhormat selaku Ahli Dewan Negara sudah semestinya banyak membantu kementerian kami daripada segi pandangan dan untuk penambahbaikan terutamanya akses di kementerian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian:** [Bangun]

**Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tadi saya tengok YB Anna Bell bangun. Jadi saya rasa saya bagi peluang kepada YB Anna Bell lah... [Ketawa]

**Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya- saya percaya kepada KPWK tidak bertindak sendirian di dalam membangunkan OKU ini. Sehubungan dengan itu, apakah peranan agensi atau badan lain dilibatkan dalam menyejahterakan orang kurang upaya di Malaysia? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

**Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad:** Terima kasih saya ucapkan kepada YB Senator Anna Bell. Memang betul Yang Berhormat Speaker, kesejahteraan OKU di negara ini memang- *insya-Allah* memang di bawah pemerhatian kementerian dan kita memang sentiasa bersemangat untuk memastikan bahawa hak OKU itu tidak dipinggirkan. Sebab itulah di bawah kementerian ada menubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya. Ini dinyatakan di bawah seksyen 31 Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya ini adalah dijadikan satu- platform untuk membincangkan isu-isu

berkaitan dengan OKU dan Pengerusi dia Menteri KPWKM dan keahlian dia terdiri daripada pelbagai agensi dan badan-badan lain seperti Kementerian Kewangan, itu yang paling penting. Lepas itu Kementerian Pengangkutan, Pendidikan, KESUMA.

Kita juga ada Jabatan Peguam Negara dan keahlian dia tidak melebihi daripada 10 orang tapi yang turut dilantik adalah dua daripada ahli jawatankuasa ini terdiri daripada kalangan OKU itu sendiri. Mereka yang dilantik ini mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dan isu yang berhubungan dengan mereka yang kurang upaya.

Di bawah Majlis ini juga, ada enam Jawatankuasa yang ditugaskan untuk membantu memainkan peranan dan fungsi masing-masing seperti Jawatankuasa Pengangkutan, Pekerjaan, Pendidikan, *Quality Life Care*, Jawatankuasa Pendaftaran OKU juga ada dan tadi saya pernah nyatakan Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Selesailah sudah sesi pertanyaan bagi jawab lisan.

***[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan Tamat]***

**Timbalan Yang di-Pertua:** Setiausaha.

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.34 pg.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5), saya hendak menetapkan bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditempohkan pada jam 1 tengah hari dan akan bersidang secara terus sehingga selesai diputuskan dan diluluskan Rang Undang-undang D.R.63/2024, Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024, Rang Undang-undang D.R.62/2024, Rang Undang-undang Bernama (Pindaan) 2024 dan Rang Undang-undang D.R.1/2025, Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025 seperti yang tertera di nombor 1 hingga nombor 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 20 Mac 2025.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS MEDIA MALAYSIA 2024****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan YB Menteri.

**11.35 pg.**

**Timbalan Menteri Komunikasi [Puan Teo Nie Ching]:** Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Datuk Yang di-Pertua, cadangan penubuhan satu Jawatankuasa atau organisasi bagi menyelaraskan urusan tadbir industri media di Malaysia telah dicetuskan sejak tahun 1973 oleh Perdana Menteri kedua Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein. Sejak itu, kerajaan telah menerima pelbagai cadangan berbentuk serupa bagi penubuhannya daripada industri media. Walau bagaimanapun, Memorandum Jemaah Menteri, prinsip untuk menubuhkan Majlis Media Malaysia hanya dikemukakan ke Jemaah Menteri dan diluluskan pada 6 Disember 2019.

Mesyuarat *kick-off* penubuhan Majlis Media Malaysia telah diadakan pada 16 Januari 2020 yang dipengerusikan oleh mantan Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Tuan Gobind Singh Deo dan dihadiri oleh wakil-wakil media. Mesyuarat tersebut telah menubuhkan jawatankuasa kerja sementara ataupun kita panggil Jawatankuasa Protem, dengan keanggotaan seramai 21 orang bagi menggerakkan usaha ke arah merealisasikan cadangan penubuhan Majlis Media Malaysia.

Pada Ogos 2020, cadangan draf RUU MMM diterima daripada pihak Jawatankuasa Protem. Untuk makluman pada masa itu, Jawatankuasa Protem telah meningkat merangkumi 40 orang wakil yang terdiri daripada ahli akademik, syarikat media, persatuan media, pengamal media, pengamal media bebas seperti *Malaysiakini*, *Astro AWANI*, *The Star*, *Berita Harian*, *Sinar Harian*, *Makmal Osai*, *Malaysia Nanyang*, Persatuan Tamil Media Malaysia, *China Press*, *Sin Chew Daily*, *Oriental Daily*, *Borneo Post Online*, *Daily Express*, Persatuan Wartawan Sabah, *The Centre for Independent Journalism* (CIJ), Gerakan Media Merdeka (GERAMM) and *National Union of Journalists Malaysia* (NUJ) dan lain-lain.

Sesi perbincangan antara Kementerian Komunikasi dan Jawatankuasa Protem Majlis Media Malaysia telah giat dijalankan secara berkala sejak awal tahun 2023 iaitu secara keseluruhannya 26 sesi libat urus telah diadakan di mana lima dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan 21 kali dipengerusikan oleh saya sendiri selaku Timbalan Menteri Komunikasi.

Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa RUU Media Malaysia yang telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 26 Februari adalah hasil daripada usaha dan kerjasama erat daripada kerajaan dan wakil-wakil industri media dan ianya digubah bersesuaian dengan hasrat industri media iaitu untuk menubuhkan sebuah badan yang akan memperkukuh tadbir urus industri media di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan Kementerian Komunikasi kepada semua Ahli Jawatankuasa Protem yang terlibat dalam penggubalan RUU Majlis Media Malaysia ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, taklimat mengenai RUU Majlis Media Malaysia juga telah diadakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang Majlis Mesyuarat Dewan Negara Bil.2 Tahun 2025 pada 28 Februari 2025.

Datuk Yang di-Pertua, pada masa kini, Malaysia tidak mempunyai suatu badan atau Majlis yang menguruskan dan memperjuangkan kepentingan media tempatan dan pengamal media yang menjadi suara industri termasuk meningkatkan standard dan kualiti ekosistem media Malaysia untuk mengharungi cabaran mendatang. Maka penubuhan Majlis Media Malaysia ini adalah komitmen Kementerian Komunikasi dan juga Kerajaan MADANI untuk menjamin kebebasan media bagi memastikan masyarakat umum dapat informasi sahih, berintegriti dan adil.

#### ■1140

Trend peningkatan pelaporan yang tidak bertanggungjawab telah memberi kesan kepada masyarakat dan individu sehingga menimbulkan kekeliruan dan informasi tidak tepat berlegar di ruang massa. Melalui penubuhan Majlis Media Malaysia, kerajaan yakin ruang semak dan imbang boleh dilaksanakan oleh pemain industri media sendiri bagi meningkatkan amalan integriti dan pematuhan etika. Di sini letaknya tugas besar Majlis Media Malaysia dan pengamal media untuk menjamin integriti pelaporan kepada rakyat.

Antara cabaran yang dihadapi oleh industri media Malaysia juga ialah tiadanya kod etika pelaporan yang standard untuk diguna pakai oleh semua pengamal media di Malaysia. Buat masa ini, pengamal media di Malaysia merujuk kepada kod etika yang dikeluarkan oleh organisasi masing-masing untuk membuat pelaporan sesuatu berita. Wartawan profesional perlu berpegang kepada ketetapan fakta setiap kali melaporkan sesuatu berita bagi memastikan pelaporan berita adalah lebih berkualiti dan boleh dipercayai.

Selain itu, pada masa kini sekiranya orang awam merasa terjejas dengan pelaporan yang dibuat oleh pengamal media, mereka tidak mempunyai platform untuk membuat aduan dan tiada mekanisme penyelesaian selain melalui proses perundangan sedia ada di mahkamah dan proses ini akan memakan masa yang lama serta memerlukan kos yang agak tinggi.

Dato' Yang di-Pertua, penubuhan Majlis Media bukanlah perkara baharu kerana beberapa buah negara lain telah menubuhkan Majlis Akhbar atau Majlis Media mereka sendiri sejak 1950-an lagi seperti di Jerman iaitu pada tahun 1956, India pada tahun 1966, Indonesia pada tahun 1968, New Zealand pada tahun 1972 dan Australia pada tahun 1976 dan juga Ireland pada tahun 2008.

Berdasarkan mekanisme Majlis Media di negara-negara tersebut, terdapat beberapa persamaan dalam tujuan penubuhan Majlis Media Malaysia termasuklah sebagai saluran untuk menerima dan menilai aduan daripada orang awam berkaitan isu media. Majlis Media Malaysia akan menentukan standard berkaitan media, mewujudkan medium komunikasi antara orang awam, media dan akhbar dan juga kerajaan serta menjadi suatu badan yang memudah cara aduan yang diterima.

Oleh itu, kerajaan pada hari ini merasakan sudah tiba masanya untuk menubuhkan satu badan bagi menyelaraskan tadbir urus media di Malaysia yang diterajui oleh industri media sendiri. Penubuhan Majlis Media Malaysia dengan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dapat mewujudkan satu kod etika pelaporan yang dapat digunakan secara menyeluruh oleh semua pihak.

Untuk makluman, Kementerian Komunikasi juga telah melaksanakan proses *regulatory impact assessment* (RIA) dengan izin, dan memenuhi kriteria RIA serta prinsip-prinsip utama pembentukan RUU seperti mana yang ditetapkan.

Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024 mengandungi 23 fasal seperti yang diperincikan dalam saringan RUU, dengan izin, *blue bill* yang telah diedarkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan izin, saya ingin menghuraikan beberapa fasal yang penting.

Fasal 2 mengandungi tarif bagi perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam akta yang dicadangkan. Beberapa tafsiran yang penting adalah seperti berikut. Industri media:

- (a) agensi berita diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang Malaysia bagi tujuan mengumpul, menentusahkan dan menyebarkan berita, maklumat, gambar dan video;
- (b) pertubuhan akhbar, pertubuhan berita yang menerbitkan bahan bacaan bercetak atau digital secara harian ataupun berkala;
- (c) penyiar iaitu stesen radio ataupun televisyen yang menyiarkan untuk pendengaran atau tontonan orang awam, termasuklah bahan yang tersedia dalam format digital melalui internet;
- (d) pengamal media;
- (e) pengamal media bebas;



- (f) media asing iaitu syarikat media yang dimiliki atau dikawal oleh pertubuhan media asing yang mempunyai pengamal media di Malaysia dan menerbitkan kandungan berita dan kewartawanan di Malaysia terutamanya mengenai Malaysia;
- (g) penerbit media;
- (h) syarikat media; dan
- (i) persatuan media, tetapi tidak termasuk industri pengiklanan, penyedia perkhidmatan dalam talian dan entiti yang mengagregat atau membangunkan berita daripada sumber lain.

Yang kedua, pengamal media. Seorang wartawan, editor, jurugambar, juruvideo dan pereka grafik atau mana-mana orang yang terlibat dalam pencetakan, penciptaan, pengeluaran dan penyebaran kandungan untuk syarikat media dan orang itu hendaklah merupakan seorang pekerja kepada penerbit media.

Fasal 5 mengandungi peruntukan bagi fungsi Majlis. Antara fungsi Majlis ini adalah seperti berikut:

- (a) untuk menetapkan dan mengawal selia standard dan tatalaku profesional pengamal media dan pengamal media bebas;
- (b) untuk menggalakkan komunikasi antara pengamal media, kerajaan dan orang awam;
- (c) untuk menyelaras perkara berkaitan latihan, pembangunan kapasiti dan pembangunan profesional, wartawan dan pertubuhan media;
- (d) untuk menubuhkan, menguruskan dan menyelenggara sesuatu pangkalan data yang mengandungi maklumat pengamal media dan pengamal media bebas untuk pembangunan berterusan industri media dan kewartawanan; dan
- (e) untuk menentukan apa-apa mekanisme ketidakpuashatian dan prosiding tatatertib.

Fasal 6 mengandungi peruntukan bagi kuasa Majlis. Antara kuasa Majlis ini adalah seperti:

- (a) mengadakan standard kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab;
- (b) menentukan perkara berkaitan dengan keahlian pentadbiran dan pengurusan Majlis;
- (c) menentukan dan mengenakan apa-apa fi, caj atau bayaran berhubung dengan keahlian Majlis dan perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis; dan

- (d) menjalankan siasatan terhadap sebarang aduan atau maklumat yang diterima terhadap pengamal media dan pengamal media bebas melalui mekanisme ketidakpuasan hati.

Fasal 7 mengandungi peruntukan berhubung keahlian Majlis seperti berikut:

- (a) syarikat media yang diwakili oleh penerbit media masing-masing ataupun pengurusan kanan yang dinamakan;
- (b) persatuan media yang diwakili oleh mana-mana ahli persatuan yang dinamakan, pengamal media, pengamal media bebas; dan
- (c) ahli bukan media.

Fasal ini turut mengandungi peruntukan bagi kuasa Lembaga Majlis untuk mengenakan fi keahlian dan fi tahunan pada kadar yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Majlis dalam Mesyuarat Agung.

Fasal 8 mengandungi peruntukan bagi penubuhan dan keanggotaan lembaga. Keseluruhan komposisi Majlis Media Malaysia adalah seramai 21 orang, yang terdiri daripada wakil syarikat media, persatuan media, pengamal media termasuk pengamal media bebas serta ahli bukan media.

RUU ini menjadi perintis untuk memperkukuh kedudukan wanita yang menetapkan bahawa setiap kategori ahli lembaga mesti mempunyai sekurang-kurangnya seorang wakil wanita. Oleh itu, RUU ini juga menetapkan bahawa setiap kategori ahli harus merangkumi sekurang-kurangnya seorang wakil dari Sabah atau Sarawak, di samping wakil tambahan yang akan dilantik bagi memastikan keseimbangan daripada segi jantina, lokaliti serta kepelbagaian media berdasarkan bahasa dan juga format.

#### ■1150

Fasal 15 mengandungi peruntukan mengenai mekanisme kawal selia yang berhubungan dengan aduan ketidakpuasan hati yang hendaklah dibuat dan diterima pakai oleh Majlis dari semasa ke semasa sebagaimana yang ditentukan dalam mesyuarat agung.

Fasal 16 mengandungi peruntukan mengenai kuasa tatatertib Majlis terhadap ahlinya. Majlis hendaklah mewujudkan kesalahan tatatertib, mengadakan apa-apa hukuman tatatertib dan menetapkan tatacara prosiding tatatertib sebagaimana yang ditentukan dalam Majlis mesyuarat agung.

Fasal 17 mengandungi peruntukan mengenai penubuhan sebuah kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Majlis Media Malaysia. Dalam tempoh Majlis menerima apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Majlis di mana Majlis perlu membentangkan laporan kewangan tahunan kepada Parlimen.

Selain itu, majlis hanya boleh menerima dana yang tidak dikenakan apa-apa syarat daripada mana-mana individu atau pertubuhan luar negara untuk menggalakkan kesedaran

dan memberikan pendidikan berhubung dengan industri media tertakluk kepada kelulusan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan RUU MMM mencerminkan usaha Kerajaan Madani bagi membuka jalan ke arah media yang lebih demokratik, bebas dan juga beretika di Malaysia. Majlis Media yang terbuka, bertanggungjawab dan telus dapat membantu membina keyakinan terhadap media selain menyumbang kepada kredibiliti organisasi media. Saya percaya, RUU ini akan memberikan pelbagai faedah kepada industri media. Dalam jangka masa yang panjang, Majlis Media Malaysia akan bertindak sebagai sebuah badan tadbir urus media yang bebas dengan mewujudkan komuniti media yang profesional dengan pelaporan yang beretika, ahli dan tetap melalui sumber yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis merupakan suatu rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Media Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 17 orang Ahli yang nak berbahas. Memandangkan *bill* ini merupakan *bill* yang baharu, bukan *bill* pindaan, jadi saya rasa wajarlah untuk saya berikan satu waktu yang cukup, tetapi saya mohon pada Ahli Yang Berhormat untuk mematuhi had masa yang diberikan supaya kita dapat selesaikan *bill* ini dengan cepat dan tidak menyebabkan *bills* lain juga tertangguh ya.

Jadi atas keseimbangan itu, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah enam minit seorang. Kalau perlu tambah, sikit sahaja. Kalau perlu masa yang lebih kurang, kurangkan. Itu sahaja nasihat saya pada hari ini.

Sekarang ini saya persilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair.

**11.54 pg.**

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian atas usaha untuk menubuhkan, membawa rang undang-undang untuk penubuhan Majlis Media ini. Satu langkah yang baik dan bertepatan dengan masanya untuk kita menjaga kebajikan wartawan-wartawan khususnya. Cuma beberapa perkara yang perlu untuk saya timbulkan persoalan.

Pertama ialah Majlis Media badan bebas. Kita tahu bahawa Majlis Media Malaysia ini seharusnya berfungsi sebagai sebuah badan bebas dan badan kawalan sendiri- *self regulation* dengan izin, daripada pengaruh kerajaan sebagaimana yang diamalkan di banyak negara demokratik yang lain, tetapi keputusan kerajaan untuk melantik dua orang wakil dalam Majlis ini menimbulkan kebimbangan besar kerana ia bertentangan dengan prinsip asas kawalan sendiri.

Saya ingin melontarkan sekali lagi pandangan bahawa tidak perlu untuk wujudnya wakil daripada kerajaan kerana Majlis Media ini sendiri akan mengemukakan laporan setiap tahun di Parlimen kerana menerima dana daripada kerajaan. Di situlah kita boleh persoalkan sekiranya ada beberapa perkara yang perlu untuk dipersoalkan.

Kedua ialah campur tangan kerajaan. Sebagai perbandingan Yang Berhormat Yang di-Pertua, negara-negara yang mengamalkan kebebasan media dengan baik seperti United Kingdom dan Jerman, tidak membenarkan kerajaan campur tangan dalam badan kawalan sendiri industri media.

Di UK, *Independent Press Standards Organisation* (IPSO) yang bertanggungjawab mengawal selia etika kewartawanan terdiri sepenuhnya daripada wakil media dan profesional berkaitan. Begitu juga di Jerman, di mana badan yang dinamakan sebagai *Deutscher Presserat* ataupun Majlis Akhbar Jerman, dikendalikan sepenuhnya oleh industri media sendiri tanpa campur tangan kerajaan, tetapi kalau kita melihat model kawalan media dengan campur tangan kerajaan di China ataupun di Rusia, di China, Suruhanjaya Penerbitan atau media berada di bawah kawalan kerajaan.

*[YB. Tuan Pele Peter Tinggom **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Pegawai kerajaan berperanan besar dalam menentukan kandungan yang boleh dan tak boleh diterbitkan dan ini bukan model untuk kita contohi. Begitu juga di Rusia, kawalan begitu ketat diberikan.

Jadi saya fikir kalau kita hendak bergerak, kita tak boleh bergerak ke belakang berbanding dengan Indonesia, Timor Leste yang mereka tidak ada kawalan di pihak kerajaan. Jangan kita terikut-ikut dengan dasar pentadbiran Presiden Donald Trump di Amerika Syarikat.

Isu yang ketiga ialah Agenda Majlis Media. Datuk Yang di-Pertua, kuasa Majlis Media dan undang-undang sedia ada, dalam keinginan kita memperbaiki kedudukan negara di dalam indeks akhbar dunia, adalah wajar bagi pihak berkuasa mereformasi struktur kawalan selia media dalam membentuk persekitaran media yang lebih kondusif, demokratik, bertanggungjawab dan beretika dapat dicapai.

Agenda penubuhan Majlis Media Malaysia haruslah bergerak seiring dengan agenda reformasi perundangan yang lain seperti penelitian semula terhadap Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Hasutan 1948, juga beberapa peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Persoalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 misalnya supaya memberi kuasa kepada Majlis Media Malaysia ini ia lebih berautoriti dalam memantau pengamal media.

Isu yang keempat ialah wakil dari Sabah dan Sarawak. Selain itu, saya juga difahamkan bahawa Majlis ini boleh membuat *fund-raising* dengan izin, daripada mana-mana sumber. Saya amat khuatir kerana jika mereka mendapat dana daripada individu ataupun organisasi tertentu, ini bisa mempengaruhi keputusan dan juga tata kelola dan juga hala tuju Majlis ini. Jadi di mana kita melihat pada hari ini, ramai daripada jutawan dan bilionair yang boleh mempengaruhi hala tuju dan cara kepimpinan sesebuah negara akibat daripada dana yang mereka sumbangkan kepada organisasi-organisasi politik ataupun media-media tertentu.

Jadi saya juga ingin mencadangkan supaya Majlis ini bukan sahaja diwakili oleh wakil Kerajaan Persekutuan, tetapi juga diwakili oleh wakil daripada Kerajaan Negeri Sarawak dan juga wakil dari Sabah.

Manakala saya juga mencadangkan supaya satu wakil persatuan media, pengamal media, pengamal media bebas dari Sarawak dan Sabah telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sebab ini juga boleh meletakkan *framework* Perjanjian Malaysia yang menentukan hak kesaksamaan khasnya di dalam Majlis Media Malaysia ini, di mana pada hari ini, kita melihat kuasa media itu begitu besar dan sudah pastinya kalau ada wakil-wakil daripada Kerajaan Persekutuan, kerana negeri khasnya dari Wilayah Sabah dan Sarawak. Sudah semestinya mereka boleh menyuarakan pendapat dan pandangan mereka demi kebaikan negara sebab *it will be a balance because we have more representative from the industry plus Federal and States Government. Three more minutes.*

#### ■1200

Isu yang kelima ialah manipulasi Majlis Media. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat kepada keburukan yang akan berlaku di mana mereka akan mempunyai kekangan kebebasan media sekiranya Majlis ini dikuasai oleh orang-orang tertentu dan bagaimana kita hendak memastikan bahawa Majlis ini benar-benar bebas dan mempunyai kuasa untuk menentukan kebaikan untuk para pengamal media dan media yang dilaporkan...

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Yang Berhormat..

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Kita juga ingin...

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Mohon pertanyaan sedikit?

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Tak cukup masa. Nanti. Habiskan dahulu.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Sebab ada *conflicting* apa nama tadi itu, pandangan dari itu.

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Sekejap, sekejap.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Silakan. Terus.

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Bahawa Majlis ini benar-benar bebas dan mempunyai kuasa untuk menentukan kebaikan untuk para pengamal media dan media yang dilaporkan.

Kita juga ingin melihat keselamatan pengamal media itu sendiri sebab acap kali kita melihat ramai di antara pengamal-pengamal media ataupun pemberita-pemberita yang diugut kerana mereka melaporkan kebenaran. Bagaimanakah Majlis ini boleh melindungi para pengamal-pengamal media ini? Adakah perlindungan itu juga diterjemahkan dalam rang undang-undang ini supaya pengamal-pengamal media kita boleh melaksanakan tugas mereka dengan berkesan, efektif dan telus dan melaporkan secara berhemah?

Isu yang terakhir ialah kaji semula keanggotaan Majlis Media. Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan isu perlunya ada wakil dari Sabah dan Sarawak dalam Majlis Media Malaysia. Saya juga ingin membuat beberapa penambahan. Saya ingin meminta pihak kementerian supaya kaji semula keanggotaan Majlis Media Malaysia. Saya rasa yang dah jadi veteran tak perlulah menganggotai Majlis tersebut kerana kita perlu beri laluan kepada golongan wartawan muda supaya mengemudi Majlis Media Malaysia berdasarkan peredaran zaman dan selaras dengan dunia AI. Yang sudah tua boleh jadi penasihat tetapi biarlah diurus oleh barisan muda.

Saya juga meminta pertubuhan-pertubuhan media yang radikal tidak dipilih menganggotai Majlis Media kerana khuatir tiada kerjasama bersama pihak kerajaan terutamanya Kementerian Komunikasi. Peluang keahlian wajar diberikan juga kepada pengamal media dari kerajaan seperti RTM yang bertugas sebagai wartawan, bukan asyik Ketua Pengarah Penyiaran sahaja dipilih. Saya berkata demikian supaya kita berfikir secara demokrasi yang matang dan dengan pemikiran yang terbuka. Kita beri peluang kepada akar umbi. Jangan asyik pilih orang yang sudah lapuk.

Sebagai penutup, akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan komitmen untuk meminda dan memansuhkan undang-undang yang menyekat kebebasan media. Saya berharap Majlis Media ini dapat berperanan dengan baik dan dengan adanya keharmonian ataupun usaha-usaha komitmen untuk seterusnya mengkaji semula atau memansuhkan antara undang-undang drakonian yang lain seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Hasutan dan juga Akta Pemberi Maklumat 2010 yang belum lagi digubal.

Jadi, saya percaya ini Majlis Media ialah satu langkah ke hadapan, tetapi kita juga mesti ada reformasi yang lain yang boleh kita kukuhkan lagi aspek kebebasan media dan untuk menjamin keberkesanan Majlis Media Malaysia.

Dengan itu, saya menyokong RUU Majlis Media Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang telah ditetapkan oleh Speaker pagi tadi, dimohon semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk patuh kepada masa yang ditetapkan. Saya tak akan membenarkan celahan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(2) kerana Ahli-ahli Yang Berhormat ada masa untuk berhujah berkenaan dengan rang undang-undang ini nanti.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad.

#### 12.04 tgh.

**Tuan Musoddak bin Ahmad:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk menyampaikan beberapa pandangan dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024.

Saya berpandangan, secara prinsipnya, kita bersetuju dengan langkah proaktif kerajaan menubuhkan sebuah Majlis bagi memastikan urus tadbir yang cekap oleh para media kita selain memastikan ekosistem yang positif dan konstruktif serta kandungan media yang mencapai piawaian tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin asas utama mengapa kerajaan membentangkan RUU ini adalah bagi memastikan kebebasan media berada dalam landasan yang tepat. Ini hala tuju utama yang digariskan.

Jadi, apakah maksud sebenar terhadap kebebasan media? Pertama, bebas daripada kawalan secara terus daripada kerajaan. Tiada tapisan terhadap laporan yang sahih, tetapi tidak menyebelahi kerajaan bermaksud prinsip *transparent* dan terbuka sesuatu laporan tersebut.

Ketiganya, laporan yang sahih tanpa berpihak kepada kerajaan, pembangkang, bahkan pihak-pihak ketiga yang berkepentingan.

Keempat, keberanian dalam melaporkan kesahihan suatu laporan mahupun berita.

Kelima, tiada unsur fitnah, salah faham apatah lagi penghinaan kepada agama, bangsa dan negara.

Keenam, perlindungan terhadap para wartawan yang menyediakan laporan yang jitu, telus dan *transparent*.

Ketujuh, hak rakyat atau hak orang awam untuk mengakses dokumen atau maklumat kerajaan yang tidak tertakluk di bawah OSA dan- ada lagi, tetapi cukup saya nyatakan senarai tujuh prinsip kebebasan media yang wajar kita ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk ini saya kira cukup penting kerana apa yang berlaku hari ini tidak seiring dengan laungan kebebasan media yang disebut-sebut oleh kerajaan sejak sekian lama. Penggubalan akta ini suatu yang disokong, tetapi kalau realiti tidak berjalan

seiring, maka tiada gunanya kita membuang masa membahaskan mengenai penubuhan Majlis Media Malaysia.

Kebebasan media bercakap soal tiada campur tangan kerajaan. Namun, dalam fasal 8(1)(b) kertas- *bill* biru ini, dinyatakan dua orang yang dinamakan oleh Menteri mewakili kerajaan. Jadi, sudah nampak awal-awal lagi pengaruh kerajaan diletakkan dalam Majlis. Persoalannya, bagaimanakah kebebasan suatu media boleh dicapai? Apakah kita juga perlu meletakkan pihak-pihak lain atau pihak Pembangkang atau sebagainya untuk menyeimbangkan peranan pihak kerajaan dalam Majlis? Tentunya tidak.

Saya pohon peruntukan ini dikaji balik oleh kementerian. Biarlah Parlimen yang bertanggungjawab memantau aktiviti dan perjalanan Majlis Media Malaysia supaya ia benar-benar mematuhi etika kewartawanan yang benar. Tiada keperluan untuk wakil kerajaan berada dalam Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan soal *transparency* data. Ini pun masih menjadi pertikaian dalam kerajaan pada hari ini. Saya bagi contoh Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi Mengkaji Pengendalian Berkaitan Dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Usul mengenai laporan ini telah dibahaskan untuk merujuk bekas Perdana Menteri kerana didakwa bersalah menolak rayuan terhadap kes penentuan Batu Putih pada 2016. Namun, sehingga ke hari ini, dokumen ini masih tidak *declassified* sepenuhnya. Soalannya, mengapa...? Mengapakah kerajaan tidak *transparent* untuk membenarkan rakyat dan orang awam mengakses mengenai laporan-laporan berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak kira lagilah media-media sosial dan sebagainya yang mengkritik kerajaan ataupun yang sengaja di-*banned*. Itu pun satu hal juga. Kita boleh bersetuju bahawa kebebasan tetap ada sempadannya. Tidak boleh menghina agama, raja dan negara. Ini sempadan yang jelas, tetapi mengkritik dasar-dasar atau memberi pandangan-pandangan dalam soal tadi merupakan suatu hak semua pihak untuk menyampaikan pandangan yang berbeza dengan kerajaan.

Saya sebutkan perkara ini kerana di sini dinyatakan fungsi Majlis pada fasal 5. Ada sembilan fungsi yang digariskan dalam fasal ini. Ia tidak akan sekali memberikan makna jika tiada pihak yang mahu menjunjung maksud sebenar-benarnya kebebasan media tersebut.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mempersoalkan beberapa perkara iaitu Majlis ini juga boleh terima kewangan. Ya, kita boleh terima kewangan daripada kerajaan ataupun entiti-entiti yang sah, tetapi bagaimana menerima kewangan daripada asing, entiti asing. Ini menjadi persoalan kita kerana takut dimonopoli ataupun sebagainya daripada pihak asing.

Kedua, industri, industri media yang disebut dalam buku biru ini, muka surat 2 itu dari (a) sampai ke (i), kesemuanya sembilan, cuma tidak dimasukkan juga dalam soal percetakan



di sini. Percetakan- *printing* juga penting dalam Majlis Media ini, menjadi persoalan saya sahaja. Masa sudah cukup, sekian terima kasih. Saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak, tepat sekali mengikut masa yang ditetapkan.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin.

#### **12.11 tgh.**

**Dato' Setia Salehuddin bin Saidin:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah membentangkan Rang Undang-undang MMM ini. Pertama sekali, seperti mana yang kita tahu rang undang-undang ini apabila ia nya digubal telah mengambil kira banyak isu, banyak pendekatan, banyak persoalan yang berkisah di negara kita ini.

Jadi, memang telah tiba masanya untuk pihak kerajaan mengusulkan rang undang-undang ini bagi penubuhan satu- badan bagi mekanisme kawal selia para pengamal media yang direalisasikan dengan terbentuknya satu undang-undang yang dinamakan Majlis Media Malaysia Tahun 2024. Dengan lahirnya undang-undang ini maka akan terbentuklah, diharapkan terbentuklah satu- platform bagi menyelesaikan segala pertikaian yang melibatkan media, menjamin kebebasan media, seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Meningkatkan keyakinan rakyat dan orang awam terhadap laporan berita sahih dan bertanggungjawab.

Ia nya juga telah menggariskan secara jelas fungsi, kuasa serta etika profesional yang diharapkan daripada semua pengamal media. RUU ini juga berpotensi mengubah dinamik industri media tempatan, hasrat dan cita-cita. Kewujudan RUU ini ialah bagi mengukuhkan kebebasan media dan juga boleh menjadi pemangkin kepada budaya kewartawanan yang lebih bertanggungjawab.

Pengawalan ini penting bagi memastikan keharmonian dan perpaduan di kalangan rakyat berbilang bangsa dan kaum, agama di negara ini serta menyumbangkan kepada kestabilan politik dan juga keselamatan negara. Untuk tujuan itu, saya ingin merujuk kepada perkara, seksyen-seksyen yang dicadangkan seperti mana dalam seksyen 5 kepada Fungsi Majlis ini, yang menyatakan bahawa antaranya Majlis hendaklah mempunyai fungsi-fungsi yang berikut iaitu menetapkan standard dan mengadakan tatalaku bagi pengamal media dan pengamal media bebas mengikut standard kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab.

Di bawah kuasa Majlis juga termaktub perkara yang sama iaitu mengadakan standard kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab termasuklah tatalaku bagi pengamal media dan pengamal media bebas. Persoalan di sini ya, apabila menyatakan tentang fungsi

dan juga kuasa berkaitan dengan penetapan standard kewartawanan yang beretika. Sejauh mana ataupun apakah *guideline* dia yang dikatakan bahawa kewartawanan yang beretika? Adakah seseorang wartawan yang aktif di dalam mengkritik dasar-dasar kerajaan, mengkritik sesuatu perkara yang dilaksanakan oleh kerajaan dikatakan sebagai kewartawanan yang tidak beretika? Jadi perlu ada satu *guideline*. Dalam rang undang-undang ini tidak dinyatakan secara jelas apa yang dimaksudkan sebagai standard kewartawanan yang beretika.

Seterusnya, kalau kita lihat kepada peruntukan yang sama iaitu di bawah seksyen 6, dinyatakan bahawa boleh dilakukan siasatan terhadap sebarang aduan atau maklumat yang diterima terhadap pengamal media dan pengamal media bebas melalui mekanisme ketidakpuasan hati. Jadi, apakah kriteria dikatakan ketidakpuasan hati itu? Apa prosedur, panduan bagi seseorang itu membuat pengaduan dan apakah jenis pengaduan yang boleh dilakukan dan Majlis ini pula perlu berlaku adil kepada pengamal media.

Kalau sekiranya aduan dilakukan terhadap seseorang pengamal media, apakah jenis bentuk yang boleh dikatakan mereka tidak beretika untuk tindakan diambil? Barang diingat kalau sekiranya kita tidak meletakkan garis panduan yang jelas, seandainya sesuatu aduan dibuat terhadap seseorang pengamal media yang kritiknya adalah kritik yang membina, yang dirasakan bersesuaian untuk faedah rakyat keseluruhannya tetapi dianggap sebagai satu kritikan yang tidak beretika. Adakah tindakan undang-undang ataupun tindakan tatatertib akan bakal diambil terhadap pengamal media tersebut? Jadi ini adalah perlu diperjelaskan sejelas-jelasnya sama ada dalam bentuk *regulations*, sama ada dalam bentuk *order* kepada rang undang-undang yang akan diluluskan ini.

Seterusnya, Majlis Media Malaysia perlulah bersifat sebagai satu- badan sendiri atau dengan kata lain media sendiri mengawasi, Majlis ini mengawasi media di negara ini dan sepatutnya satu entiti autonomi berwibawa dan bebas sepenuhnya daripada pengaruh kerajaan.

Persoalannya, bagaimana Majlis dapat berfungsi sebagai sebuah entiti yang bebas tanpa campur tangan kerajaan apabila Majlis mesti terdiri daripada dua orang yang dilantik atau dinamakan oleh Menteri sebagaimana boleh kita lihat di bawah seksyen 8 dalam peruntukan cadangan rang undang-undang ini mengatakan bahawa bagi maksud menjalankan fungsi majlis dan menguruskan hal ehwal majlis, suatu Lembaga hendaklah ditubuhkan yang terdiri daripada (b), dua anggota yang dinamakan oleh Menteri yang mewakili kerajaan.

Barang diingat tujuan asas penubuhan kepada rang undang-undang ini adalah bagi memberikan kebebasan kepada pengawal media, tetapi kalau sekiranya diadakan ataupun diwajibkan untuk dilantik dua orang wakil kerajaan oleh seorang Menteri, adakah ini juga akan menjejaskan kebebasan Majlis itu sendiri? Kita- saya faham bahawa kita ada Perkara 10

kepada Perlembagaan Persekutuan yang mengatakan bahawa setiap rakyat Malaysia adalah bebas untuk menyuarakan pandangan mereka, bebas untuk berkata-kata.

Namun ada *restriction*, ada batasannya seperti mana peruntukan selepasnya, mesti ada kawalan terhadap sesuatu kebebasan umpamanya kalau kita menyentuh isu-isu- Allah! Sudah habis...

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Habis.

**Dato' Setia Salehuddin bin Saidin:** Maafkan saya... [Ketawa] Isu-isu menyentuhkan sensitiviti 3R dan perkara-perkara yang tertakluk ke bawah *Printing Presses and Publications Act* sebab ada pihak Yang Berhormat mengatakan bahawa kita ada *Printing Presses and Publications Act* yang mengatakan bahawa ianya adalah konflik dengan peruntukan yang ada di dalam MMC ini. Jadi persoalannya, adakah perlu kita pinda *Printing Presses and Publications Act* ataupun adakah ia nya boleh hidup selari antara keduanya?

Jadi, ini lah satu persoalan pihak kementerian perlu kaji, adakah kewujudan MMM ini boleh juga menjejaskan peruntukan di bawah *Printing Act* sebab *Printing Act* memberi kuasa sepenuhnya kepada Menteri, seorang Menteri...

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Yang Berhormat, buat penutupan Yang Berhormat. Masa yang ditetapkan telah tamat.

**Dato' Setia Salehuddin bin Saidin:** [Ketawa] Untuk membentangkan. Terima kasih Yang Berhormat Senator, Yang Berhormat Speaker. Sebenarnya terlalu singkat masa yang diberikan, hendak bahas sesuatu undang-undang yang penting sebegini ya, 6 minit sebenarnya tidak cukup Tuan Speaker, tetapi telah ditetapkan sedemikian, saya terpaksa akur.

Saya rumuskan bahawa saya menyokong undang-undang ini, tetapi perlu dan teliti kepada apa yang telah saya perkatikan dan akan saya perkatikan kemudian nanti apabila secara bertulis atau bagaimana, terima kasih.

Terima kasih Tuan Speaker, saya mohon menyokong dengan pindaan. Terima kasih.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Okey, terima kasih Yang Berhormat senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin.

Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan.

**12.19 tgh.**

**Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Ya, seperti nada rakan-rakan terdahulu, saya juga pada pandangan saya keperluan undang-undang ini diwujudkan dan dilaksanakan sangat mendesak. Menjadi tanda tanya juga mengapa kita mengambil masa 42 tahun daripada cadangan awal, tahun 1973, baharu pada tahun 2025 perkara ini dibentangkan di Parlimen.

Walaupun 6 tahun lepas telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri. Ini saya kira juga, harus diberi perhatian agar perkara seperti ini tidak berulang dalam konteks kita hendak memperkasakan undang-undang yang penting di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, peranan media memang suatu yang sangat penting sebagai kuasa atau aset keempat dalam proses pembinaan sesebuah negara.

Oleh sebab itu sangat penting penubuhan Majlis Media Malaysia ini agar kita dapat memastikan kestabilan politik negara, keadilan sosial, perpaduan, kesuburan intelektualisme dan pembinaan adab dalam konteks komunikasi dan juga peranan Majlis Media ini sebagai badan pemantauan bebas dalam konteks memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar dan program-program negara, agar berlangsung untuk pendidikan rakyat dan negara keseluruhannya.

#### ■1220

Secara khusus saya ingin merujuk pada beberapa perkara tertentu. Pertama tentang fungsi Majlis yang menyebut keperluan menetapkan standard ataupun piawai bagi memastikan tatalaku pengamal media. Maka dalam soal ini pada saya harus lebih jelas agar kita menentukan asas standard itu pada acuan kita sendiri, acuan yang merujuk kepada terutamanya Rukun Negara. Jadi kalau perkara ini tidak ditetapkan demikian, barangkali badan ini merupakan badan yang tidak berjejak di bumi nyata dan tidak ada hala tuju yang cukup jelas.

Selain itu, soal standard ini juga harus merangkum keseluruhan sudut ataupun sisi tamadun kita termasuk dalam soal bahasa macam itu. Jadi dalam ini tentu terkait, adakah wakil dalam Majlis ini juga melibatkan pakar ataupun autoriti dalam soal bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka dan sebagainya kerana ini bukan soal semata-mata soal tatabahasa, soal sistem bahasa, tapi juga soal adab berbahasa yang berkait rapat dengan soal pembinaan sosial. Ini saya kira sangat penting dititikberatkan dalam pelaksanaan Majlis Media ini.

Seterusnya, saya juga bertanya mengapa, misalnya disebut secara khusus iaitu tidak termasuk industri pengiklanan, penyedia perkhidmatan dalam talian sedangkan makna ataupun konteks media sangat luas. Jadi erti kalau iklan kita ketepikan, kita kesampingkan, kita membuka ruang kepada para pengiklan barangkali tidak terkawal atau tidak dicakup dalam bidang kuasa Majlis Media ini. Jadi, saya kira ini harus dijelaskan oleh pihak kementerian, oleh pihak Menteri nanti.

Saya juga ingin menyarankan agar perkara di dalam Fungsi Majlis, 5(1)(d) itu dinyatakan, diungkapkan dengan lebih jelas dan terarah. Kalau sekadar menggalakkan komunikasi antara pengamal media, kerajaan dan orang awam, saya kira itu sangat longgar. Mengapa tidak ungkapan seperti membina mekanisme yang berkesan dalam komunikasi antara pengamal media, kerajaan dan orang awam. Bukan sekadar menggalakkan kerana fungsi Majlis Media ini sangat besar dan sangat penting.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, untuk menyingkatkan perbahasan, soal keperluan kita mengimbangi kebebasan media, kebebasan bersuara dalam soal Perkara 10 yang disebut itu tadi, dengan keperluan untuk mengawal etika. Ini juga bukan perkara yang mudah. Ertinya dalam konteks ini kita tidak harus mengizinkan berlaku polarisasi, seolah-olah ada media kerajaan, ada media bukan kerajaan dan ini dipertentangkan, polemik ini berterusan sehingga masyarakat, rakyat menjadi bingung.

Jadi yang benar itu adakah media kerajaan? Adakah yang benar itu media bukan kerajaan? Jadi pada hemat saya, inilah fungsi Majlis Media Malaysia ini agar dapat mencari jalan tengah berdasarkan nilai berita yang benar dan kebenaran itu ada acuannya. Acuan itu kembali kepada soal agama tadi, soal sistem budaya kita, sistem tamadun kita yang cukup jelas. Jangan kita terikut-ikut oleh soal etika barat yang barangkali juga terseleweng daripada maksud untuk mencapai kebebasan bersuara.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dan menyokong pandangan rakan-rakan Senator itu tadi bahawa badan ini biarlah benar-benar bebas dengan pengertian badan yang berautoriti, badan yang berwenang dalam memastikan kawalan media di negara kita. Jangan kita campuradukkan soal adanya wakil kerajaan yang mungkin mengekang kebebasan badan ini untuk bergerak bagi tujuan membina satu tamadun besar negara kita. Enam saat ini saya akhiri dengan usul ataupun cadangan untuk menyetujui dan menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof.

Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof.

**12.25 tgh.**

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:** Terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya mulakan dahulu membahas Majlis Media Malaysia ini dengan berkongsi di pihak Dewan, *World Press Freedom Index* di mana Malaysia ranking pada tahun 2024 kepada jatuh yang lebih tinggi naiknya kepada 107, di mana mendapat 52.07 berbanding dengan tahun 2023 Tuan Speaker, kita ranking nombor 73.

Kalau kita tengok isu kebebasan yang kita bahas pada hari ini, ini sangat membimbangkan kerana daripada 180 buah negara, kesemua secara puratanya menamakan faktor *political context* atau konteks politik sebagai faktor yang menyebabkan kebebasan media itu jatuh ataupun kebebasan itu berada pada tahap yang rendah.

Jadi dalam kita berbicara soal Majlis Media ini Tuan Speaker, faktor lain juga diambil kira dalam kebebasan dan saya fikir MM atau Majlis Media Malaysia juga perlu melihat faktor ini iaitu *political context* yang saya sebut. Itu yang paling rendah dan Malaysia jatuh tahun ini adalah di atas sebab itu. So, kita nak tahu kenapa ini berlaku?

Kedua, *legal framework*. Sejauh mana *legal framework* yang disebut oleh rakan-rakan sebentar tadi boleh memberikan faktor pemberat sama ada bebas atau tidak kita punya *freedom press* ini. Begitu juga *economic issue*, *social*, *cultural* dan *safety environment*. Jadi ini membawa saya kepada satu perkara yang lebih *fundamental*, sejauh mana Majlis Media Malaysia ini melihat *freedom of press* itu dalam rangka kebebasan yang bertanggungjawab. Dengan makna kata, saya setuju dengan pandangan Senator Profesor sebentar tadi bahawa, apakah nilai kita yang dikatakan bebas itu? Adakah bebas itu bermakna kita boleh fitnah, adakah bebas itu bermakna kita boleh *slander*, kita boleh kata dekat orang, kita boleh menjatuhkan maruah orang?

Kalaulah konteks itulah yang kita pakai dalam Majlis Media Malaysia, saya khuatir, kebebasan yang kita harapkan itu boleh meruntuhkan masyarakat kerana nilai kebebasan itu perlu dilihat dalam kerangka yang membentuk dan membina dan mendidik dan bukan sebaliknya. Akhirnya saya nak sentuh tentang *citizen journalism*.

*I think* Majlis Media tidak menyinggung soal *citizen journalism*. Dia tak termasuk dalam isu etika, standard profesional *because* kalau kita tengok dari satu sudut positifnya, pendemokrasian berita bagus, adanya *citizen journalism* ini. Perspektif pun lebih luas, *instead of just listening to government* punya *point of view* contoh, tapi *on the flip side of it* Tuan Speaker, kita ada *at risk of being the- of accuracy of the content-* tepat atau tidak berita itu *then* itu *risk* yang paling besar.

Kemudian kita tahu *fake news*, kemudian pelanggaran hak peribadi dan lebih buruk daripada itu, *citizen journalism* ini Tuan Speaker, dia lebih kepada menjurus kebencian, perpecahan, agenda politik, agenda agama sempit. Semua ini dilakukan atas nama kebebasan tapi Majlis Media Malaysia tidak ada kuasa untuk melihat standard apa yang kita perlu bina dan kita perlu bentuk dan yang paling merosakkan dan Malaysia tercatat sebagai salah satu- negara yang punya *cybertrooper* yang paling banyak. *Cybertrooper* ini dibayar dan mereka menggelar diri mereka sebagai menggunakan media bebas, tapi pada waktu yang sama Majlis Media Malaysia ini *has no authority on them*.

#### ■1230

Ini menyebabkan pada waktu yang sama, kita nak kebebasan media melalui Majlis ini tetapi pada waktu yang sama, kita tidak dapat mengawal *citizen journalism* yang kalau tanya saya hari ini, orang ramai lebih suka baca apa yang ada dalam *Facebook*. Apa yang ada dalam *TikTok*. Lima minit itu daripada nak baca artikel yang panjang lebar, nak mempertahankan dasar kerajaan contohnya ataupun seperti rakan-rakan kita telah bangkitkan untuk bincang soal yang lebih *policy-oriented*, yang lebih bersifat polisi. Mengkritik dasar bukan mengkritik peribadi, mengkritik dasar *but*, dengan izin, *nobody cares*.

Dalam *post-truth*, apa yang dinamakan *post-truth*, *is not about fact*, bukan tentang fakta, tetapi tentang siapa yang dapat membangkitkan sentimen dan emosi di mana yang

paling rapuh di dalam media, bab sentimen dan emosi adalah agama, kaum dan perkara-perkara sensitif yang lain. Dengan itu, saya mohon menyokong dengan mengambil kira pandangan daripada Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Speaker.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Azahar bin Hassan.

### 12.31 tgh.

**Tuan Azahar bin Hassan:** Terima kasih Datuk Speaker. Okey, kita ke Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia. Terlalu banyak dah diperkatakan oleh sahabat-sahabat saya sebentar tadi berkaitan dengan kepentingan rang undang-undang ini untuk Majlis Media Malaysia. Sejak akhir-akhir ini, cabaran media semakin tinggi. Susah kita tengok media-media rasmi ini dengan media-media tak rasmi ini, dah semakin berkembang. Sama ada berita itu benar ataupun tidak, ia tetap berkembang. Jadi berdasarkan beberapa perkaralah, pemikiran, kecerdikan dan sebagainya. Dengan berita palsu ataupun berita-berita yang tidak benar, *fake news* dan sebagainya, ada yang percaya, ada yang tak percaya. Ada yang mengkaji dan hari ini kita tengok banyak berita yang tidak benar ini banyak juga orang percaya.

Jadi, kewujudan rang undang-undang untuk mewujudkan Majlis Media Malaysia ini adalah satu yang sangat baiklah. Cuma, kita kena tengok beberapa perkara. Adakah Majlis Media Malaysia ini hanya satu- badan bebas yang tidak ada kuasa? Tidak ada kuasa untuk membincangkan- walaupun boleh membincangkan, tetapi tidak boleh memutuskan. Untuk macam kita, kalau kata MCMC, dia ada undang-undang dia. Adakah kewujudan Majlis Media Malaysia ini akan menyebabkan berlaku pertindihan tugas antara MCMC dan juga Majlis Media Malaysia atau kita panggil sebagai MMM lah.

Jadi, mungkin ini satu- benda baharu macam saya dengar tadi, 42 tahun dicadangkan. Hari ini dah berada di Dewan Negara untuk memastikan bahawa ia diluluskan sebagai satu- memastikan Majlis Media Malaysia ini berada di tahap yang lebih tinggi. Macam YB Senator kita tadi sebut, indeks menurun. Maknanya banyak sangat berita-berita yang tidak benar berada dalam lingkungan kita ini. Jadi, kewujudan Majlis Media Malaysia ini diharap dapat memastikan kita dapat mengawal. Tak banyak, sikit kita boleh kawal dan mendidik. Yang penting, kita nak kena didik hari ini warga Malaysia bagaimana menggunakan media dengan betul. Soalnya, betul.

Jadi, hari ini kewujudan berita-berita yang tidak betul bila dah terlalu banyak keluar, ia nampak macam betul. Jadi, inilah masanya kita menggunakan Majlis Media Malaysia ini untuk mengawal, mendidik dan sebagainya. Kalau kita tengok juga, Majlis ini akan menetapkan standard dan juga piawaian tatalaku bagi pengamal media. Kita nak tanyalah, nak ambil dari mana dia punya format itu? Format untuk mewujudkan tatalaku pengamal media ini sebab

kalau di negara lain, dia macam lain. Di negara yang lain, dia macam lain. Kita nak rujuk apa ataupun nak pakai kitab apa? Mengikut Malaysia punya medialah.

Kemudian, hari ini kita tengok lagi satu kategori untuk Keahlian Majlis. Kategori yang terdiri daripada syarikat media yang diwakili oleh macam penerbit media dan sebagainya. Saya rasa kalau kita lantik di kalangan yang ada terlibat dengan syarikat media ini pula, dia akan ada konflik kepentingan. Konflik kepentingan ini maksudnya dia menguasailah. Satu-satu syarikat yang diwakili penerbitnya akan menguasai Majlis Media Malaysia ini. So, kita nak minta dia lebih bebas keahlian dia. Lebih bebas. Jadi, tidak ada seorang pun yang akan ada kepentingan di dalam Majlis Media Malaysia ini untuk sebarang hal lah. Kita kena *clear* dari awal supaya benda ini tidak disalahgunakan.

Kemudian, kita tengok boleh juga mengutip wang untuk kegunaan Majlis Media Malaysia ini. Saya pun nampak benda ini akan menjejaskan juga. Kita takut Majlis Media Malaysia ini dibeli. Siapa ada duit, dia menguasai Majlis Media Malaysia dengan sumbangan yang sangat besar. Jadi, dia tidak lagi bebas.

Kemudian juga, lantikan daripada kerajaan untuk dua orang keahlian itu pun saya rasa kita patut tengok. Adakah Majlis Media Malaysia ini akan menjadi wakil kepada kerajaan ataupun badan bebas? Kita kena kaji balik. Kita hendak Majlis Media Malaysia ini bebas, sebebas-bebasnya supaya tidak ada unsur-unsur menggunakan Majlis Media Malaysia ini sebagai ruang untuk kepentingan sesuatu pihak.

Jadi, banyak objektif yang saya tengok di sini. Banyak benda yang baik. So, kita bersetuju bahawa Majlis Media Malaysia ini satu ruang yang lingkup, satu kumpulan, satu kumpulan yang boleh membantu melaksanakan, menjadikan Malaysia lebih pintar, bijak, kita ada *medsos* yang digunakan secara baik. Jadi, peluanglah. Mungkin cabaran dia peringkat awal ini agak tinggi sebab benda ha- benda baharu ini macam-macam. So, kita mintalah bagaimana Majlis Media Malaysia ini dapat digunakan sebagai satu wadah yang boleh membantu negara kita supaya lebih dapat berita-berita yang bertanggungjawab dan sebagainya.

Hari ini, kita kena kurangkan berita-berita yang tidak benar, *fake news* dan sebagainya. Jadi dengan itu, masa pun sudah hampir. Saya menyokong rang undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri iaitu Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Azahar. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

**12.38 tgh.**

**Datin Hajah Ros Suryati binti Alang:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-



Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024 yang dinanti-nantikan oleh semua organisasi dan pengamal media. Rang undang-undang ini yang mana akan membawa lebih banyak kebebasan kepada media dan tiada peraturan atau mekanisme baru daripada agensi penguatkuasaan lain yang akan menambah sekatan terhadap media.

Apabila kita melihat situasi sekarang, dalam keadaan industri media yang semakin mencabar, persaingan dan tekanan terhadap media tradisional semakin hebat, ini juga bagi memastikan masyarakat mendapat informasi sahih, berintegriti dan adil selepas cadangan rang undang-undang ini mula diutarakan pada tahun 1973. Saya yakin kerajaan memberi ruang semak dan imbang yang boleh dilaksanakan oleh semua pemain industri media sendiri bagi meningkatkan amalan integriti dan pematuhan etika.

Pada pandangan saya, cabaran yang dihadapi industri media ketika ini adalah ketiadaan kod etika pelaporan yang standard untuk diguna pakai semua pengamal media di Malaysia. Rang undang-undang di hadapan kita antara lain, bagi menubuhkan Majlis Media Malaysia. Sudah tiba masanya untuk kerajaan menubuhkan satu- badan bagi menyelaraskan tadbir urus media di Malaysia yang diterajui industri media sendiri. Ini juga sebagai satu medium komunikasi antara orang awam, media atau akhbar dan juga kerajaan serta menjadi sebuah badan yang memudahkan cara aduan yang diterima.

#### ■1240

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus menyentuh RUU ini, pertamanya, mengenai memperkasakan Majlis Media Malaysia untuk mengawal etika dan tingkah laku profesional pengamal media, menandakan satu langkah penting ke arah pengawalan sendiri dalam industri media. Adakah kerajaan bercadang untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 iaitu antara lain memberi kuasa kepada Majlis Media Malaysia ini supaya lebih mempunyai kuasa dalam memantau pengamal media baik yang bercetak mahupun digital?

Apa mekanisme supaya pengamal media mengikuti standard Majlis Media, sedangkan badan ini tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan lesen atau kebenaran beramal kepada mana-mana pengamal media atau wartawan? Bagaimanakah Majlis mengawal kod etika wartawan dalam membuat sesuatu laporan atau berita dan menetapkan piawaian dan mempromosikan piawaian tertinggi dalam kewartawanan beretika serta hak-hak profesional media?.

Seterusnya mengenai fasal 6(2)(d) yang memperuntukkan bahawa Majlis Media boleh menjalankan siasatan aduan awam terhadap pengamal media melalui mekanisme ketidakpuasan hati. Soalan saya, bagaimanakah kaedah yang diguna pakai oleh Majlis Media ini mempunyai kuasa perundangan untuk memerintahkan permohonan maaf dibuat secara terbuka kepada mangsa sekiranya berita yang dilaporkan media tersebut bersifat fitnah?

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan berbahas mengenai keperluan dan perlunya Majlis Media ini, kita tidak boleh lari daripada kekhuatiran bahawa Majlis Media ini boleh terbuka kepada salah guna kuasa dan salah guna tadbir urus. Situasinya boleh wujud kekangan kebebasan media sekiranya Majlis ini dikuasai oleh orang-orang tertentu dan bagaimana kita hendak memastikan bahawa Majlis ini benar-benar bebas dan mempunyai kuasa untuk menentukan kebaikan untuk para pengamal media dan media yang dilaporkan?

Untuk perkara ini, saya ingin merujuk kepada peruntukan fasal 8(1)(d) yang memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik dua orang anggota yang mewakili kerajaan dan juga fasal 8(5) yang membenarkan Menteri melantik anggota Lembaga pengasas yang bertindak sehingga pemilihan penuh dijalankan. Soalan saya, sejauh manakah kuasa perundangan Majlis ini dapat dijamin jika kerajaan atau mana-mana individu yang mempunyai pengaruh dominan dalam pelantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah? Saya percaya ini boleh menimbulkan persepsi bahawa Majlis tidak benar-benar bebas dan mungkin tunduk kepada kepentingan pihak tertentu.

Seterusnya, mengenai isu keselamatan pengamal media yang berdaftar dengan sesuatu organisasi media. Sekiranya kita lihat kepada fasal 23 RUU ini hanya memberikan perlindungan kepada Majlis daripada tindakan guaman, tetapi tidak ada klausa yang secara khusus melindungi Wartawan ataupun pengamal media dalam menjalankan tugas mereka. Seseorang wartawan ketika bertugas sering kali terdedah kepada bahaya dan ancaman dari segala sudut, nyawa juga boleh terancam. Ada juga beberapa kes sebelum ini kita telah menyaksikan wartawan diheret ke mahkamah atau digantung kerja hanya kerana melaporkan isu negatif.

Saya ingin bertanya, sejauh mana dan bagaimana dengan RUU ini yang bakal kita luluskan dapat menjamin perlindungan dan keselamatan serta dilindungi oleh insurans agar mereka dapat melaksanakan tugas mereka dengan berkesan, efektif dan telus dan melaporkan berita secara berhemah?

**Seorang Ahli:** Maaf...

**Datin Hajah Ros Suryati binti Alang:** Sedikit, tidak sampai satu minit. Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan saya- saya berharap Majlis Media ini akan benar-benar berfungsi sebagai wadah perubahan dan maju ke hadapan dengan mengubah landskap media di Malaysia. Apa yang dicapai adalah kebebasan media, namun jangan kita lupa dalam liputan sejarah media negara kita bahawa pernah ada satu memo pernah dikeluarkan pemerintah untuk melarang langganan akhbar *Utusan Malaysia* pada tahun 2018 di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan hanya kerana dendam politik.

Semoga dengan RUU ini, insiden ini tidak akan berulang lagi dan supaya pengamal media di negara kita akan membawa berita mutakhir yang diterima oleh semua. Dengan ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024. Terima kasih.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

**12.45 tgh.**

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI. Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Malaysia dalam Indeks Kebebasan Media Dunia telah merosot kepada tempat yang ke-107 berbanding tempat ke-73 pada tahun sebelumnya. *Reporters Without Borders* telah melaporkan sebab-sebab utama yang menyebabkan kejatuhan kedudukan ini merangkumi tiga perkara utama iaitu kawalan dan sekatan kerajaan dengan adanya perundangan seperti Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi, Akta Percetakan dan Penerbitan dan juga Akta Komunikasi dan Multimedia yang sering digunakan untuk membendung kandungan yang dianggap sebagai berita palsu.

Kedua, akses yang tidak sama kepada paksi pembangkang iaitu akses kepada media, sekatan terhadap kempen, had terhadap kebebasan berhimpun dan pendakwaan yang dipolitikkan.

Ketiga, penapisan kandungan dan sekatan dalam talian. Kerajaan telah terlibat dalam menyekat laman web berita yang dianggap kritikal menyebabkan penurunan dalam penarafan kebebasan akhbar negara. Tindakan seperti ini mengehadkan kepelbagaian maklumat yang tersedia kepada orang ramai dan menghalang aliran idea secara bebas.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia perlu ambil peduli ke atas isu-isu ini kerana indeks tersebut mempengaruhi persepsi masyarakat antarabangsa terhadap Malaysia iaitu sebagai sebuah negara yang tidak komited sepenuhnya kepada nilai-nilai ketelusan, kebebasan dan hak asasi manusia. Persepsi ini, masyarakat antarabangsa boleh memberi impak perdagangan, diplomasi dan juga pelaburan. Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua bahawa Majlis Media yang akan ditubuhkan nanti boleh menyumbang kepada pembaikan kedudukan Malaysia dalam indeks tersebut melalui pelaksanaan fungsi-fungsinya yang tertentu.

Pertama, Majlis Media boleh mencadangkan apa-apa pembaharuan undang-undang yang berhubungan dengan kebebasan media, bahkan usaha itu telah dimulakan- yang dimulakan oleh organisasi-organisasi kebebasan media seperti Kesatuan Wartawan Nasional Malaysia dan Pusat Kewartawanan Bebas termasuk saluran-saluran media yang telah memperjuangkan ketelusan yang lebih besar, akauntabiliti dan akses awam kepada maklumat yang dipegang oleh kerajaan. Kebebasan untuk mendapatkan maklumat adalah komponen yang perlu bagi tadbir urus yang baik dan sebahagian penting dalam mempromosikan kebebasan bersuara. Keputusan kerajaan untuk memperkenalkan Akta Kebebasan Maklumat adalah hasil dari perjuangan tersebut.

Jadi, saya berharap Majlis Media akan meneruskan- membuktikan kebebasan dan kewibawaannya untuk terus berjuang memperjuangkan reformasi undang-undang supaya meningkatkan kebebasan media dan hak pengamal media di Malaysia.

Pada masa yang sama, saya percaya Majlis Media nanti boleh menggalakkan komunikasi antara pengamal media, kerajaan dan orang awam secara proaktif supaya isu-isu yang dibangkitkan oleh pengamal media dan orang awam dan penjelasan dari kerajaan di mediasi dengan profesional dan penuh tanggungjawab. Sebagai contoh, sekatan dalam talian ke atas laman web yang mengandungi bahan yang memudaratkan keselamatan kanak-kanak dan keselamatan negara boleh diperjelaskan kepada organisasi media termasuk organisasi media asing.

Tuan Yang di-Pertua, seperti badan kawal selia media di negara-negara lain, industri media tempatan telah bersetuju untuk mengawal selia tatalaku industri media, menetapkan standard dan mengadakan kod etika bagi pengamal media mengikut standard kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab. Persoalannya, adakah kod etika ini dapat membantu mempertingkatkan standard dalam industri media dan mengurangkan penyebaran berita palsu serta perbuatan tidak beretika? Adakah ia menjamin sepenuhnya bahawa media tidak akan melakukan kesalahan atau melanggar etika?.

Kita masih ingat skandal *News of the World* di UK melibatkan peretasan telefon selebriti, ahli politik dan orang awam secara haram oleh Wartawan akhbar tersebut untuk mendapatkan cerita eksklusif walaupun di sana sudah ada kod etika bagi pengamal, bagi industri media, namun perkara itu masih berlaku.

#### ■1250

Skandal itu mencetuskan perdebatan luas mengenai tanggungjawab media, moral media dan keperluan untuk mengatur peraturan diri yang lebih kukuh serta pematuhan kepada standard etika di seluruh industri. Skandal tersebut juga menimbulkan persoalan mengenai sejauh mana wartawan seharusnya pergi dalam mendapatkan maklumat dan keseimbangan etika antara kepentingan awam dan menghormati privasi individu.

Kes ini menjadi simbol penting dalam perjuangan terhadap amalan tidak beretika dalam kewartawanan dan memaparkan kelemahan mendalam dalam amalan dan etika kewartawanan baik *The News of the World* mahupun dalam industri media yang lebih luas ya.

Dato' Yang di-Pertua, ada pihak-pihak yang berpendapat bahawa keanggotaan dua orang wakil kerajaan dalam Majlis ini dan sumbangan kewangan kerajaan kepada Majlis ini akan membolehkan kerajaan mengawal kebebasan Majlis dan menjejaskan kredibiliti Majlis sebagai pengawal selia yang bebas. Saya berpendapat bahawa Majlis dapat mengatasi persepsi.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Yang Berhormat, tolong buat penutupan.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Okey. Ini melalui tindakan yang telus dalam keputusan dan tindakan yang berkongsi keputusan dengan media dan masyarakat. Melalui mekanisme ketidakpuasan hati yang telus, ideal dan proses aduan yang tidak memihak kepada mana-mana pihak. Jadi Majlis boleh membuktikan bahawa ia adalah satu- badan yang betul-betul berwibawa, bebas dan tidak dipengaruhi oleh tekanan politik ya.

Jadi Dato' Yang di-Pertua, kerana masa tidak mengizinkan, jadi saya berharap supaya organisasi Majlis Media ini nanti boleh beroperasi dengan telus dan bebas dan juga boleh menarik organisasi media termasuk organisasi media asing untuk menjadi ahli Majlis Media ini nanti.

Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini dan saya berharap Majlis Media ini nanti boleh bertindak secara bebas dan berwibawa. Terima kasih.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Rita.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda.

## 12.52 tgh.

**Tuan Mohd Hasbie bin Muda:** *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini. Penubuhan Majlis Media Malaysia ini ialah satu langkah yang cukup baik yang diambil oleh kerajaan sebagai satu badan kawal selia industri media di Malaysia yang berperanan untuk menetapkan standard dan tatalaku pengamal media dan pengamal media bebas mengikut standard kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab.

Dato Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan tadi *ranking* kita jatuh dari 73 pada tahun 2023 kepada 107 pada tahun lalu. Kita juga daripada kedudukan terbaik dalam negara-negara ASEAN menjadi tempat kedua. Walau bagaimanapun, ia tidaklah seharusnya menjadi suatu yang terlalu mencemaskan ataupun terlalu membimbangkan kerana penurunan tersebut berpunca daripada pelbagai faktor.

Sebagaimana yang disebutkan, badan yang membuat penarafan ataupun *ranking* ini ialah sebuah NGO, *Reporters Without Borders*. Dia hanya sebuah NGO dan NGO itu sendiri mengakui bahawa tindakan kerajaan dari sudut mengekang hantaran, menyekat perkongsian yang menyentuh sensitiviti kaum, agama dan Raja, juga pendirian negara kita terhadap beberapa isu yang sensitif seperti isu LGBT juga mempengaruhi laporan yang dikeluarkan oleh RSF itu.

Justeru, pendirian kita yang berlandaskan adat ketimuran dan agama tidak perlu dikompromikan, hanya semata-mata untuk meraih penarafan atau *ranking* yang lebih baik. Isu media tidak seharusnya terhad kepada soal kebebasan media semata-mata tetapi pelbagai aspek penting termasuk etika kewartawanan dan juga kebertanggungjawaban media

mesti juga menjadi perhatian ataupun tumpuan yang lebih penting. Media yang bebas penting tetapi media bebas, tetapi tidak terkawal sehingga membawa kepada pelaporan yang tidak beretika dan bertanggungjawab akan membawa impak yang buruk kepada masyarakat dan negara.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan tahniah kepada Kementerian Komunikasi kerana telah mengeluarkan Kod Etika Kewartawanan. Saya percaya dengan penubuhan Majlis Media ini, kod etika akan lebih tuntas dan menyeluruh kerana ia nya akan digubal oleh Majlis Media itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi umat Islam, kualiti dan model terbaik media tidak seharusnya berasaskan kepada penarafan dan syor yang dibuat oleh RSF atau mana-mana badan yang wujud berpandukan pemikiran manusia yang serba kekurangan ataupun perspektif tamadun Barat semata-mata. Sebaliknya panduan tertinggi kita ialah Al-Quran dan hadis dan juga panduan *ijmak* dan *qiyas*.

Satu aspek dalam media ataupun pelaporan suatu perkara ini, kita boleh kaitkan dengan larangan mengumpat atau *ghibah* dalam Islam. Islam mengharamkan perkara-perkara yang boleh merosakkan atau mencalarkan maruah seseorang seperti mengumpat sebagaimana yang disebutkan dalam Surah Al-Hujurat yang membawa maksud, "*Jangan kamu mengintip, mencari kesalahan dan keaiban orang dan jangan kamu mengumpat sesetengah yang lain kerana adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Sudah tentulah kamu jijik kepadanya.*"

Begitu berat sekali perbandingan yang dibawa oleh Allah dalam Al-Quran bahawa dosa mengumpat ini seteruk sebagaimana makan daging saudara. Dalam satu hadis juga disebutkan bahawa mengumpat ini bukan semata-mata kita bercakap tentang keburukan seseorang, tetapi kamu juga boleh menjadi mengumpat sekiranya kamu menyebut perihal saudara mu yang tidak disukai.

Saya menyebutkan dua dalil ini menunjukkan betapa halusnyanya ajaran Islam dalam soal menceritakan atau melaporkan sesuatu perkara. Larangan mengumpat bukan hanya pada suatu keburukan ataupun aib, tetapi perkara baik dan neutral pun sekiranya tidak disukai oleh individu yang terlibat, maka ia juga mesti dilarang.

Walaupun Imam Nawawi memberikan pengecualian kepada enam perkara. Umpamanya kita dibenarkan, diharuskan mengumpat dalam soal untuk mendapatkan fatwa daripada mufti untuk menghentikan kezaliman daripada mereka yang zalim serta beberapa lagi pengecualian, tetapi ini menunjukkan bahawa aspek agama tidak boleh dikesampingkan. Janganlah kita terlalu obses untuk melaporkan media secara bebas sehingga kita melupakan etika dan akhlak yang telah digariskan oleh agama.

Tuan Yang di-Pertua, *point* yang saya ingin tekankan dalam usaha memastikan kualiti media kita berada pada tahap yang terbaik, panduan daripada agama seharusnya menjadi

pedoman terpenting. Saya ingin mencadangkan agar golongan alim ulama ataupun agamawan mesti dilibatkan dalam lembaga Majlis di bawah fasal 8 akta ini. Kalau kita komited untuk memastikan perlu ada wakil wanita, sekurang-kurangnya tiga orang wakil wanita dan wakil Sabah ataupun Sarawak. Kenapakah tidak golongan agamawan yang memahami tentang agama dengan lebih baik ini diberikan peranan? Lebih-lebih lagi fungsi media yang amat kritikal dalam menjaga kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa soalan ingin saya bangkitkan. Antaranya sejauh mana pengamal media dan pengamal media bebas akan diwajibkan untuk mendaftar sebagai Ahli Majlis ini? Apakah keistimewaan bagi mereka yang mendaftar berbanding yang tidak mendaftar? Sekiranya mereka tidak mendaftar, adakah mereka tidak tertakluk kepada kod etika tatalaku dan prosiding tatalaku yang ditetapkan oleh Majlis?

Berkenaan dengan ahli lembaga lantikan Menteri, saya boleh bersetuju kerana jumlah dua daripada 21 itu memang jauh daripada mencukupi untuk majoriti mudah. Tetapi, saya nak tanya adakah dua lantikan itu *possible* untuk jadi Pengerusi kepada Majlis ini? Sekiranya layak untuk dilantik, kita harap ada jaminan daripada kerajaan supaya jangan dilantik. Biar mereka hanya menjadi wakil kerajaan untuk memberikan pandangan yang terkait dengan kementerian umpamanya kewangan, Kementerian Agama dan juga Kementerian Dalam Negeri.

Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Yang Berhormat, buat penutupan.

**Tuan Mohd Hasbie bin Muda:** Dalam akta ini juga, diperuntukkan sekurang-kurangnya...

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Hasbie bin Muda:** Ya?

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Mohon buat penutupan.

**Tuan Mohd Hasbie bin Muda:** Ya, perenggan terakhir. Sekurang-kurangnya tiga orang wakil wanita dan tiga wakil Sabah, Sarawak. Kenapa tidak ada peruntukan khusus untuk wakil belia, pengamal media yang muda kerana mereka juga ada isu-isu yang perlu untuk diperjuangkan?

Kalau RUU ini mewajibkan sekurang-kurangnya tiga orang wakil daripada Sabah dan Sarawak, apakah jaminan oleh kerajaan bahawa setiap negeri akan diwakili dalam 21 Ahli Lembaga keseluruhan ahli ini? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekali lagi Ahli-ahli Yang Berhormat saya memohon untuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk patuh kepada masa yang telah ditetapkan pagi tadi iaitu 6 minit.

Okey, seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

**12.59 tgh.**

**Puan Susan Chemeraí Anding:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan RUU Majlis Media Malaysia 2024.

■1300

RUU ini merupakan satu langkah transformatif ke arah memodenkan pengawalan media di Malaysia, menangani kelemahan undang-undang lapuk seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 serta mewujudkan persekitaran media yang bebas, beretika dan bertanggungjawab. RUU Majlis Media Malaysia 2024 yang bertujuan untuk mempromosikan pengawalan diri dan kewartawanan beretika menawarkan permulaan baharu. Ia mengalihkan tumpuan daripada kawalan kerajaan kepada akauntabiliti media, memastikan akbar dapat beroperasi secara bebas sambil mematuhi piawaian profesional. Akta bebas- akbar bebas adalah tunjang demokrasi, tetapi kebebasan tanpa tanggungjawab boleh membawa kepada kekacauan. Saya percaya RUU ini nanti akan mewujudkan rangka kerja untuk kewartawanan beretika, memastikan media mengutamakan ketetapan keadilan dan kepentingan awam.

Sebagai contoh, Majlis ini boleh menangani isu seperti berita palsu, berita sensasi dan *misinformation* dengan izin, yang telah mengikis kepercayaan awam terhadap media. Dengan menetapkan garis panduan yang jelas dan memastikan pertanggungjawaban organisasi media, RUU ini akan memulihkan kredibiliti profesion kewartawanan dan memperkukuhkan peranan media sebagai pengawas Tuan Yang di-Pertua, namun ada juga beberapa kesangsian yang wujud seperti apakah kemungkinan Majlis Media ini kelak dijadikan alat kawalan kerajaan?

Walaupun ia menekankan kepada kebebasan dan *inclusivity* seperti yang dinyatakan oleh beberapa Ahli Senator tadi sebab ada wakil kerajaan di dalam Majlis Media tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya RUU ini akan mengenal pasti realiti kewartawanan moden, termasuk kemunculan media dalam talian, platform sosial dan wartawan rakyat.

Diharapkan juga RUU ini akan menyediakan rangka kerja pengawalseliaan yang jelas untuk media digital dan memastikan semua bentuk kewartawanan mematuhi piawaian etika yang sama sambil melindungi kebebasan bersuara. Ini amat penting dalam era di mana maklumat palsu tersebar dengan pantas dan sempadan tradisional antara platform media semakin kabur. Dalam era dunia yang mana kepercayaan awam terhadap media berada pada tahap terendah dengan *fake news* dan *misinformation* dengan izin, dan lain-lain. Baik di Malaysia mahupun di peringkat global, RUU ini akan dapat berperanan untuk memulihkan kepercayaan ini dan mempromosikan ketelusan dan akauntabiliti.

Sebagai contoh, Majlis ini akan mewujudkan mekanisme untuk awam membuat aduan terhadap laporan yang tidak beretika, memastikan organisasi media bertanggungjawab kepada khalayak mereka. Pendekatan *participation* ini memperkasakan rakyat dan memperkukuhkan kontrak sosial antara media dan awam. Ini sangat dialu-alukan.



Saya juga percaya RUU ini akan memberi peluang untuk mewujudkan persekitaran media yang adil dan inklusif. Sebagai contoh, RUU ini boleh memastikan suara minoriti diwakili dan liputan media mencerminkan kepelbagaian masyarakat Malaysia. Ini adalah langkah penting ke arah perpaduan nasional dan keharmonian sosial. Saya menyatakan ini juga daripada segi menyiarkan berita yang lebih faktual dan benar seperti berkenaan dengan hak-hak Sabah dan Sarawak di bawah MA63 yang kurang pendedahan di media masa dan jika ada, sering diputar-belit sesetengah pihak untuk memburukkan nama pemimpin Sabah dan Sarawak.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, RUU ini adalah komitmen terhadap landskap media yang lebih bebas, adil dan bertanggungjawab. Ia mewujudkan rangka kerja moden, inklusif dan telus dan mempertahankan prinsip demokrasi dan hak asasi manusia. Ia bukan sahaja melindungi kebebasan akta-akbar, tetapi juga memperkasakan wartawan untuk memenuhi peranan penting mereka sebagai *the fourth estate*, dengan izin.

RUU ini adalah transformatif dan berposisi sebagai langkah yang diperlukan dan progresif untuk Malaysia. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Susan.

Seterusnya, saya ingin mempersilakan, Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

#### **1.05 tgh.**

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang saya kagumi. Ya, pertama sekali saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan RUU Majlis Media Malaysia 2024. Tahniah kepada Kerajaan MADANI, lebih lagi kepada Kementerian Komunikasi yang memperkenalkan rang undang-undang ini, yang rupa-rupanya seusia dengan saya kerana diperjuangkan sejak tahun 1973. Saya sangat bangga kerana meluluskan dan mengundi untuk meluluskan rang undang-undang ini nanti kerana dia juga seusia dengan saya. Jadi, sudah 52 tahun kita menanti ini. Jadi, Majlis Media Malaysia akan menjadi satu badan pengawal kepada media-media yang ada di negara kita ini.

Jadi bagi saya, ini sesuatu yang sangat baik dan saya lebih menjurus kepada penggunaan Majlis Media ini supaya dia lebih bebas dan telus serta dapat mengawal media-media yang ada di Malaysia ini, terutamanya yang berkaitan dengan isu politik, isu kaum, isu agama yang kita gelar sebagai 3R. Jadi, ini akan mengurangkan tekanan kepada kerajaan yang akan memberi tanggungjawab ini kepada Majlis ini, yang akan mengawal isu-isu di dalam Majlis atau pun di dalam negara ini yang berkaitan dengan pemberitaan supaya pemberitaan yang diberi kepada rakyat kita adalah pemberitaan yang tepat, yang betul dan bukannya pemberitaan yang palsu.

Jadi, soalan saya di sini adalah, adakah Majlis Media Malaysia ini boleh mengawal media sosial yang berleluasa tanpa kawalan, yang digunakan secara tidak betul, lebih lagi untuk memfitnah seseorang atau pun kaum atau pun kerajaan atau pun orang-orang yang mungkin mereka tidak senang? Jadi, ini juga sesuatu yang perlu diambil berat dalam perkara ini kerana kebanyakan mereka yang melakukan perkara-perkara ini, mereka tidak mengeluarkan identiti mereka. Mereka menggunakan *fake profile*, dengan izin.

Jadi, justeru itulah saya berharap supaya Majlis ini nanti akan diberi kuasa yang sebebasnya, tapi bukan juga untuk mengawal kebebasan bersuara, tetapi mengawal keadaan yang tidak baik yang saya nyatakan tadi. Saya juga berterima kasih kepada kerajaan kerana melihat negara ini sebagai satu pembentukan Malaysia, di mana fasal 8 telah memberikan satu ruang kepada anggota Majlis ini dari Sabah atau Sarawak. Jadi, ini bagi saya adalah suatu yang sangat baik kerana melihat kepada pembentukan Malaysia kerana ada di bahagian negara ini, ada yang di satu bahagian, mereka sangat ekstrem, sangat fanatik dan sehinggakan tak boleh bersama-sama di dalam satu bawah- di bawah satu bumbung, tak boleh bersama.

Jadi, ini apabila ahlinya dari Sarawak atau Sabah, ini akan membawa satu naratif yang lebih mesra, yang lebih aman di antara satu sama lain kerana isu perkauman di Sabah atau Sarawak ini bukanlah sesuatu isu yang besar. Walaupun memang ada, tetapi tidak seperti satu bahagian, di mana isu perkauman ini digunakan untuk memperoleh laba politik. Jadi, dengan adanya keahlian dari Sabah dan Sarawak, ini akan dipertanggungjawabkan untuk menyeimbangi keadaan ini. Biarlah naratif yang mereka ahli dari Sabah dan Sarawak ini boleh menjadi satu panduan kepada Majlis ini untuk mereka memperkenalkan etika-etika yang diperlukan untuk perkara ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membincangkan tentang isu ketidakpuasan. Isu ketidakpuasan ini telah dinyatakan dan di mana dalam fasal ini akan ada perubahan dari semasa ke semasa, ikut trend semasa dan ini juga satu yang baik dan mekanisme ini, ketidakpuasan hati ini biarlah dia dilaksanakan juga dengan profesional.

#### ■1310

Sekali lagi saya ulang. Perkara-perkara yang memfitnah, yang membangkitkan isu 3R ini juga perlu dimasukkan untuk memperkenalkan- untuk mengendalikan isu mekanisme ketidakpuasan ini supaya perkara ini tidak akan menjejaskan perpaduan di dalam negara kita yang selalu digunakan untuk memperoleh laba politik dalam menyampaikan sesuatu pemberitaan.

Bagi fasal 21 pula, bagaimana mereka yang memfitnah ini ataupun memainkan isu 3R ini jika mereka bukan ahli Majlis. Ini juga satu yang difikirkan. Bagaimana mereka ini apabila mereka bukan ahli, jadi tidak terkandung di dalam tata tertib yang boleh diambil terhadap

mereka kerana mereka bukan anggota di sini. Ini juga satu persoalan yang besar yang kita perlu tangani bersama dengan kerajaan dalam hal ini.

Terlalu banyak iklan juga di dalam media-media ini biasanya. Jadi, dengan harapan apabila Majlis Media ini ada sumber kewangannya masing-masing, mereka boleh mencari wang ataupun kerajaan boleh memperuntukkan peruntukan kewangan tahunan bagi mereka, saya berharaplah supaya tidak lagi terlalu sangat bergantung kepada iklan-iklan ini. Apabila kita membaca sesuatu berita, kadang-kadang iklan ini yang lebih ke depan, lebih awal untuk terpapar dalam pembacaan kita. Ini juga sedikit sebanyak mengganggu untuk kita jimatkan masa kita untuk membaca berita-berita yang benar ini yang disediakan oleh media kita.

Jadi, justeru itu, saya dengan ini...

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Yang Berhormat, sila buat penutupan.

**Tuan Abun Sui Anyit:** ...Menyokong RUU Majlis Media Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Abun. Tepat pada masa yang telah diperuntukkan.

Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin Ismail. Dipersilakan.

### 1.12 tgh.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Takut saya- kena *warning*.

Datuk Yang di-Pertua, pertamanya, Allah sebut dalam Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Yang membawa berita yang tak betul ini, Allah sebut golongan fasik.

Kedua, saya pergi *point form*-lah. Saya bersetuju dengan Majlis Media Malaysia, tapi dengan keraguan yang mendalam.

Ketiga, pentingnya MMM supaya kita dapat mengembalikan kepercayaan orang terhadap media negara. Hari ini, ranking kita juga sudah turun daripada 100- sudah naik. Naik itu sebenarnya. Daripada 73 ke-107. Turun kah naik itu? Nombornya naik, hakikatnya turun. Punca yang disebut oleh sahabat-sahabat tadi adalah sebahagiannya dikatakan terkait dengan kawalan oleh pihak kerajaan terhadap- ataupun sekatan oleh pihak kerajaan terhadap kebebasan media.

Terima, tak terima, itu realiti yang dinilai oleh pihak luar terhadap kita dan ia juga menggambarkan- kita juga terasa bahawa hari-hari mendatang ini, dekat dengan kita ini, nilai berita itu sudah sangat kita ragukan. Sehingga kadang-kadang apa yang disebut oleh media bukan lagi boleh menjadi sebahagian daripada pegangan kita.

Ketiganya, saya suka sebutkan, dengan penilaian itu, saya juga mengharapkan supaya kerajaan sendiri perlu *revise* tentang apa-apa perlakuan yang selama ini sudah dibuat supaya kepercayaan dunia terhadap media negara akan dipulihkan. MMM diharapkan akan dapat

membantu untuk memulihkan imej negara kita, imej media, pemberitaan mahupun peringkat negara.

Ketiganya, media yang sudah sekian lama menjadi alat. Bukan lama, mutakhir ini. Kadang-kadang ada sesetengah media buat repot menuduh, bukan sekadar akhirnya orang biasa tetapi parti politik juga sebahagiannya kecundang. Dengan maklumat yang tak betul. Walaupun akhirnya mahkamah putuskan pun tak betul tapi media itu terus juga menyatakan. Tambah lagi, sekarang ada orang yang mengambil ruang beli media untuk menjadi satu bisnes. Media- saman. Dapat saman, untung. Bukan sikit, juta-juta. Ini pun satu trend yang sangat membimbangkan.

Keempat, saya ingat isu media ini diajar oleh agama khususnya Islam. Nabi-nabi sejak Adam sampai Rasulullah, Muhammad SAW, ada empat ciri yang dibawa oleh semua Nabi dan ciri ini harus diambil oleh pihak media. Pertama siddiq, kedua- amanah; ketiga- tabligh dan keempat- fatanah. Benar, amanah dengan apa? Apa yang dicakapkan, apa yang diberitakan. Benar.

Keduanya, amanah. Apa yang dia cakap, apa yang dilaporkan, dia bertanggungjawab. Betul.

Ketiga, tabligh- sampaikan dengan kaedah yang betul; dan yang keempat, fatanah, perlu bijaksana.

Dalam Islam, semua berita yang kita keluar, mulut yang kita cakap, bahasa yang kita keluarkan, dipertanggungjawab. Ada dosa, ada pahala. Bukan di dunia, malahan sampai ke akhirat. Ada syurga dan ada neraka. Saya terpaksa laju-laju sebab nanti YDP kata, "*Cukup, berhenti...*" Saya pun kena berhenti.

Jadi, tuan-tuan dan puan-puan Yang Berhormat Senator, apa yang disebut ini harus dimasukkan kira dalam nilai berita di bawah Majlis Media Negara sebab kita bukan sekadar bertanggungjawab di dunia, namun kita tetap bertanggungjawab sampai akhirat. Kesannya bukan sekarang, tetapi bergenerasi.

Oleh itu, saya harap, satu benda juga yang harus dilihat. Apa yang disebut tentang perlunya wakil kerajaan dua daripada 21. Menteri pernah jawab dalam Dewan Rakyat, seingat saya, "*Sikit sahaja dua daripada 21.*" Tetapi untuk membawa dasar kerajaan, saya cuma nak ingat satu sahaja. Dua daripada 21 ini, dalam syarikat, syernya adalah *golden share*. Dua yang ada di situ memberi kesan pada yang lain. Lesen boleh sahaja boleh dilihat dengan penglibatan *direct*. Bukan saya melihat pada sudut negatif semata-mata, tapi harus juga dilihat pada kesan keberhasilan produk berita yang dikeluarkan.

Apa yang disebut oleh satu media di peringkat Eropah, namanya- ah, lajunya cakap. Presscouncils.eu. Ini Majlis Berita Suruhanjaya Eropah. Mengatakan, maknanya kalau betul ada *self-regulation*, sepatutnya soal peruntukan tidak menjadi alasan, perlu ada wakil kerajaan atau mana-mana pihak yang memberikan peruntukan tersebut.

Ada 41 saat lagi. Saya nak sebut ialah penajaan. Saya sangat bimbang dengan penajaan ini melahirkan proksi. Izin sahaja penajaan- lebih-lebih lagi di peringkat antarabangsa, kita dengar macam-macam berita dah tentang perkara ini. Ambil kira betul-betul perkara ini. Jangan sampai berita kita, media kita menjadi alat asing untuk mengguling negara kita. Bukti sudah berlaku. Perakuan CIA pun dah dibuat. Ertinya, jangan sampai ini berulang lagi.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, sebelum saya mengakhiri bicara ini, saya harap-sebab, semua orang yang menaja ini dia tak kosong. Dia minta ada balas budi dia. Akhir sekali, saya minta supaya MMM diberi mandat untuk membangunkan etika jelas, tepat, untuk membolehkan pemberitaan yang akan datang ini akan mendapat nilai yang dipercayai oleh masyarakat mahupun dunia. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin. Sedap didengar kerana hujah-hujah ada fakta, tetapi masa tak mengizinkan.

Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris.

**1.18 tgh.**

**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Dato Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya sama-sama untuk membahaskan satu rang undang-undang iaitu Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024.

Dato Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan oleh sahabat-sahabat Senator sebelum ini, RUU ini memang bertujuan untuk menubuhkan satu Majlis Media Malaysia (MMM) yang akan mengawal selia industri media di negara ini. Oleh itu, perlu dibincangkan kita bersama ialah apakah tujuan penubuhan MMM ini. Adakah ia benar-benar akan memastikan kebebasan media yang lebih baik dan mengukuhkan industri integriti media di Malaysia atau sebaliknya, Yang di-Pertua? Sebaliknya ia memberi ruang kepada pengawasan yang berlebihan yang boleh menjejaskan kebebasan akhbar.

■1320

Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa Majlis Media Malaysia ini tidak disalahgunakan sebagai alat untuk mengawal ataupun membatasi kebebasan media terutamanya dalam kalangan media yang kritikal terhadap kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, RUU ini memberi kuasa yang luas kepada MMM untuk mengawal selia media. Ia termasuk dalam pengeluaran lesen dan mewujudkan garis panduan. Isu penting ini perlu dibahaskan supaya keseimbangan kuasa yang diberikan kepada MMM ini untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan memastikan kuasa yang

diberikan kepada MMM ini tidak menindas kebebasan media. Persoalan saya di sini Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kerajaan memastikan bahawa Majlis Media Malaysia akan bertindak secara telus, adil dan mewujudkan mekanisme semak dan imbang untuk memastikan kuasa yang diberikan itu tidak digunakan dan membataskan kebebasan bersuara dan memberikan keuntungan politik kepada pihak-pihak tertentu?

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, dalam penubuhan MMM ini, penting untuk kita sama-sama menilai siapa yang terlibat dalam Majlis ini dan sama ada penglibatannya semua pihak penting dalam memastikan industri media ini berjalan dengan sebaiknya termasuk wakil daripada media alternatif, media sosial, organisasi wartawan dan lain-lain pihak yang perlu kita masukkan dalam kumpulan ini. Persoalan daripada saya ialah, apa bentuk representasi yang diberikan kepada pelbagai pihak termasuk Wartawan bebas dan pihak yang berkepentingan lain dalam industri media bagi memastikan bahawa suara perspektif yang diwakili dalam proses pengambilan keputusan di MM itu sendiri. Keputusan yang dibuat oleh MM itu sendiri?

Tuan Yang di-Pertua, isu- Media sosial memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat dan memberikan platform untuk kebebasan bersuara. RUU ini seharusnya memperjelaskan bagaimana ia melibatkan platform media sosial serta memberi perlindungan kepada wartawan dan pengamal media yang bertindak sebagai pengawas kepada kuasa dan masyarakat. Persoalan saya Yang di-Pertua, RUU ini- bagaimana RUU ini boleh menjamin perlindungan kepada wartawan, kepada pengamal media serta memastikan bahawa platform media sosial tidak dibebani dengan peraturan yang tidak wajar yang dapat menghalang kebebasan bersuara dan hak rakyat untuk mengakses maklumat yang lebih tepat?

Tuan Yang di-Pertua, salah satu kebimbangan adalah kesan penubuhan MMM ini terhadap media alternatif yang sering kali berfungsi untuk menyediakan alternatif kepada media arus perdana. RUU ini perlu memastikan bahawa media alternatif tidak akan terpinggir dalam pengaturan semula ekosistem media negara.

Persoalan saya, bagaimanakah kerajaan merancang untuk menjamin ruang yang mencukupi bagi media alternatif untuk terus beroperasi dan apakah mekanisme yang akan dilaksanakan bagi memastikan bahawa media alternatif ini tidak dikenakan tekanan yang tidak wajar dalam menjalankan fungsi mereka?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya juga menyokong rang undang-undang ini sekiranya ia dapat memberikan keadilan kepada semua pihak terutamanya kepada penggiat-penggiat media yang terlibat dalam industri media di negara kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Nelson W Angang.

### 1.25 tgh.

**Datuk Nelson W Angang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberikan saya peluang untuk membahaskan RUU Majlis Media Malaysia ini. Ini lah satu langkah yang baik untuk memastikan masyarakat umum di luar sana mendapat informasi yang sahih, berintegriti dan adil.

Pada waktu ini, kita melihat pelaporan yang banyak menimbulkan kekeliruan disebabkan informasi yang kurang tepat dilaporkan dan tiada pemantauan yang efektif bagi memastikan informasi yang dikongsi di media massa dan media sosial pada waktu ini adalah benar-benar sahih. Dengan menubuhkan Majlis Media Malaysia ini lah langkah yang amat bertepatan dalam memastikan mewujudkan satu- kod etika yang dapat digunakan secara menyeluruh dan dilaksanakan oleh pemain industri media itu sendiri.

Disebabkan enam minit sahaja diperuntukkan, saya terus kepada isu yang saya ingin utarakan Tuan Yang di-Pertua. Kuasa, berkaitan dengan Bahagian IV, Mekanisme Ketidakpuasan Hati dan Prosiding Tatatertib. Persoalan saya, kuasa. Apakah kuasa yang diberikan kepada Majlis ini? Saya berpeluang mendengar penjelasan pihak Menteri berkaitan dengan RUU ini iaitu.

*“Bahagian IV RUU memperuntukkan kuasa kepada MMM untuk menentukan tindakan tatatertib, prosedur siasatan dan rayuan berhubung mekanisme ketidakpuasan hati. Peruntukan ini memastikan MMM mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan apa-apa hukuman dan tindakan tatatertib ke atas ahlinya. Sekiranya terdapat sebarang aduan yang dikemukakan terhadap pengamal media yang bukan ahli MMM, MMM boleh menjalankan siasatan lanjut terhadap aduan tersebut menerusi mekanisme ketidakpuasan hati dan akan diwujudkan seterusnya mengesyorkan tindakan selanjutnya kepada pihak yang berkaitan”.*

Daripada jawapan Menteri, beberapa persoalan timbul. Pertama, adakah keahlian kepada Majlis ini tidak diwajibkan kepada semua pengamal media dan pengamal media bebas?

Kedua, adakah tindakan tatatertib hanya boleh diambil terhadap ahli majlis sahaja? manakala, bagi bukan Ahli Majlis, aduan dan siasatan lanjut di bawah mekanisme ketidakpuasan hati dan akhirnya hanya dapat mengesyorkan tindakan selanjutnya kepada pihak berkaitan?

Saya berbalik kepada kuasa MMM ini. Dinyatakan tindakan tatatertib. Apakah jenis tindakan tatatertib yang dimaksudkan? Menggantung atau menarik balik lesen? Adakah Majlis mempunyai kuasa ini? Menggantung keahlian MMM. Adakah tindakan atau hukuman ini cukup kuat sebagai satu pengajaran atau dengan izin, *deterrence* kepada pengamal media dan pengamal media bebas yang lain? Permohonan maaf. Jika keputusannya adalah untuk memohon maaf dan pengamal media tersebut tidak mahu melakukannya, apakah tindakan

atau kuasa kepada MMM itu sendiri untuk memastikan keputusannya itu dihormati dan dipatuhi?

Saya juga mendengar penjelasan di Dewan Rakyat oleh pihak Menteri, "*Kalau aduan itu sangat serius, cadangan boleh dibuat oleh pihak MMM kepada pihak AGC atau pendakwa raya ataupun pihak polis untuk tindakan diambil berdasarkan kepada aduan tersebut*". Selalunya, kalau dirujuk kepada pihak Pendakwa Raya atau pihak Polis, ia melibatkan wujudnya unsur jenayah. Saya mungkin memberikan contohnya, mungkin *criminal defamation*.

Cadangan saya dengan izin, *with respect*, jika aduan itu dilihat sebagai sangat serius dan pihak MMM tidak mempunyai kepakaran untuk menyiasat dan memutuskan bahawa wujudnya elemen jenayah dalam aduan tersebut, mungkin yang boleh dicadangkan adalah untuk merujuk perkara ini kepada pihak Polis dengan membuat Laporan Polis untuk siasatan dibuat. Ini juga menimbulkan satu lagi persoalan. Memang dinyatakan niat RUU ini adalah untuk membolehkan MMM *to deal with a complaint* atau aduan.

Namun, kembali kepada kuasa kepada MMM. Pada waktu ini, jika seseorang itu tidak berpuas hati, seperti contoh laporan di media, dia akan membuat tindakan sivil atau membuat Laporan Polis. Kalau tindakan sivil, mereka mahu nama mereka dibersihkan dan menuntut ganti rugi. Saya percaya pihak MMM tidak mempunyai kuasa untuk memberikan perintah sedemikian.

Persoalannya, jika tindakan mahkamah dibuat terhadap pengamal media sama ada daripada segi saman sivil atau kes jenayah, pendakwaan di mahkamah, bagaimanakah dengan aduan yang telah dibuat kepada pihak MMM? Adakah pihak MMM akan meneruskan prosiding tatatertib tersebut atau akan menghentikan atau menunda *inquiry* atau prosiding tersebut dan menunggu keputusan pihak mahkamah atau pihak MMM akan membuat dapatannya sendiri?

Keahlian, saya juga berkesempatan mendengar penjelasan mengenai dengan wakil dari Sabah dan Sarawak yang mana dinyatakan pihak kementerian telah mengambil langkah sebagai langkah perintis dan progresif dalam memperkukuhkan kedudukan Sabah, Sarawak kerana RUU ini menetapkan sekurang-kurangnya seorang wakil dari Sabah dan Sarawak.

#### ■1330

Saya sangat menyambut baik langkah ini sebagai mengiktiraf kedudukan unik Sabah dan Sarawak bersama-sama menubuhkan negara ini. Namun, saya juga percaya ia boleh ditambah baik dan diperkasakan lagi dengan memberi ruang pada Sabah dan Sarawak mempunyai wakilnya masing-masing dalam MMM. Hakikatnya, pada waktu ini masih terdapat di kalangan masyarakat kita yang masih terkeliru dan tersilap apabila mengaitkan Sabah dan Sarawak sebagai sebuah entiti yang sama walhal Wilayah Sabah dan Sarawak merupakan



dua buah wilayah yang berbeza daripada segi kaum, budaya, saiz dan mempunyai isunya tersendiri.

Ada sedikit ironi apabila kita membahaskan tentang peranan media dalam memastikan maklumat dan informasi yang tepat disalurkan kepada orang ramai. Dengan memberi ruang pada Sabah dan Sarawak mempunyai perwakilannya sendiri, memberikan peluang dan memperlihatkan dan sedikit sebanyak memberi kesedaran daripada segi sejarah dan latar belakang Sabah dan Sarawak dan kedudukannya istimewa dalam Perlembagaan dan peranannya dalam Penubuhan Malaysia yang berasaskan MA63...

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Yang Berhormat.

**Datuk Nelson W Angang:** Ya.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Walaupun isu tersebut berkaitan dengan saya, tapi masa tak mengizinkan.

**Datuk Nelson W Angang:** Betul, ya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Sila mohon buat penutupan.

**Datuk Nelson W Angang:** Ya. Oleh itu Yang di-Pertua, walaupun Majlis Media ini tujuannya untuk menjamin...

**Seorang Ahli:** Hilang terus...

**Datuk Nelson W Angang:** Hilang terus Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Nelson W Angang:** Walaupun niat, walaupun niat- walaupun banyak perkara yang perlu diperhalusi dan diperbaiki dalam RUU ini, namun tindakan kerajaan dengan mengambil langkah untuk memperkenalkan RUU ini lah satu tindakan yang baik. *A thousand journey begins with a single step*, Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini, saya mohon menyokong RUU ini Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Nelson.

Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Rosni binti Sohar.

### 1.32 tgh.

**Datuk Rosni binti Sohar:** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia tahun 2024. Saya berpendapat rang undang-undang ini merupakan rang undang-undang yang baik dan digubal tepat pada masanya bagi mewujudkan sebuah badan profesional yang mengawal selia, mengurus dan memperjuangkan kepentingan ekosistem media khususnya dunia kewartawanan tempatan.

Penubuhan Majlis Media Malaysia ini juga antara lain bertujuan meningkatkan standard, etika dan kualiti ekosistem industri media selain memelihara dan meningkatkan

keyakinan terhadap media serta mengukuhkan ekosistem maklumat dan kebebasan hak bersuara.

Namun begitu, saya berpendapat terdapat beberapa perincian yang terkandung dalam RUU ini memerlukan perhatian untuk pemurnian agar RUU ini akan menjadi sebuah akta yang bersifat holistik dan komprehensif demi melindungi kepentingan nasional. Seperti yang kita maklum, Kerajaan MADANI di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim menekankan komitmen tidak berbelah bahagi bagi Malaysia untuk mencapai semua indikator dalam Matlamat Pembangunan Mampan ataupun SDG.

Sebagai seorang Senator wanita, sudah pasti menjadi perjuangan saya bagi melihat aspek pemeraksanaan golongan wanita di dalam Majlis Media Malaysia ini nanti akan tercapai selaras dengan agenda 30 peratus pembuat keputusan daripada golongan wanita. Ia matlamat kelima dalam Matlamat Pembangunan Mampan dalam SDG kita iaitu matlamat kesaksamaan gender yakni mencapai keterangkuman gender dan memberdayakan wanita dari setiap peringkat kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya ingin bangkitkan ialah fasal 8(1)(a) iaitu berkaitan dengan komposisi Lembaga Majlis yang memperuntukkan bahawa Lembaga Majlis haruslah terdiri daripada seorang Pengerusi. Saya berpendapat tidak salah bagi saya mencadangkan agar jawatan Pengerusi tersebut haruslah diberikan sistem giliran gender. Katakanlah pada penggal ini pengerusinya adalah seorang lelaki maka penggal seterusnya haruslah dipegang oleh seorang wanita dan begitulah seterusnya.

Selanjutnya fasal 8(1)(b) menyatakan bahawa Lembaga Majlis haruslah diisi oleh dua orang yang dinamakan oleh Menteri yang mewakili kerajaan. Saya mencadangkan agar salah seorang daripada dua orang wakil kerajaan yang dinamakan oleh Menteri haruslah terdiri daripada seorang wanita. Saya memuji pasukan penggubalan RUU ini yang tidak lupa keperluan wanita dengan memasukkan perincian keahlian sekurang-kurangnya seorang wakil wanita seperti dinyatakan dalam fasal 8(1)(c), (d) dan (e) di dalam RUU ini.

Berdasarkan fasal 8 RUU ini, jumlah keseluruhan keahlian Lembaga Majlis ini adalah berjumlah 21 kesemuanya. Namun, jika saya hitung satu per satu, jumlah representasi wanita yang termaktub secara rasminya dalam RUU ini tanpa mengambil kira cadangan saya sebentar tadi hanyalah tiga orang. Jadi, tiga daripada 21 bermaksud 14 peratus sahaja. sudah tentu tidak mencapai yang ingin melihat sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan wanita dalam pembuat keputusan. Saya bagi analogilah, dalam RM100 itu Tuan Yang di-Pertua, 30 peratus itu ibarat RM30 sahaja, tak banyak, tak sampai separuh. Itu pun cukup susah untuk kita jayakan di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat, sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan di dalam Lembaga Majlis Media Malaysia ini memerlukan 6 orang Ahli Lembaga

Majlis wanita. Justeru, saya kira cadangan saya yang saya utarakan tadi adalah relevan dan perlu dipertimbangkan demi sewajarnya oleh Yang Berhormat Menteri.

Isu seterusnya yang ingin saya sentuh ialah fasal 17(5) yang membolehkan Majlis Media Malaysia ini menerima dana asing bagi tujuan menggalakkan kesedaran dan memberikan pendidikan berhubung dengan industri media tertakluk dengan kelulusan Menteri. Saya faham kedudukan ini diwujudkan bagi mengurangkan kebergantungan Majlis kepada dana kerajaan.

Namun, saya melihat bahawa fasal 17(5) berupaya disalahgunakan oleh kuasa-kuasa asing yang sentiasa bergerak secara halus dalam bayangan untuk mengawal minda masyarakat. Malah, klausa dan peruntukan ini amat memusykilkan pada saat Malaysia sendiri tidak mempunyai undang-undang khusus bagi mengawal selia pendanaan politik. Malah, Malaysia juga bukanlah sebuah negara miskin yang sangat memerlukan pendanaan asing. Kita punya dermawan, konglomerat dan sebagainya yang mampu memberi dana kepada tujuan asal fasal ini. Jadi, saya cadangkan supaya fasal 17(5) ini tidak dimasukkan dalam akta yang akan diluluskan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia ini. Namun, saya mohon agar Yang Berhormat Menteri Komunikasi mengambil kira cadangan-cadangan pemurnian yang telah saya utarakan sebentar tadi. Terima kasih dan dengan ini saya menyokong.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Rosni binti Sohar. Pengalaman yang beliau ada di Dewan Negeri Selangor, beliau dapat menghabiskan hujah beliau dalam masa yang ditetapkan... *[Tepuk]*

Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

**1.38 tgh.**

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Terima kasih Yang di-Pertua untuk peluang berbahas rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini yang dicadangkan bertujuan menubuhkan sebuah badan kawal selia sendiri bagi industri media. Matlamat utamanya adalah untuk memperkukuhkan kebebasan akhbar dan menegakkan standard kewartawanan. Secara keseluruhannya, ini lah satu undang-undang yang baik dan langkah ke arah yang betul. Namun, keberkesanan bergantung pada pelaksanaan yang efektif.

Saya ingin membangkitkan lima isu. Isu yang pertama ialah tadbir urus dan kebebasan kewangan. Sebagai sebuah badan kawal selia sendiri, Majlis ini mesti memastikan keseimbangan dalam perwakilan lembaga pengarahnya supaya tidak didominasi oleh industri media itu sendiri. Ini kerana organisasi media mempunyai kepentingan tersendiri untuk dilindungi. Lebih-lebih lagi kerana kebanyakan mereka berorientasi keuntungan.

Selain itu, kebebasan kewangan juga penting bagi memastikan Majlis tidak dipengaruhi oleh mana-mana kumpulan tertentu. Soalan saya ialah bagaimanakah pembiayaan dan peruntukan yang akan dilaksanakan untuk memastikan Majlis itu tidak bergantung kepada pendanaan besar?

■1340

Isu kedua, penguatkuasaan dan masa tindak balas. Bagaimanakah tindakan penguatkuasaan dan hukuman akan dijalankan? Sejauh mana Majlis boleh bertindak dengan pantas apabila diperlukan? Isu ketiga ialah kuasa penyiasatan. Adakah Majlis boleh memulakan siasatan atas inisiatif sendiri tanpa menunggu aduan atau laporan daripada orang awam?.

Isu keempat, pindaan undang-undang. Adakah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 iaitu *Printing Presses and Publications Act 1984* serta Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 akan dipinda untuk memberi ruang kepada kebebasan media yang lebih luas?

Isu yang akhir ialah manipulasi media dan propaganda. Bagaimanakah Majlis akan menangani kes di mana media digunakan sebagai alat propaganda untuk mempengaruhi agenda tertentu?

Sebagai contoh, isu sumber-sumber minyak dan gas di Sarawak dan Sabah sering digambarkan oleh media nasional sebagai sekadar peringkat pertikaian antara PETRONAS dan PETROS. Sarawak sering diberikan gambaran negatif, dilabel sebagai tamak, mementingkan diri sendiri dan tidak mempedulikan satu-satunya syarikat *Fortune 500* Malaysia. Naratif sebegini telah disiarkan dalam media arus perdana.

Baru-baru ini, *Free Malaysia Today* menerbitkan satu siaran di *TikTok* yang mengandungi maklumat yang palsu dan tidak tepat mengenai isu ini. Ini juga diterbitkan oleh *Malay Mail*. Bagaimanakah Majlis akan menangani perkara sebagai ini? Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau. Seterusnya, kita kepada pembahas terakhir bagi RUU Majlis Media Malaysia.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

**1.42 tgh.**

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2025. Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI.

Rang undang-undang ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada yang lepas dan hasil daripada kita dengar daripada pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa ini merupakan sebenarnya satu langkah yang baik dibuat oleh kerajaan kerana akta ini boleh

memberi satu nafas baharu kepada Majlis Media Malaysia kita. Ini merupakan kebebasan integriti media di Malaysia.

Terdapat keperluan untuk memperjelaskan peranan, kuasa dan fungsi Majlis Media Malaysia bagi memastikan ia berfungsi sebagai badan pemantau yang adil dan seimbang serta mampu melindungi hak Wartawan dan memastikan akses kepada maklumat yang tepat dan bebas.

Justeru itu, apakah pihak kementerian akan memberi penjelasan kepada umum keanggotaan Majlis Media Malaysia ini berkenaan dengan anggota dia? Isu-isu yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua adalah isu kebajikan pengamal media ini. Sudah tentunya akan timbul seperti pembuangan ataupun pemberhentian kerja, isu gaji, kebebasan bersuara dan keselamatan ketika bertugas.

Adakah melalui penubuhan majlis ini, ia dapat memainkan peranan dalam mengatasi isu-isu tersebut untuk memastikan kesejahteraan pengamal media ini terjaga? Kita tengok dalam pengamal media ini juga Tuan Yang di-Pertua, adakah media-media, Wartawan ini akan dikongkong dan adakah media Malaysia ini akan lebih berani lagi untuk membawa isu-isu yang sensitif ataupun membuat isu-isu rasuah ataupun birokrasi? Membongkar birokrasi ataupun memberi cadangan tentang birokrasi-birokrasi yang berlaku di kerajaan khususnya yang melibatkan orang ramai.

Kita mahu selepas ini supaya media ini lebih berani. Kalau kita tengok di negara lain media ini sebenarnya lebih ditakuti oleh rakyat dan juga orang politik daripada Polis ataupun SPRM, tetapi kadang-kadang media di Malaysia ini mungkin peranan itu tidak sampai, maka itu media lebih kepada membawa isu-isu yang sensasi untuk ditonton ataupun dibaca oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga kebimbangan atau pandangan bahawa penubuhan Majlis Media Malaysia (MMM) ini mungkin diguna sebagai alat untuk mengukuhkan kawalan kerajaan terhadap media yang mana boleh menjejaskan kebebasan bersuara. Apakah jaminan daripada kementerian untuk meyakinkan umum bahawa ia bebas daripada pengaruh politik dan kerajaan bagi menjamin kebebasan media yang sebenar?

Selaras dengan RUU ini juga, dapat kita lihat akan berlaku pemodenan industri media tanah air kita. Ia memastikan ekosistem media lebih profesional dan selari dengan perkembangan global. Ini membantu para pengamal media beradaptasi dengan cabaran digital dan teknologi baharu. Ini merangkumi pengurangan penyebaran berita palsu yang boleh merosakkan keharmonian negara melalui penyelarasan garis panduan yang lebih jelas dan pemantauan terhadap berita palsu atau berat sebelah. Masyarakat boleh lebih yakin terhadap kredibiliti media.

Justeru itu, apakah kementerian akan membangunkan atau merancang garis panduan tertentu untuk isu ini? Secara keseluruhan, RUU Majlis Media Malaysia 2024 ini diharap dapat

mewujudkan landskap media yang lebih bebas, beretika dan bertanggungjawab. Sekali gus memperkukuh integriti dan kebebasan media di Malaysia.

Kerjasama berterusan antara kerajaan, industri media dan masyarakat sivil adalah penting untuk memastikan matlamat penubuhan Majlis ini tercapai sepenuhnya. Maka, itu saya sangat-sangat menyokong Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024 ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Manolan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan ke atas semua isu dan cadangan yang telah dilontarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Dipersilakan.

**1.48 ptg.**

**Timbalan Menteri Komunikasi [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga saya ucapkan kepada 17 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah lah berbahas mengambil bahagian dalam perbahasan RUU Majlis Media Malaysia. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menunjuk sokongan mereka terhadaplah RUU ini.

Sekarang saya rasa antara isu-isu yang selalu dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator termasuklah Yang Berhormat Senator Tuan Kesavadas, Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad dan juga Dato' Setia Salehuddin bin Saidin dan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator lagi adalah kenapa dalam RUU ini kita memperuntukkan dua orang wakil kerajaan dalam Lembaga Majlis Media Malaysia.

Pertama, ini adalah kerana MMM ini lah sebuah badan yang ditubuhkan melalui rang undang-undang kerajaan dan dipertanggungjawabkan di bawah Kementerian Komunikasi. Oleh itu, wakil kerajaan adalah wajar berada dalam Lembaga Majlis untuk urusan kerajaan. Seperti yang telah dijelaskan dalam RUU ini, wakil kerajaan ini hendaklah dalam kalangan orang yang terlibat dalam media industri seperti lah RTM dan juga BERNAMA. Kalau saya boleh rujuk kepada *Blue Bill* dengan izin, yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di muka surat 26 iaitu huraian ke-11. Ia telah menyatakan bahawa fasal 8 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan dan keanggotaan Lembaga.

■1350

Fasal ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan dua orang anggota yang dinamakan oleh Menteri untuk mewakili kerajaan. Anggota yang dilantik mewakili kerajaan itu hendaklah dalam kalangan orang yang terlibat dalam industri media. Jadi, saya hendak bagi jaminan di sini bahawa perwakilan yang dilantik oleh kerajaan ini, mereka bukan adalah hanya sekadar ejen bagi kerajaan sahaja, tetapi mereka memang adalah datang dari industri media. Contoh-contoh terbaik yang saya boleh bagi sekarang adalah perwakilan yang

datang dari RTM dan juga BERNAMA. Kita perlu faham dan setuju bahawa RTM dan BERNAMA juga merupakan anggota yang penting dalam industri media ini.

Saya percaya bahawa penglibatan mereka dalam Majlis Media ini juga akan bagi kesan yang positif kepada Majlis Media. Saya rasa- bukan itu sahaja, yang saya hendak tegaskan di sini adalah dalam Lembaga Majlis Media ini, ada 21 orang anggota. Jadi, dua orang sebagai wakil kerajaan itu adalah satu peratusan yang sangat-sangat kecil. Dua *out of 21*. Jadi, saya percaya bahawa kita perlu percaya anggota-anggota yang lain akan buat yang terbaik untuk pastikan bahawa tiada campur tangan daripada kerajaan.

Sekiranya melalui dua orang wakil kerajaan yang akan membuat sesuatu ataupun membuat apa-apa usul atau buat sesuatu yang akan mengancam kebebasan media, saya percaya bahawa 19 orang anggota dalam Lembaga Majlis Media ini tidak akan meluluskan ataupun menyokong inisiatif-inisiatif seperti itu. Jadi, kami perlu percaya terhadap kebijaksanaan majoriti. Saya rasa itu juga merupakan satu prinsip demokrasi dalam masyarakat kita.

Selain itu, saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator juga ada bangkit beberapa isu yang saya rasa mungkin ada percanggahan dengan bahawa kita hendak pastikan MMM ini adalah bebas dan juga mereka boleh *self-regulate*. Salah satu pencadangan adalah wakil dari Sabah ataupun Sarawak dipersetujui oleh kerajaan Sabah Sarawak. Saya hendak nyatakan di sini bahawa Kementerian Komunikasi tidak bercadang untuk buat demikian kerana kalau perwakilan yang datang dari Sabah dan Sarawak ini perlu dapat persetujuan daripada Kerajaan Sabah dan Sarawak, bukankah juga itu mungkin merupakan satu contoh ataupun satu peluang untuk campur tangan daripada kerajaan. Jadi, kita perlu menjadi lebih konsisten.

Selain itu, banyak yang juga tanya apabila kita cakap fungsi dan kuasa MMM. Kita hendak mereka wujudkan garis panduan kita dan kita hendak- jadi, apa rujukan di sana. Saya hendak sebut di sini bahawa banyak Ahli-ahli Yang Berhormat Senator juga telah sebut bahawa banyak- contoh-contoh di mana kita dapat nampak bahawa memang ada *bad actor* dalam industri media. Itu yang saya rasa satu perkara yang tidak boleh kita nafikan.

Oleh sebab itu, kita perlu ada satu kod tatalaku ataupun satu- kod etika untuk pastikan bahawa kita boleh pastikan ataupun apabila kita hendak ambil sesuatu tindakan, kita ada satu rujukan untuk kita buat *reference*. Di sini sebenarnya kod tatalaku ini sudah ada drafnya, tetapi akhirnya kementerian ambil satu pendekatan bahawa kita tidak mahu letakkan atau *include* masukkan kod tatalaku ini dalam RUU ini kerana kami percaya bahawa lebih bermakna kalau kod tatalaku tersebut adalah diluluskan di dalam AGM Majlis Media kerana ini adalah untuk *purpose self-regulation*.

Kalau ini kod tatalaku itu juga disediakan oleh kerajaan dan perlu buat, bawalah ke Parlimen untuk buat sebarang pindaan. Saya rasa dari sana juga sebenarnya merupakan satu

cara untuk kerajaan campur tangan tetapi sebaliknya kita hendak *empower* Majlis Media. Kita percaya bahawa Majlis Media boleh *self-regulate*. Oleh sebab itu, kami akan bagi kuasa kepada Majlis Media untuk luluskan kod tatalaku mereka dan juga seperti termasuklah prosedur untuk bagaimana hendak mengenali ketidakpuasan hati.

Saya hendak bagi satu contoh di sini adalah sebenarnya kod tatalaku ini di Malaysia setakat ini ada atau tidak. Etika kewartawanan Malaysia ada atau tidak. Sebenarnya sudah ada. Pada tahun 1989, *Malaysian Press Institute* (MPI) telah menerbitkan Etika Kewartawanan Malaysia. Kod ini dirujuk oleh Jabatan Penerangan Malaysia di bawah Kementerian Komunikasi. Apabila kita selepas 35 tahun, pada tahun yang lalu, JAPEN sebenarnya berhasrat untuk kemas kini Kod Etika Wartawan Malaysia ini kerana sudah sangat panjang, 35 tahun tidak buat sebarang kemas kini.

Tahun yang lalu, sebenarnya JAPEN memang telah kemas kini Kod Etika Wartawan Malaysia, tetapi hasrat yang baik ini disalah tafsir oleh Wartawan-wartawan ataupun pengamal media juga. Ada yang menuduh bahawa ini merupakan salah satu usaha kerajaan untuk mengekang kebebasan media sekali lagi. Jadi, saya rasa lebih paling yang baik, paling bagus adalah kita serahkan kuasa untuk meluluskan etika kewartawanan ini kepada Majlis Media supaya ini memang menunjuk semangat *self-regulate* antara industri media.

Banyak soalan juga tentang apa sebenarnya kriteria ataupun apa hukuman yang boleh diambil, apa prosedur ketidakpuasan hati ini. Pertama, apabila seseorang hendak buat aduan kepada Majlis Media, mereka boleh buka Kertas Siasatan. Kalau tidak ada orang buat kompelin, tetapi ada seseorang dalam Lembaga rasa ada keperluan untuk buat siasatan, mereka berhak untuk melaksanakan siasatan, tetapi keanggotaan dalam Majlis Media ini adalah secara sukarela dan bukan secara paksaan. Ini sebenarnya cadangan daripada Jawatankuasa Protem mereka sendiri.

Saya adakan perbincangan yang panjang lebar dengan mereka sama ada memang kah mereka hendak buat keahlian LMM ini secara sukarela dan bukan *compulsory*. Ini merupakan satu pendekatan yang telah diambil oleh Jawatankuasa Protem kerana mereka percaya bahawa lebih baik untuk menjadikan keahlian MMM ini secara sukarela untuk mengekal kebebasan kredibiliti MMM serta organisasi media selaras dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang menggalakkan kebebasan bersuara. Ini juga akan menggalakkan komitmen ikhlas ataupun jujur media terhadap standard etika tanpa ada tekanan atau paksaan untuk menjadi ahli sekali gus mengelakkan isu perundangan dan politik yang mungkin timbul akibat keahlian mandatori.

Ketiga, ini boleh menggalakkan kepelbagaian dan landskap media yang *populistic* dengan membolehkan fleksibiliti serta keboleh suaian dalam operasi MMM. Jadi, mereka percaya penekanan ini selaras dengan prinsip demokrasi, menghormati kebebasan media,



menggalakkan komitmen tulen terhadap standard etika dan juga memupuk budaya kewartawanan beretika di Malaysia serta mengekalkan kredibiliti media.

Jadi, saya hendak tegaskan di sini bahawa seperti yang saya sebut dalam ucapan tadi, Kementerian Komunikasi bekerja secara rapat dengan Jawatankuasa Protem. Sebenarnya RUU ini mungkin kandungannya 90 peratus adalah datang daripada Protem komiti, Jawatankuasa Protem. Jadi, sekiranya ini merupakan pendekatan yang dipilih, diambil oleh Jawatankuasa Protem, Kementerian Komunikasi, kami menghormati keputusan mereka. Sebab itu keahlian adalah secara sukarela.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator tanya, jadi bagaimana dengan mereka yang tidak bukan menjadi bukan ahli. Kalau sesuatu siasatan dimulakan oleh jawatankuasa MMM ini, mereka boleh jemput sesiapa. Tidak kira mereka ialah ahli atau bukan ahli untuk mengambil bahagian dalam prosedur siasatan tersebut. Dari sana, MMM akan sampai satu keputusan ataupun *finding* sama ada dalam pandangan mereka pelaporan berita itu adalah beretika ataupun tidak beretika.

Kalau mereka rasa pelaporan itu adalah tidak beretika, mereka boleh ambil tindakan seperti gantung keahlian terhadap orang yang diadu tersebut.

#### ■1400

Kalau mereka rasa bahawa penggantungan keahlian itu tidak mencukupi tetapi perlulah tindakan yang lebih serius diambil, mereka bolehlah syorkan bahawa tindakan-tindakan diambil oleh pihak PDRM ataupun seperti JAPEN untuklah gantungkan kad perakuan media dan sebagainya.

Jadi, ini di sana adalah apabila sesuatu cadangan itu datang daripada MMM, saya percaya ini juga boleh membebaskan kerajaan daripada tuduhan bahawa ini merupakan usaha kerajaan untuk campur tangan dalam kebebasan media. Kerana situasi yang kami menghadapi sekarang adalah, kita akui- saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat Senator juga setuju, memang dalam industri media ada juga *bad actor* dan juga kerana mereka perlu ada itu *viralability*. Mereka nak *post* mereka menjadi viral. Jadi, mungkin ada tajuk yang *sensational*.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid pun sebut, ada organisasi-organisasi media yang ada agenda sendiri sepertilah agama yang sempit, sebagai contohnya. Jadi, apabila tindakan diambil oleh kerajaan, saya rasa sangat senang untuk kita dituduh- kami dituduh bahawa ini merupakan campur tangan kebebasan media, usaha kerajaan untuklah mengekang kebebasan media dan akhirnya, kita nampak kedudukan kami di RSF ini semakin menurun. Kami nak mengelakkan situasi seperti itu.

Jadi, saya percaya bahawa sekiranya siasatan diambil olehlah MMM dan kerajaan mengambil ataupun mendengar kepada nasihat daripada mereka, ini akanlah menjadikan industri media ini lebih sihat, lebihlah beretika. Soalannya, selain itu, ada juga yang tanya,

kalau bukan ahli, bagaimanakah? Bukan ahli, MMM juga boleh syorkan tindakan diambil oleh pihak tertentu seperti PDRM ataupun Jabatan Penerangan. Ini lah hasrat untuk kita menubuhkan MMM.

Selain itu- jadi, saya rasa ini juga menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit yang bagaimana dengan mereka yang memainkan isu 3R tetapi bukan Ahli MMM. Jadi, kalau mereka, MMM ini mendapati bahawa pelaporan berita itu memang adalah sengaja nak memainkan isu 3R, mereka boleh cadangkan kepada kerajaan untuk ambil sebarang tindakan.

Jadi, juga untuk menjawab isu. Jadi, apa jenis perlindungan bagilah pengamal media yang telah menjalankan tugas mereka secara beretika. Saya percaya bahawa kalau daripada *findings* MMM ini mendapati bahawa sebarang pelaporan berita itu tidak melanggar kod tatalaku mereka, jadi ini boleh diguna *findings* daripada MMM ini bolehlah dibawa ke mahkamah. Saya percaya bahawa mahkamah juga akan membuat- bagilah pertimbangan yang sewajarnya terhadap sebarang *findings*, sebarang pendapatan daripada MMM. Jadi, saya rasa ini juga merupakan sebarang perlindungan kepada pengamal media.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat juga tanya, kenapa MMM ini kita *exclude*, kita tidak melibatkan syarikat iklan, syarikat pengiklanan? Saya nak jelaskan di sini bahawa syarikat-syarikat pengiklanan sebenarnya adalah mereka juga ada- kita di bawah MCMC, kami juga ada *content* forum, di mana kami juga ada konsumen, kita ada konsumen forum, di mana kita juga melibatkan syarikat-syarikat iklan ini untuk buat *self-regulations*. Jadi, walaupun mereka tidak dimasukkan di bawah MMM, tetapi telah dikecualikan, tetapi juga ada platform yang lain untuklah menguruskan isu tatatertib mereka.

Selain itu, saya juga nak jelaskan di sini bahawa MMM ini bukan ataupun tidak berkuasa untuk ambil tindakan terhadap sosial media. Media sosial yang banyak, Ahli-ahli Yang Berhormat cakap bahawa telah disalah guna. Saya rasa isu itu kami akui bahawa banyak pihak yang tertentu telahlah salah guna platform media sosial tetapi itu bukanlah di bawah kuasa MMM. MMM bukan platform yang sesuai, tetapi saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator juga tahu bahawa di bawah Kementerian Komunikasi, di bawah MCMC, kami telah bermula denganlah *OTT licensing*. Di mana kita nak pastikan platform media sosial yang mempunyai lebih daripada lapan juta orang pengguna di Malaysia, mereka perlulah pohon *license* daripada MCMC. Jadi, ini lah satu isu yang akan di kendali oleh MCMC, tetapi dalam pandangan Kementerian Komunikasi, MMM ini bukan platform yang sesuai untuklah menangani isu-isu yang kita temui di platform media sosial.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada yang tanya, kerana mereka takut bahawa adalah MMM ini bolehlah dikuasai oleh penaja besar. Penaja besar. Tak kiralah di dalam Malaysia ataupun dari luar negara. Oleh sebab itu, kita nak dalam RUU ini kita telah wujudkan satu fasal, di mana kalau MMM ini nak menerima sebarang dana dari luar negara, mereka perlu

dapat kelulusan daripada Menteri. Kegunaan dana tersebut hanya adalah untuk pendidikan dan juga untuklah kesedaran awam. Selain itu, tak boleh ada apa-apa syarat-syarat yang terikat. Ini lah salah satu cara untuk kita pastikan bahawa MMM ini memang adalah bebas dan tiada sesiapa yang bolehlah menguasai mereka. Saya percaya bahawa kita perlu mempercayai kredibiliti, kebolehan ahli-ahli dalam lembaga dalam Majlis ini untuk mereka buat yang terbaik untuk industri media di Malaysia. Jadi, ada Ahli-ahli Yang Berhormat di mana ada soalan yang nak saya jelaskan lagi- kalau ada?

**Datuk Rosni binti Sohar:** *[Mencelah]*

**Puan Teo Nie Ching:** *[Ketawa]* Terima kasih Ahli Yang Berhormat ataslah soalan tersebut. Cadangan yang baik, tetapi saya sebagai ketua wanita dari parti saya, saya juga akan buat yang terbaik untuklah pastikan bahawa wanita akan selalulah dapat satu peluang dan jugalah platform yang boleh bawa suara wanita dalam Majlis Media ini, tetapi saya rasa oleh sebab wakil daripada kerajaan hanya 2 orang, saya tak berani nak janji di sini bahawa bolehlah seseorang daripada itu adalah daripada wanita.

Biarlah saya bawa perkara ini bawa balik ke kementerian dan bincang dengan Menteri saya. Mungkin pada masa yang akan datang kita bolehlah bawa pindaan kepada RUU ini dan kita akan masukkan klausa tersebut juga, tetapi tentanglah Pengerusi, oleh sebab ini adalah dilantik daripada- olehlah Majlis Media.

Jadi, saya rasa cadangan ini sangat baik, tetapi sekali lagi, saya perlulah bawa perkara ini balik denganlah jawatankuasa. Selepas RUU ini diluluskan, bukan Jawatankuasa Protek, tetapi adalah MMM sendiri. Sekiranya mereka setuju, saya percaya cadangan tersebut juga boleh dimasukkan dalam pindaan RUU pada masa yang akan datang.

Ada sebarang pertanyaan lagi yang perlu...?

*[YB Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Datuk Edward Linggu Bukut:** Dato Yang di-Pertua, mohon sedikit pencerahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan, ada perwakilan luar dari Sabah dan Sarawak. Sekadar mohon pencerahan. Adakah perwakilan ini terdiri daripada kumpulan media ataupun terdiri daripada media dalam kerajaan dan dipilih oleh kerajaan negeri dan adakah tempoh mereka itu ada had? Satu tahun kah, dua tahun kah atau tertakluk kepada Majlis MM ini nanti? Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Saya boleh- saya ingin merujuk kepada fasal 8 dalam *Blue Bill* ini.

Pertama, untuklah Lembaga Majlis Media ini- pertama, ada seorang Pengerusi dan kedua, dalam Majlis Media ini ada tiga jenis anggota. Satu adalah syarikat-syarikat, adalah-okey. Adalah- saya rujuk kepada sini, okey. Kalau kita rujuk kepada 7(1)(a). Kalau kita rujuk

kepada fasal 7, ia ada jelaskan bahawa di bawah Majlis Media ada tiga kategori untuk perwakilannya. Satu kategori terdiri daripada syarikat media yang diwakili oleh penerbit media masing-masing atau pengurusan kanan yang dinamakan.

■1410

Kategori kedua, terdiri daripada persatuan media yang diwakili oleh mana-mana ahli persatuan yang dinamakan pengamal media dan juga pengamal media bebas dan ketiga, kategori yang terdiri daripada ahli bukan media.

Jadi, apabila kita bentuk Lembaga Majlis Media, seorang Pengerusi, dua orang anggota yang dinamakan oleh Menteri dan juga empat orang anggota Lembaga yang mewakili setiap kategori anggota. Maksudnya, untuk kategori pertama iaitu syarikat media, mereka akan lantik empat orang. Mereka akan buat pemilihan antara mereka dan empat orang akan dipilih. Antara empat-empat orang ini, pertama, sekurang-kurangnya seorang adalah daripada kalangan wanita dan juga sekurang-kurangnya seorang wakil dari Sabah ataupun Sarawak.

Jadi, sebenarnya perwakilan wanita dalam Lembaga MMM ini adalah sekurang-kurangnya tiga orang dan juga perwakilan dari Sabah dan Sarawak adalah sekurang-kurangnya tiga orang. Mereka akan dipilih antara kategori tersebut, antara mereka sendiri. Jadi, untuk kategori A, syarikat media, mereka akan buat pemilihan mereka...

**Datuk Rosni binti Sohar:** YB.

**Puan Teo Nie Ching:** Akhirnya, yang penting, adalah melantik 4 orang Anggota Lembaga. Untuk kategori B, mereka juga akan membuat pemilihan antara mereka dan akhirnya perlu ada empat orang anggota dalam Lembaga. Antara empat orang ini, sekurang-kurangnya seorang wanita dan seorang dari Sabah, Sarawak. Jadi, tak timbul isu bahawa perwakilan yang mewakili Sabah, Sarawak itu perlu dapat kelulusan daripada kerajaan Sabah, Sarawak. Terima kasih.

**Datuk Rosni binti Sohar:** Terima kasih, YB. Tuan Speaker, kalau tiga orang, tidak mencapai matlamat 30 *percent* ya. Tiga orang, hanya dalam 14 *percent* sahaja. Saya mencadangkan supaya ditambah lagi tiga orang menjadi enam orang untuk wanita berada di dalam- daripada 21 orang itu, 21 itu, enam orang wanita saya cadangkan kepada YB. Terima kasih, Tuan Speaker.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Sekali lagi saya hendak jelaskan di sini bahawa satu orang Pengerusi, dua orang wakil daripada kerajaan, empat orang anggota daripada tiga kategori keanggotaan yang saya sebut tadi dan akhirnya mereka juga boleh lantik enam orang anggota Lembaga tambahan yang dilantik dalam kalangan Ahli Majlis oleh Anggota Lembaga.

Jadi, saya percaya bahawa tentang isu aspek jantina, lokaliti dan juga kepelbagaian media mengikut bahasa dan format juga bolehlah diambil kira apabila mereka melantik enam

orang Ahli Lembaga tambahan tersebut. Jadi, saya pun harap dan percaya bahawa anggota dalam Lembaga Majlis Media ini akan buat terbaik untuklah menjamin kepelbagaian dan jugalah suara wanita dibawa dalam Majlis Media ini.

**Tuan Isaiah a/l D. Jacob:** *[Bangun]*

**Puan Tiew Way Keng:** Dato Yang di-Pertua, saya ingin hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat Menteri, beri laluan tak?

**Puan Teo Nie Ching:** Terakhirlah... *[Ketawa]* Yang ini Yang Berhormat yang baharu dilantik, perlulah bagi dia.

**Puan Tiew Way Keng:** Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang bagi Majlis Media ini adalah sangat penting bagi negara kita memandangkan isu-isu kebebasan maklumat dan juga keutuhan bagi media adalah sangat penting.

Kita dapati bahawa dalam pemilihan anggota-anggota Majlis Media ini, kita nampak pihak kerajaan mereka telah cuba merangkumi kesemua lapisan masyarakat ataupun ada perwakilan. Kita sedang menanti-nantikan supaya RUU ini dapat diluluskan supaya ia boleh bermula, kita katakan daripada langkah pertama, *we start with a small step* dengan izin, yang mana daripada kita selalunya katakan hanya nampak daripada *paper*, kertas sahaja.

Jadi, dalam usaha yang bermula daripada Menteri kita, kita harus menyokong rang undang-undang ini supaya kita boleh nampak ataupun kita buat semakan daripada keanggotaan selepas ini dan sejauh manakah Majlis Media ini boleh membawa kebebasan ataupun keutuhan bagi pihak media apabila mereka dalam usaha untuk melaporkan berita-berita yang sebenarnya.

Saya berharap bahawa dalam penubuhan Majlis Media ini, setelah ditubuhkan ini, kita boleh mendengar lebih banyak suara daripada pelbagai pihak. Memang saya juga berharap supaya Yang Berhormat Menteri boleh mengambil kira kepentingan bagi perwakilan wanita yang mana bilangannya secukupnya haruslah diberikan kepada wakil wanita supaya isu-isu wanita boleh dikemukakan daripada Majlis Media ini dan dibawa kepada perhatian kepada pihak kementerian.

Saya juga difahamkan bahawa usaha ini bukan hanya dalam beberapa bulan tetapi sudah lebih daripada setahun. Marilah kita- supaya ditubuhkan Majlis Media ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Isaiah a/l D. Jacob:** Tuan Yang di-Pertua, Dato. Lagi satu. Satu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa? *The last one*. Tadi dia cakap yang terakhir. Sekarang...

**Tuan Isaiah a/l D. Jacob:** *The last one*.

**Puan Teo Nie Ching:** *The last last one*.

**Tuan Isaiah a/l D. Jacob:** Okey, boleh? *Alright*. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih tapi, tadi Timbalan Menteri mengatakan kuota untuk wanita. So, saya cuma hendak

satu. Kerajaan fokus kepada satu peratus OKU. Apa salah kalau kita letak seorang OKU dalam Lembaga tersebut sebab ia akan membawa banyak faedah kepada golongan OKU.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Tiew yang menyokong usaha kerajaan ini dan juga terima kasih atas cadangan tersebut. Saya percaya kami juga ada ahli-ahli daripada Jawatankuasa Protem yang duduk dalam Dewan Negara ini dan mereka akan bawa cadangan tersebut, perwakilan OKU, perwakilan tambahan untuk wanita, untuklah mereka bincang. Sekiranya semua dipersetujui, tak ada masalah untuk Kementerian Komunikasi untuk sekali lagi bawa RUU untuk meminda RUU sekarang, tetapi saya harap bahawa RUU ini boleh dapat sokongan daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Mungkin ada ruang yang kita boleh tambah baik lagi, tetapi saya percaya ini akan menjadi satu *milestone* yang sangat-sangat penting untuk industri media di Malaysia dan juga untuklah kebebasan media Malaysia. Sekian penjelasan saya. Terima kasih, Dato Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan** Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 23** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu) dan diluluskan]*

■1420

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA (PINDAAN) 2024****Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan.

**2.20 ptg.**

**Timbalan Menteri Komunikasi [Puan Teo Nie Ching]:** Dato Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2024 dibacakan untuk kali kedua sekarang.

Akta BERNAMA 1967 [Akta 780] telah digubal pada tahun 1967 yang bertujuan untuk menubuhkan dan memperbadankan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) khusus sebagai agensi perkhidmatan berita nasional untuk menyebarkan berita ke seluruh negara.

BERNAMA memainkan peranan penting dalam memastikan penyampaian maklumat dan pelaporan berita mengenai dasar-dasar kerajaan dilaksanakan dengan efektif, di samping menjadi sumber rujukan utama organisasi media tempatan dan antarabangsa. Secara dasarnya, matlamat utama BERNAMA adalah untuk mencari dan mengemukakan berita yang lengkap, objektif dan saksama mengenai apa-apa perkara kepentingan awam dan negara di dalam dan luar Malaysia.

Selanjutnya, BERNAMA juga berperanan untuk mengagihkan berita atau bahan berita kepada pelanggan dengan mengenakan bayaran sama ada dalam bentuk fi atau pertukaran berita. Selain itu, dalam melaksanakan fungsi pelaporan bahan berita, BERNAMA juga perlu memastikan berita yang dilaporkan adalah secara benar dan patut tanpa menjejaskan kepentingan awam dan negara serta pandangan semua golongan penduduk Malaysia.

Daripada segi tadbir urus, BERNAMA dikawal selia oleh Lembaga Pengelola yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan enam orang wakil daripada tuan punya surat khabar yang merupakan pelanggan BERNAMA serta enam orang wakil daripada Kerajaan Malaysia. Melihat kepada perkembangan media terutamanya media cetak mutakhir ini dan bagi mengukuhkan pengawalseliaan BERNAMA, Kementerian Komunikasi mendapati bahawa terdapat keperluan supaya kuorum wakil tuan punya surat khabar diperluas kepada wakil organisasi media. Peluasan ini dihasratkan untuk menyumbang kepada peningkatan aspek komunikasi menjadi lebih efektif kepada rakyat.

Oleh itu, mewujudkan persekitaran yang menyokong pembangunan industri media dan digital serta mengambil kira keperluan masa hadapan melalui penambahbaikan kerangka kawal selia sektor komunikasi yang efektif, kini lah masa yang tepat untuk kerajaan meminda

Akta BERNAMA 1967. Rang undang-undang ini bukan sekadar menawarkan reformasi kepada landskap media dan digital, malah akan menjadikan aspek komunikasi kerajaan menjadi lebih efektif dalam mendepani cabaran semasa.

Cadangan pindaan Akta BERNAMA 1967 yang telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 26 Februari 2025 bertujuan untuk memastikan komposisi baharu yang lebih dinamik sejajar dengan perkembangan dan keperluan semasa industri media supaya:

- (i) menjadikan industri media lebih inklusif bukan sahaja terdiri daripada tuan punya surat khabar, malah turut melibatkan media cetak, elektronik dan digital;
- (ii) mempertingkatkan ekosistem digital selaras dengan kerangka Malaysia MADANI dengan mengoptimumkan penggunaan media digital seiring dengan media konvensional yang lain bagi membawa keseimbangan antara kedua-dua jenis media;
- (iii) membentuk sinergi baharu dalam memperkukuh aspek komunikasi kerajaan kepada rakyat; dan
- (iv) pindaan ini juga selari dengan visi Kementerian Komunikasi untuk memperkasakan jaringan dan infrastruktur digital dan komunikasi sosial dalam menyebarkan maklumat kenegaraan kepada rakyat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, taklimat mengenai RUU ini telah diadakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang, Majlis Mesyuarat Dewan Negara Bil. 2, Tahun 2025.

Tuan Yang di-Pertua, RUU BERNAMA (Pindaan) 2024 ini mengandungi lapan fasal seperti yang diperincikan dalam salinan rang undang-undang dengan izin, *Blue Bill* yang diedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Secara umumnya, pindaan Akta 780 ini melibatkan aspek penggantian istilah daripada “tuan punya surat khabar” dan “surat khabar” kepada istilah “organisasi media”. Pindaan yang melibatkan penggantian istilah tersebut adalah melibatkan fasal 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan 8. Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 780 bagi memasukkan satu tafsiran baharu organisasi media.

Pengenalan istilah baharu ini adalah merangkumi bukan sahaja media cetak iaitu surat khabar dan apa-apa medium percetakan tetapi juga turut meliputi komunikasi massa iaitu media elektronik dan digital seiring dengan arus ledakan teknologi dan digital pada masa kini. Pindaan-pindaan seperti yang dinyatakan dalam fasal 3 hingga 8 adalah bersifat pindaan berbangkit kepada penggantian istilah “tuan punya surat khabar” dan “surat khabar” kepada “*organisasi media*” dan juga pindaan yang melibatkan pengemaskinian peruntukan berdasarkan praktikaliti terkini.

Dato Yang di-Pertua, pindaan Akta BERNAMA 1967 membuktikan komitmen Kerajaan MADANI mewujudkan ekosistem media yang berintegriti dan adil di bawah pimpinan Yang



Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Kerajaan ingin menegaskan bahawa pindaan ini selaras dengan keperluan terhadap aspek pengemukaan bahan berita yang dilihat berkembang pesat seiring dengan kemajuan dunia teknologi dan digital pada masa kini. Secara dasarnya melalui pendekatan dalam pindaan yang dilaksanakan, ia akan memperkukuh perjalanan operasi BERNAMA dengan lebih efektif dan maju seiring dengan perkembangan semasa. Dato Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Puan Saraswathy a/p Kandasami]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta BERNAMA 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ada sembilan orang Ahli yang hendak berbahas. Maka saya buat ketetapan, kita tambah 2 minit daripada rang undang-undang yang terdahulu daripada ini. Jadi 7 minit seorang.

Maka dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

**2.29 ptg.**

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya setuju bahawa BERNAMA menjadi penyiar berita yang dapat membawa kepada rakyat semua polisi yang dilaksanakan oleh kerajaan yang memberi manfaat kepada rakyat. Pada masa yang sama, saya juga ingin mencadangkan bahawa kita juga memberi penekanan kepada media elektronik dan digital yang melibatkan bahasa Malaysia, bahasa Cina dan bahasa Tamil.

Di kesempatan ini saya ingin memohon kepada kementerian, saya sedia maklum bahawa terdapat beberapa buah platform media digital dan elektronik Tamil seperti *Nambikkai*, *Vanakkam Malaysia*, *Thisaigal*, *Dina Thanthi*, *Tamil Lens*, *Desam TV* di mana mereka menyiarkan berita-berita mengenai semua langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat iaitu penyelesaian-penyelesaian masalah rakyat dan sebagainya terutamanya kepada masyarakat India.

■1430

Pindaan seksyen 7. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berhubung dengan pindaan seksyen 7 berkaitan keanggotaan Lembaga Pengelola BERNAMA pula, saya mengambil maklum akan matlamat asalnya untuk menjadikan keanggotaan lembaga ini menjadi lebih inklusif dan tidak hanya terikat kepada wakil media cetak tradisional seperti surat khabar semata-mata. Malah dengan membabitkan bersama media platform elektronik dan digital. Namun, saya melihat komposisi semasa lembaga ini iaitu enam orang wakil kerajaan dan enam orang wakil organisasi media. Ini sebagai sesuatu yang mungkin boleh ditambah baik.

Bagaimana kerajaan melihat keperluan untuk menambah jumlah komposisi Lembaga ini terutamanya wakil organisasi media kepada satu jumlah yang lebih daripada asalnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon dapat pandangan Yang Berhormat Menteri, sejauh mana kementerian menilai cadangan bilangan wakil organisasi media sebagai anggota tetap dalam Lembaga ini boleh dipecahkan secara khusus mengikut jenis media yang diamalkan organisasi terbabit seperti wakil media cetak tradisional, elektronik digital dan lain-lain.

Isu yang seterusnya ialah program-program BERNAMA. Satu lagi perkara saya ingin sentuh kerana ia berkaitan dengan BERNAMA. Saya juga mohon Menteri juga meneliti segala- program-program yang kita siarkan ini dan memberi *airtime* yang lebih juga kepada BERNAMA supaya ini berita nasional. *It forms the government. So, we need to spend more money of course.*

Dalam akta ini, dengan izin- dalam akta ini menyatakan tiadalah sebarang wang yang terlibat, rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan, tapi ia perlu undang-undang ini, akta ini harus membantu supaya memperkasakan. Sudah tentu ia akan melibatkan kewangan. Saya mohonlah Yang Amat Berhormat Menteri untuk membantu *airtime* supaya liputan dalam semua bahasa dapat dibantu dan disalurkan isu-isu ataupun inisiatif-inisiatif Kerajaan MADANI kepada rakyat. Itu saya rasa merupakan perkara yang sangat penting.

Isu seterusnya ialah kakitangan BERNAMA. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan sekiranya BERNAMA dalam konteks hari ini dipinda, adakah penambahbaikan yang akan diberikan kepada kakitangan BERNAMA khususnya daripada segi teknologi, latihan dan skim gaji supaya berita-berita yang dapat dihasilkan lebih kompetitif kerana ia mempunyai kakitangan yang lebih bersemangat. Kita boleh mengambil kakitangan yang sangat kompeten dalam memenuhi hasrat negara untuk melahirkan berita-berita yang lebih baik dan lebih cepat serta dapat digunakan.

Terakhir, berkenaan dengan bagaimana kita akan membantu penggunaan dan pelaburan dalam alat-alat berhubung dengan AI untuk menganalisis kandungan dan mengesan sebarang pandangan ataupun berita-berita negatif yang mungkin berlaku dalam keselamatan siber. Jadi dalam hal ini, kita juga percaya bahawa bila mana-mana ia membabitkan lebih banyak media digital dan juga media *online*, ia akan lebih terdedah dan kita mahu supaya BERNAMA akan kekal menjadi pusat sumber yang berwibawa yang boleh kita rujuk.

Dengan pindaan ini, dengan wujudnya ahli-ahli lembaga yang berwibawa. Kita tengoklah akan memberikan kebaikan kepada BERNAMA. Majlis Penyeliaan BERNAMA adalah isu lagi saya nak sentuh. Merujuk kepada fasal 4, bertujuan untuk meminda 10(b) Akta 780, bahawa ada fungsi Majlis Penyeliaan BERNAMA untuk mempertimbangkan aduan yang

menyatakan sekiranya mana-mana pihak melanggar matlamat atau prinsip di bawah Akta 780.

Dalam hal ini, sekiranya mereka ini boleh- kalau mereka berada di bawah BERNAMA, mereka boleh diadu. Sekiranya mereka tak ada di BERNAMA, apa mekanisme yang ada untuk kita juga mengadu perkara-perkara ini kerana kita lihat ini dibuka bukan hanya kepada BERNAMA, tapi kepada pelanggan surat khabar, radio dan televisyen. Saya pohon penjelasan.

Perkara terakhir, saya nak tanya ambil kesempatan ini, saya difahamkan ada pekerja kontrak yang bukan jawatan tetap di bawah BERNAMA. Betul atau tidak daripada Yang Berhormat Menteri? Ini bukan tuduhan, ini minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri betul atau tidak? Kalau tak betul, eloklah. Kalau betul, ada yang pekerja kontrak- kenapa kontrak..? Patut kita serapkan dia sebagai tetap ini agensi berita nasional. Sekian, terima kasih. Saya sokong RUU ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kerana mematuhi masa yang telah ditetapkan. Untuk kali pertama kah?... *[Ketawa]*

Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin.

**2.36 ptg.**

**Dato' Setia Salehuddin bin Saidin:** Saya cuba patuhi masa 6 minit- 7 minit. Baik, Dato' Speaker, terima kasih.

Pertama sekali, saya ingin memetik sedikit apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan tujuan pindaan kepada RUU ini. Pertamanya ialah untuk memastikan komposisi baharu lebih dinamik iaitu melalui pindaan-pindaan berkaitan dengan ahli-ahli lembaga.

Kemudian mempertingkatkan ekosistem digital selaras dengan kerangka Malaysia MADANI dengan pindaan kepada seksyen 2 iaitu dengan menambahkan tafsiran berkaitan dengan "organisasi media" iaitu mana-mana entiti yang menjalankan aktiviti penyebaran berita atau bahan berita melalui surat khabar, penerbitan radio, televisyen atau apa-apa bentuk komunikasi massa yang lain termasuk platform elektronik atau digital. Bermaknanya kerangkanya agak lebih meluas merangkumi aspek-aspek platform elektronik dan digital.

Seterusnya memperkasakan jaringan serta infrastruktur digital dan komunikasi sosial dalam menyebarkan maklumat berkaitan dengan kenegaraan. *Now*, persoalannya sekarang, kalau kita lihat kepada akta induk itu sendiri, di bawah seksyen 6, apa matlamat BERNAMA ini ditubuhkan. Iaitu pertama sekali adalah bagi mencari dan mengemukakan berita atau bahan berita yang lengkap.

Objektif dan saksama mengenai apa-apa perkara kepentingan awam dan negara di dalam dan di luar Malaysia dan untuk mengagihkan berita atau bahan berita itu kepada

pelanggan dengan mengenakan bayaran sama ada dalam bentuk *fee* atau pertukaran berita atau kedua-duanya dan (c) untuk melaporkan secara benar dan patuh tanpa menjejaskan kepentingan awam dan negara, pandangan semua golongan penduduk Malaysia.

*Now*, persoalannya sekarang ini, sejauh mana pindaan ini, pindaan yang kita katakan ada empat, lima pindaan ini dapat memacu reformasi media serta digital? Dalam era kekeliruan maklumat sekarang, agensi berita berkualiti amat diperlukan untuk mempertahankan integriti media. Dalam era penyebaran berita palsu yang semakin berleluasa, ungkapan- kita ada bukti, kita ada gambar, dah tak boleh relevan lagi sebab gambar bukti boleh dipalsukan melalui AI sekarang ini.

Jadi persoalannya, kalau saya lihat kepada pindaan yang sedia ada ini, tak nampak pun *tang* mana objektif yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang boleh kita *tackle* isu-isu yang berkaitan dengan digital. Maklumat-maklumat yang dikatakan melalui AI ini. Bagaimanakah kerajaan melalui pindaan undang-undang ini dapat mengawal keadaan sedemikian? Bagaimana BERNAMA boleh memastikan bahawa segala maklumat berita-berita yang mereka menerima ini untuk diagihkan kepada pelanggannya tadi adalah maklumat yang benar, tepat, tulen? Bukan maklumat yang palsu. Tidak digambarkan di dalam pindaan kepada rang undang-undang ini.

Yang di sini saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pindaan yang ada ini sekadar kosmetik iaitu melibatkan perkara-perkara berkaitan dengan lantikan Lembaga Pengarah, definisi yang dipinda sedikit sebanyak tanpa kita melihat kepada perkara pokok. Kalau kita lihat kepada perkara pokok tadi, apa yang saya dapat lihat adalah berkaitan dengan adakah kita pastikan bahawa undang-undang yang kita pinda ini boleh mengawal keadaan yang melibatkan AI ini. Ini lah satu persoalan yang amat penting untuk dijawab oleh pihak kementerian. Itu sahaja soalan. Terima kasih.

■1440

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati.

2.40 ptg.

**Datin Hajah Ros Suryati binti Alang:** Terima kasih Dato Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Dato Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Dato Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2024 yang antara lain meminda Akta BERNAMA 1967. Rang undang-undang ini merupakan komposisi baharu yang lebih dinamik sejajar dengan perkembangan dan keperluan semasa industri media dan juga mewujudkan ekosistem media yang berintegriti dan adil. BERNAMA sebagai agensi berita rasmi kerajaan perlu segera disegarkan bagi berdepan dengan arus transformasi digital dan persaingan sengit antara organisasi

media yang wujud di Malaysia dalam menyampaikan berita yang sahih lagi diyakini oleh rakyat.

Kebelakangan ini kita melihat pelbagai organisasi media diwujudkan dan ditubuhkan. Kesemuanya berlumba untuk menjadi portal yang lebih cepat menyampaikan berita sehingga ada kalanya tanpa semakan fakta yang tepat. Usaha kerajaan dalam menambah mutu BERNAMA ke arah menjadi peneraju dalam penerbitan berita dan kandungan yang lebih berwibawa haruslah disambut baik oleh semua pihak. Ini kerana peranan BERNAMA sebagai suara kerajaan selama ini adalah sentiasa sahih, tepat dan benar.

Dato Yang di-Pertua, saya ingin memulakan ucapan dengan bertanya kepada pihak kementerian mengenai pindaan seksyen 25(b)(3) iaitu empat orang anggota lembaga yang mewakili Malaysia hendaklah merupakan wakil daripada kementerian.

Soalan saya, apakah kriteria wakil kementerian yang dimaksudkan? Adakah terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, individu malah adalah boleh juga daripada lantikan politik dalam lembaga ini?. Seterusnya, adakah mereka daripada skim PTD atau pegawai tinggi kementerian bertaraf kontrak boleh menyertai lembaga ini?

Seterusnya mengenai pindaan seksyen 2 Akta 780 bagi memasukkan satu tafsiran baharu organisasi media yang merangkumi bukan sahaja media cetak, surat khabar dan apa-apa medium percetakan, tetapi turut meliputi komunikasi massa iaitu media elektronik dan digital. Seiring dengan ledakan teknologi dan digital masa kini.

Soalan saya, sejauh mana kementerian dapat memantau media digital yang semakin hari semakin canggih, malah berita palsu kini menjadi suatu yang sinonim di kalangan masyarakat kita? Apakah cabaran dan keperluan pindaan ini agar benar-benar menjamin berita yang benar dan sahih untuk disebarkan kepada khalayak umum dan daripada segi keperluan kewangan untuk mendepani era berita zaman moden?

Dato Yang di-Pertua, melalui pindaan ini, adalah diharapkan BERNAMA menjadi organisasi media yang lebih inklusif. Cuma persoalannya, inklusif yang bagaimana? Ini kerana saya selalu melihat BERNAMA TV termasuk juga berita-berita wilayah di platform lain selalu menggunakan sumber BERNAMA sebagai rujukan, tetapi realitinya, terdapat cabaran pada zaman moden sekarang ini munculnya berita-berita alternatif sebagai contoh, berita media sosial yang kini rakyat umum percaya di samping berita Internet *online* yang begitu pantas. Semuanya di hujung jari.

Jadi saya ingin tahu, bagaimana BERNAMA boleh bergerak seiring dengan kecepatan berita *online* yang lebih pantas, laju cuma sahih atau tidak, itu belum pasti lagi? Maka apakah strategi inklusif BERNAMA?

Dari sudut berita antarabangsa pula, saya melihat berita BERNAMA masih tidak menyeluruh. Adakah BERNAMA mempunyai wakil berita di Timur Tengah, di India atau di China dan seterusnya di Eropah atau Amerika Syarikat? Kenapa saya bertanya perkara ini

adalah kerana berita BERNAMA masih bergantung kepada media antarabangsa untuk mendapatkan input dan berita. Sekiranya suatu berita itu kurang kepentingan bagi Malaysia, maka masih bergantung kepada media asing. Berita mengenai rakyat Malaysia di luar negara, *business* Malaysia atau pelajar kita di sana saya lihat masih kurang. Kalau ada berita antarabangsa pun adalah apabila Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri atau Menteri membuat lawatan rasmi ke luar negara sahaja, barulah ada liputan berita.

Pada pandangan saya, keadaan ini sekiranya berterusan adalah cara lapuk dan tidak inklusif. Maka BERNAMA haruslah berani dan pantas mendapat berita di persada antarabangsa.

Soalan saya, adakah kementerian sedia membantu BERNAMA dalam mencari kaedah yang lebih inklusif untuk menjadi media bukan sahaja tempatan, tetapi juga melangkaui aspek antarabangsa? Apabila kita membicarakan mengenai perkara ini, sejauh mana kementerian dapat membantu mempertingkatkan ekosistem digital dan penggunaan media digital? Setakat mana sebenarnya BERNAMA bersedia untuk mendepani beberapa buah platform media lain yang menggunakan pembaca berita AI sepenuhnya atau DJ radio AI sepenuhnya?

Saya ingin mengambil peluang ini untuk berbahas RUU ini bagi membicarakan mengenai perihal kekuatan kakitangan BERNAMA sekarang. Adakah wartawan dan editor sekarang ini dilihat mencukupi dan adakah tangga skim gaji yang mereka terima, masih di tahap yang agak rendah? Sekiranya ada staf yang mempunyai *Masters* atau PhD, saya ingin cadangkan, berikan elaun khas setimpal dengan tahap pendidikan yang mereka terima. Kalau boleh mungkin tambahan antara RM600 hingga RM1,200, sedikit sebanyak memberi motivasi kepada mereka.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya berharap BERNAMA akan maju ke hadapan dengan berita yang lebih inklusif dan tidak jauh ketinggalan daripada media arus perdana lain walaupun saya melihat sekarang ini berita portal swasta lain jauh lebih dinamik, menarik, pantas dan *trending*. BERNAMA tetap merupakan sebuah agensi berita berkualiti yang berpegang teguh kepada profesionalisme kewartawanan yang amat diperlukan untuk mempertahankan integriti media. Semoga dengan RUU ini, BERNAMA akan lebih dikenali, disegani dan berita mutakhir diterima oleh semua.

Dengan kata-kata ini, saya menyokong Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2024. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Anna Bell.

2.47 ptg.

**Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian:** Terima kasih Dato Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang untuk saya berbahas mengenai Rang Undang-undang

BERNAMA (Pindaan) 2024 dan ia merupakan satu langkah yang penting untuk memperkukuhkan peranan industri media di Malaysia agar lebih relevan dalam era pendigitalan. Pindaan ini bukan sekadar perubahan dalam perundangan, tetapi merupakan satu usaha ke arah reformasi media yang lebih inklusif, dinamik dan sejajar dengan perkembangan teknologi serta keperluan semasa masyarakat.

Dato Yang di-Pertua, pindaan ini akan mewujudkan industri media yang lebih inklusif. Dalam era digital yang semakin pesat berkembang, industri media bukan lagi terhad kepada surat khabar dan siaran televisyen, tetapi telah melangkaui sempadan konvensional dengan kehadiran platform digital dan media sosial. Oleh itu, pindaan ini merupakan satu usaha yang amat baik dalam menjadikan industri media lebih inklusif dan berdaya saing.

Kita perlu mengakui bahawa media merupakan salah satu- tiang utama dalam sesebuah negara demokrasi. Tanpa sistem media yang inklusif, rakyat akan berhadapan dengan cabaran dalam mendapatkan maklumat yang tepat dan telus. Sudah tentu pindaan ini akan membawa BERNAMA sebagai agensi berita nasional terus relevan, mampu bersaing dengan media antarabangsa dan menjadi sumber berita yang diyakini oleh rakyat Malaysia. Maka sudah tentu dengan pindaan ini, BERNAMA dapat memperluaskan peranannya dan tidak lagi terhad kepada format berita konvensional semata-mata.

Persoalan saya, bagaimanakah proses transformasi BERNAMA daripada media konvensional kepada lebih inklusif bagi memastikan pelbagai suara dan kepentingan dalam masyarakat diutarakan melalui platform ini?

Dato Yang di-Pertua, penggantian istilah “tuan punya surat khabar” kepada “organisasi media”- sesungguhnya saya menyokong penuh bahawa langkah kerajaan untuk menggantikan istilah “tuan punya surat khabar” kepada “organisasi media” dalam pindaan ini. Perubahan ini bukan sahaja sekadar semantik tetapi mencerminkan satu anjakan paradigma dalam cara kita melihat industri media pada masa kini. Jika dahulu, berita hanya disampaikan melalui surat khabar, televisyen dan radio, namun, situasinya telah berubah dengan kemunculan pelbagai platform digital.

#### ■1450

Istilah “tuan punya surat khabar” sudah tidak lagi sesuai kerana ia memberi gambaran seolah-olah media hanya terhad kepada media cetak. Maka, dengan penggunaan istilah organisasi media, ia memberi gambaran yang lebih luas dan bersifat inklusif kepada semua bentuk media termasuk media digital, elektronik seiring dengan dunia teknologi masa kini.

Langkah ini sejajar dengan perkembangan media global seperti *BBC*, *CNN* dan *Al Jazeera* tidak lagi hanya bergantung kepada surat khabar atau televisyen, tetapi turut beroperasi di pelbagai platform digital termasuk laman web, aplikasi mudah alih dan media sosial. BERNAMA perlu mengikuti jejak langkah ini agar terus relevan dalam arus digitalisasi.

Dato' Yang di-Pertua, persoalan saya seterusnya ialah mengenai keanggotaan Lembaga Pengelola BERNAMA. Dato' Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik pindaan yang memperluaskan keanggotaan Lembaga pengelola yang lebih holistik dengan memasukkan wakil dari platform media elektronik dan digital. Langkah ini lah satu pengiktirafan kepada peranan media digital dalam landskap pemberitaan negara.

Hari ini rakyat Malaysia tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada surat khabar atau siaran televisyen untuk mendapatkan berita, sebaliknya mereka beralih kepada portal berita dalam talian, aplikasi mudah alih dan media sosial untuk mendapatkan maklumat yang lebih cepat dan pantas. Oleh itu, adalah wajar jika keahlian Lembaga Pengelola BERNAMA ini turut merangkumi wakil dari media digital yang lebih memahami keperluan industri berita dalam era moden masa kini.

Persoalan saya, apakah kriteria utama yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan ahli Lembaga Pengelola BERNAMA ini untuk memastikan kepelbagaian perspektif dan pengalaman yang relevan?

Dato' Yang di-Pertua, seiring dengan perkembangan pesat teknologi, saya ingin mencadangkan agar kerajaan turut memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan penggunaan teknologi dalam operasi BERNAMA serta mengukuhkan latihan kepada wartawan dan kakitangannya. Pada era kecerdasan buatan AI dan automasi, teknologi boleh digunakan untuk meningkatkan kecekapan pemberitaan BERNAMA. Contohnya teknologi analisis data boleh digunakan untuk memahami trend berita yang lebih menarik kepada rakyat, manakala algoritma AI boleh membantu dalam penyuntingan berita dan penyebaran maklumat yang lebih cepat dan tepat.

Selain itu, kerajaan juga perlu memastikan bahawa para Wartawan BERNAMA diberikan latihan yang komprehensif dalam kewartawanan digital termasuk kemahiran dalam penyuntingan video, penulisan berita dalam format digital dan penggunaan media sosial secara profesional. Hal ini penting kerana landskap media kini tidak lagi bergantung kepada laporan bertulis semata-mata, tetapi merangkumi laporan video infografik dan kandungan multimedia interaktif.

Persoalan saya, adakah BERNAMA akan mewujudkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi bagi memperkasakan wartawan agar lebih kompeten dan berkemahiran tinggi dalam dunia digital. Persoalan seterusnya, bagaimanakah kerajaan mengekang berita-berita palsu yang begitu hebat disebarluaskan dalam berita meskipun tidak diketahui kesahihannya?

Sebagai kesimpulannya Dato' Yang di-Pertua, secara keseluruhannya Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2025 adalah suatu langkah yang amat wajar dan tepat pada masanya dalam memperkukuhkan kedudukan BERNAMA sebagai sebuah organisasi berita nasional yang relevan dalam era digital. Pindaan ini memastikan bahawa BERNAMA dapat



beroperasi dengan lebih inklusif, dinamik dan bersesuaian dengan perkembangan teknologi serta keperluan rakyat Malaysia.

Penggantian istilah “tuan punya surat khabar”= kepada organisasi media adalah suatu langkah yang mencerminkan perubahan landskap media semasa. Manakala keanggotaan lembaga pengelola yang lebih holistik membolehkan BERNAMA memahami cabaran serta peluang industri digital masa kini. Saya juga menekankan kepentingan penggunaan teknologi serta latihan kepada wartawan BERNAMA.

Seterusnya apa pun jua, adalah menjadi keutamaan kepada pengamal media kita mengekalkan sikap integriti dan ketulenan sesuatu media yang disebarluaskan dalam media. Saya yakin dan percaya dengan adanya sokongan yang berterusan daripada kerajaan bahawa BERNAMA akan terus dapat memainkan peranan penting sebagai sumber berita yang berwibawa dan berintegriti di negara ini.

Oleh itu, saya menyokong penuh rang undang-undang ini dan berharap ia dapat dilaksanakan dengan jayanya demi kepentingan rakyat dan masa hadapan industri media negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan.

**2.55 ptg.**

**Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya melihat keperluan rang undang-undang ini dibentangkan dan disokong dalam konteks peranan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia dan BERNAMA ini sebagai ejen ataupun sebagai alat penting dalam proses pengukuhan negara sebagai sumber dan juga pembekal berita yang sahih yang berwibawa yang adil dan yang bebas dengan pengertian berdasarkan kebenaran fakta. Secara peribadi juga, saya agak rapat dengan BERNAMA ini dalam penubuhan beberapa program baik dalam media cetak mahupun media elektronik selama ini.

Saya terus berbicara tentang hal-hal yang berkaitan dengan cadangan pindaan ini Dato Yang di-Pertua. Pertama, dengan merujuk pada fasal 3. Ya, pada hemat saya selain kita berbicara tentang soal perubahan nama, anggota lembaga pengelola, saya seperti dalam isu atau RUU sebelum ini, saya ingin bertanya adakah dalam lembaga pengelola ini ditempatkan wakil, pakar ataupun badan bahasa seperti Dewan Bahasa dan Pustaka kerana bahasa merupakan alat terpenting soal media dan komunikasi. Andai kata salah bahasa digunakan, salah dalam sistem bahasa, salah daripada segi adab bahasa, ini akan meruntuhkan kewibawaan BERNAMA sebagai badan ataupun agensi berita nasional, negara.

Juga dalam soal ini harus diperhatikan soal terjemahan kerana saya perhatikan masih ada juga konteks terjemahan yang tidak begitu tepat, ertinya kita perlu ada Jurubahasa dan Juruterjemah yang berwibawa dalam konteks ini.

Seterusnya, masih lagi berkaitan dengan itu, saya kira perkara yang berkaitan dengan fungsi dan keluasan BERNAMA bukan sahaja menumpukan perhatian dalam soal media cetak, tetapi media elektronik, satu yang sangat kita hargai kerana memberikan laluan dan sumber berita kepada khalayak dengan lebih luas. Hanya mungkin dalam konteks ini, barangkali kalau boleh ditinjau balik. Kesempatan itu, *Radio BERNAMA*, dan *TV BERNAMA* bukan *BERNAMA Radio* dan *BERNAMA TV* seperti RTM- Radio Televisyen Malaysia bukan *Malaysia TV*, bukan *Malaysia radio*. Ini dalam konteks tatabahasa, *grammar* lah. Saya kira ini harus diberi perhatian.

Demikiannya berkaitan dengan itu, seperti yang telah disentuh oleh beberapa orang rakan Senator tadi, soal interaksi ataupun portal interaktif, saya kira ini sangat penting. Pengalaman saya waktu bertugas di negara China itu, dalam CMV, *China Media Group* yang dulunya CRI, *China Radio International*, itu mengadakan portal interaktif dan itu akan menjadikan agensi berita itu jauh lebih berkesan dalam konteks komunikasi dengan khalayak masyarakat baik di dalam negara mahupun di luar negara.

Terus pada fasal 6 tentang pelanggan ini, saya ingin bertanya adakah yang dimaksudkan peluasan pelanggan ini meliputi pelanggan dari negara asing kerana *BERNAMA* sebagai agensi berita nasional harus menjadi sumber utama dalam penyebaran ataupun pemberian, penyampaian berita negara kita kepada negara asing. Ini harus ditentukan atau dipastikan berlangsung dengan berkesan.

Kemudian, ya berkaitan dengan itu juga telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Datin Ros Suryati tadi, saya juga ingin bertanya adakah *BERNAMA* meluaskan sayap di negara-negara utama sedunia? Saya tahu waktu saya bertugas di negara China dahulu, beberapa tahun memang ada *BERNAMA* menempatkan wakil di Beijing, tetapi saya tidak pasti sekarang dan apakah ini juga berlaku di negara-negara lain. Yang penting dalam konteks penyebaran berita negara kita yang sahih, yang berwibawa dan yang benar, yang tepat. Jadi ini saya kira harus diberi perhatian besar oleh pihak *BERNAMA*.

#### ■1500

Ini tentulah pada hemat saya, dapat dikaitkan dengan pelaksanaan Dasar Diplomasi Budaya yang telah pun diisytiharkan oleh kerajaan pada hujung- pada sekitar 7 Disember 2021. Ini satu kaedah untuk kita menggunakan diplomasi budaya bagi mengembangkan berita dan hal ehwal negara kita melalui- mungkin dengan kerjasama kedutaan kita di luar negara.

Dato' Yang di-Pertua, seterusnya yang ingin saya sentuh ialah soal cadangan untuk pengembangan dan perluasan bidang ataupun cakupan tugas yang lebih luas. Kita tahu bahawa dalam bidang media dan komunikasi ada konsep *hard news*, *soft news*. *Hard news*,

dengan izin, itu boleh dikatakan berita segera. Ada orang kata “berita keras”, tapi tak tepat, berita keras. Berita segera, berita yang langsung sifatnya, tapi jangan dilupakan satu lagi ialah *soft news*, berita lunak, berita lembut. Ini dalam bentuk seperti dokumentari dan ini telah pun beberapa kali saya sebutkan dalam perbahasan, dalam konteks-konteks yang lain, termasuk soalan jawapan lisan, keperluan BERNAMA berganding bahu dengan RTM dan agensi kerajaan yang lain untuk mengangkat tamadun negara.

Ini seperti yang telah saya sebut, seperti disiarkan dalam *National Geographic*, dalam *Discovery Channel* dan sebagainya. Ini dapat mengangkat hal-hal tamadun negara, soal kepelbagaian etnik, pelbagai budaya, warisan tamadun, budaya ketara dan tak ketara dan pelbagai daya tarik negara kita. Ini saya kira peranan BERNAMA sebagai agensi kerajaan yang boleh berganding bahu dengan RTM dan sebagainya.

Terakhir yang ingin saya tanyakan adalah fungsi latihan BERNAMA sebagai badan berwibawa, saya kira harus juga bergerak dalam memberikan latihan, walaupun bukan bidang utama. Boleh diadakan sinergi dengan badan seperti Institut Penyiaran Tun Abdul Razak (IPTAR) kerana BERNAMA ada tokoh-tokoh, ada pakar-pakar yang sangat berwibawa dalam soal media. Jadi, sayang kalau fungsi itu tidak dikembangkan dalam memberikan latihan kepada masyarakat.

Jadi Dato' Yang di-Pertua, mudah-mudahan dengan pindaan ini, BERNAMA bukan sahaja BERNAMA, tetapi juga akan ternama, *insya-Allah*. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui.

### 3.02 ptg.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, atas masa yang diberi kepada saya untuk berbahas pada petang ini sekali lagi iaitu berkaitan dengan Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2024. Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa ini ada kaitannya dengan Majlis Media Malaysia.

Justeru itu, saya akan membincangkan tentang Fasal 4 di dalam pindaan ini, di mana Fasal 4 ini berbunyi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak, *you* cakap pasal? YB, YB, *are you debating on that previous bill or the current bill?*

**Tuan Abun Sui Anyit:** Saya tengah Akta BERNAMA.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Ya, yang sekarang ini, Akta BERNAMA 1967. Boleh teruskan, Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih atas konfirmasi, takut saya terlajak silap. Terima kasih.

Memang kita berharap supaya BERNAMA ini akan memberi panduan kepada media-media kita yang akan memayungi sebenarnya media di dalam negara ini. Saya ingin bertanya, adakah kerajaan akan campur tangan dalam hal ehwal yang dilaksanakan dalam perkembangan yang BERNAMA lakukan ini?

Saya ingin baca dulu dalam Fasal 4, di mana Fasal 4 ini berbunyi, perenggan 10B, Akta Ibu dipinda dengan menggantikan perkataan, “surat khabar, radio atau televisyen yang merupakan pelanggan” dengan perkataan, “pelanggan”. Jadi maknanya, ia lebih mempermudah supaya ia tidak terlalu spesifik seperti yang dahulu dan saya percaya ini akan memberi satu tafsiran yang memberi keterbukaan yang lebih luas kepada BERNAMA untuk mendapatkan pelanggan.

Jadi, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mendapatkan penonton ataupun pelanggan yang lebih ramai berbanding dengan media-media yang lain? Saya selalu dapati apabila kita melihat berbanding media yang lain kerana BERNAMA ini sudah tentulah memberi satu gambaran ataupun berita yang benar, berita yang sahih, maka kadang-kadang perkara ini selalu tidak diminati oleh rakyat negara ini.

Jadi oleh sebab itu, saya berharap dengan adanya pindaan ini, akan memberi satu kaedah kepada BERNAMA untuk mencari idea baharu untuk mendapatkan bilangan penonton yang ramai berbanding media yang lain. Saya kalau ingin mendapat berita yang sahih, selalunya saya akan melihat ataupun pergi kepada BERNAMA, klik kepada BERNAMA, di mana apabila ada persoalan berita-berita yang macam menggemparkan. Jadi, sebelum kita menyebarkan perkara itu, berita gempar itu yang mungkin juga memberi kesan negatif kepada pihak yang tertentu, maka BERNAMA inilah menjadi panduan ataupun menjadi kata akhir sebelum kita mempercayai berita itu atau tidak.

Jadi, inilah yang saya harap rakyat Malaysia lakukan supaya jangan terlalu cepat untuk mengongsi berita-berita yang gempar, tetapi BERNAMA tidak ada membuat pengesahan melalui BERNAMA ini, kerana inilah- kerana saya percaya berita yang dikeluarkan oleh BERNAMA ini adalah satu berita yang betul dan tepat. Jadi, saya berharap supaya dengan adanya pindaan kali ini juga akan memberi satu kemudahan kepada BERNAMA, terutamanya apabila pelanggan ini merupakan pelanggan BERNAMA.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan ataupun kementerian, bagaimana pula dengan mereka yang mempunyai media sosial yang agak ramai penonton mereka, yang sekarang ini dikenali sebagai pempengaruh ataupun *influencer*? Malah, pelanggan mereka atau penonton mereka sampai jutaan berbanding dengan BERNAMA yang agak terhad dia punya penonton.

Justeru itu, saya berharap supaya keadaan ini diperbaiki. Jadi, adakah BERNAMA mempunyai kajian-kajian yang menyebabkan keadaan ini berlaku? Di mana kurangnya

penonton berbanding dengan media sosial yang lain, malah *influencer* lebih ramai. Jadi, kalau ada kajian-kajiannya, adakah ia perlu dilaksanakan? Bagaimanakah rakyat boleh membantu di dalam melanggan atau menonton BERNAMA itu sendiri? Jadi, saya dengan ini menyokong akta atau rang undang-undang untuk meminda Akta BERNAMA 1967. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang ini dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Md Ghazali.

### 3.08 ptg.

**Tuan Amir bin Md Ghazali:** Terima kasih Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu, mari kita menelusuri sejarah penting penubuhan BERNAMA. Akta BERNAMA 1957 atau Akta 780, telah digubal pada tahun 1987 dengan tujuan untuk menubuhkan dan memperbadankan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia- BERNAMA sebagai agensi perkhidmatan berita nasional. BERNAMA juga ditugaskan untuk menyebarkan maklumat berita ke seluruh negara secara efektif dan tepat.

Sejak penubuhannya, BERNAMA telah memainkan peranan yang amat signifikan dalam memastikan penyampaian maklumat serta matlamat utama BERNAMA adalah untuk menyediakan berita yang lengkap, objektif dan adil mengenai isu-isu kepentingan awam, baik dalam negara mahupun di luar negara demi memastikan masyarakat mendapat maklumat yang tepat dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk menyentuh satu perkara berkaitan pindaan terhadap seksyen 2 akta ini yang akan memperkenalkan tafsiran baharu berkenaan dengan organisasi media. Sebagaimana yang kita maklum, dunia komunikasi ini telah berkembang dengan pesat, terutamanya dengan ledakan teknologi digital yang begitu signifikan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Media cetak yang dahulu menjadi sumber utama maklumat, kini telah bersaing dengan media elektronik dan digital yang semakin dominan.

Oleh itu, pindaan akta ini adalah amat tepat pada masanya bagi memastikan bahawa definisi organisasi media merangkumi bukan sahaja media cetak tradisional seperti surat khabar dan sebarang medium pencetakan, tetapi juga komunikasi massa yang lebih luas seperti media elektronik dan digital.

### ■1510

Pindaan ini bertujuan untuk menyatukan seluruh platform media cetak, digital dan elektronik di bawah Lembaga BERNAMA di mana proses penyampaian maklumat dan peranan media akan menjadi lebih holistik dan menyeluruh.

Perkembangan ini akan menjadikan Lembaga BERNAMA lebih inklusif seiring dengan perkembangan industri media semasa. Jangan kita biarkan kebijakan ini terhad hanya kepada pengamal media kita sahaja, sebaliknya pandangan dan kepakaran daripada mereka yang

berpengalaman dalam media digital dan elektronik harus diambil kira kerana mereka lebih memahami trend semasa dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dalam era digital ini.

Di samping itu, ia juga akan meningkatkan lagi *efficiency* dalam proses penyampaian berita dan informasi kepada rakyat, mempertingkatkan kredibiliti serta memastikan bahawa agensi berita ini dapat memenuhi aspirasi rakyat untuk mendapatkan maklumat yang tepat, cepat dan berkualiti.

Justeru, pindaan terhadap seksyen 2 akta ini sangat penting kerana ia bukan hanya akan membuka ruang kepada pembangunan industri media yang lebih moden dan inklusif, tetapi juga membentuk masa hadapan komunikasi negara yang lebih dinamik dan relevan dalam keperluan serta kehendak masyarakat hari ini.

Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan, kementerian, apakah langkah-langkah susulan yang akan diambil untuk memastikan bahawa organisasi media yang terlibat dalam ekosistem ini sentiasa mematuhi piawaian etika dan integriti terutamanya dalam era digital di mana boleh tersebar dengan begitu pantas dan meluas?

Keduanya ialah, selain itu, sejauh manakah kerajaan bercadang untuk melibatkan pihak akademik dan profesional dalam perancangan lebih lanjut mengenai pengawalan media digital memandangkan kepakaran mereka dalam bidang komunikasi dan teknologi sangat penting dalam menghadapi cabaran masa hadapan?

Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia digital ini, pelbagai platform media menawarkan peluang bagi organisasi media untuk menghasilkan pendapatan melalui pelbagai saluran seperti langganan perkhidmatan digital premium dan kolaborasi dengan agensi media antarabangsa. Oleh itu, penting juga untuk kita berbincang mengenai bagaimanakah BERNAMA boleh memanfaatkan perubahan ini untuk mengembangkan operasi secara lebih efisien. Apakah bentuk sokongan yang akan diberikan kepada BERNAMA untuk BERNAMA menjana lebih banyak pendapatan melalui autonomi yang diberikan agar dapat berdikari tanpa bergantung sepenuhnya daripada dana awam?

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan jenama BERNAMA kekal relevan dan mampu bagi bersaing dengan agensi berita antarabangsa seperti *Reuters*, *BBC*, dan *Al Jazeera*, kerajaan perlu mengambil beberapa langkah strategik yang holistik. Sebagai agensi berita negara, BERNAMA memikul tanggungjawab besar dalam menyediakan maklumat yang tepat dan terkini kepada rakyat Malaysia. Namun, dalam menghadapi era digital ini, ia perlu lebih inovatif dalam menghadapi persaingan global.

Pertama, adalah penting untuk kerajaan memastikan BERNAMA mendapat manfaat teknologi yang terkini dalam pengumpulan dan penyebaran berita, pembangunan infrastruktur digital yang lebih kukuh serta penyediaan platform digital yang lebih mesra pengguna. Satu langkah penting untuk memastikan agensi ini terus dapat memberikan berita yang pantas dan berkualiti.

Kedua, usaha untuk memperkukuhkan kebolehpercayaan dan kredibiliti BERNAMA sebagai sumber berita yang sahih perlu dipertingkatkan. Kerajaan perlu menyokong program latihan dan pembangunan bagi wartawan dan editor agar mereka dapat terus menguasai kecekapan dalam era digital serta berupaya untuk menghasilkan keuntungan yang lebih relevan dan memenuhi kehendak pasaran global.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya ingin bertanya, apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan memastikan jenama BERNAMA ini dapat bersaing dengan agensi berita luar negara yang lebih besar dan berpengaruh?

Pindaan ini jelas menunjukkan komitmen kerajaan dalam menyesuaikan undang-undang dengan cabaran dunia digital yang semakin pesat berkembang. Langkah ini juga diharap dapat memperkukuhkan lagi kedudukan media negara dan memperkasakan fungsi agensi-agensi media seperti BERNAMA untuk terus menjadi sumber maklumat utama yang *credible* dan dipercayai oleh rakyat Malaysia.

Akhir kata, tahniah kepada Kerajaan Malaysia melalui Menteri Komunikasi, Yang Berhormat Datuk Fahmi Fadzil yang meminda akta ini dalam usaha untuk memastikan ekosistem media lebih inklusif dan relevan dengan perkembangan semasa.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akhir sekali, kita memanggil dengan segala hormatnya Yang Berhormat Senator Datuk Rosni binti Sohar.

### 3.15 ptg.

**Datuk Rosni binti Sohar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas menentukan daripada Akta BERNAMA 1967 kepada Akta BERNAMA 2024.

Rang Undang-undang BERNAMA merupakan agenda penting dalam memastikan BERNAMA yang merupakan agensi berita rasmi Kerajaan Malaysia kekal relevan serta, pada masa yang sama, berdaya saing dalam menyampaikan bahan berita yang tepat, sahih untuk tatapan rakyat Malaysia, terutamanya dalam mendepani kepesatan era kemajuan teknologi maklumat khususnya kecerdasan buatan ataupun AI. Sebagai agensi berita rasmi negara yang penting, BERNAMA memainkan peranan yang sangat besar dalam membentuk landskap media negara selain mempengaruhi pemikiran dan persepsi masyarakat terhadap isu-isu yang berlaku di dalam dan luar negara.

Namun, dalam dunia yang semakin kompleks ini, adalah penting bagi kita untuk memastikan bahawa rang undang-undang ini tidak hanya relevan dengan cabaran semasa, tetapi juga menyediakan penyelesaian jangka masa panjang terhadap pelbagai isu yang

berbangkit dalam industri media. Justeru, saya ingin mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan yang perlu dipertimbangkan semasa perbahasan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia yang semakin dikuasai oleh teknologi digital, khususnya dalam bidang kecerdasan buatan, cabaran media sosial dan penyebaran berita palsu merupakan cabaran besar dalam industri dan ekosistem media kewartawanan yang memerlukan perhatian serius. Oleh itu, saya mencadangkan agar rang undang-undang ini memberikan peruntukan dan punca kuasa yang lebih konkrit kepada BERNAMA dalam memantau dan menangkis penyebaran berita palsu terutama di media sosial. BERNAMA juga harus diberikan instrumen dan sumber yang mencukupi untuk menilai kesahihan berita yang disebarkan di ruang siber.

Saya juga ingin mencadangkan agar BERNAMA menerajui kempen literasi media yang melibatkan pendidikan masyarakat tentang cara mengenal pasti berita palsu. Para Wartawan dan pengurusan editorial BERNAMA juga harus dipersiapkan dengan latihan yang mencukupi dalam bidang teknologi terkini lebih-lebih lagi dalam bidang AI supaya bahan berita yang dihasilkan oleh BERNAMA sentiasa terkini.

Tuan Yang di-Pertua, ketelusan dalam operasi agensi media merupakan perkara yang tidak boleh dikompromikan. Sebagai agensi berita negara yang bergantung kepada pembiayaan awam, BERNAMA harus bertanggungjawab bukan hanya terhadap kerajaan, tetapi juga kepada rakyat Malaysia. Saya mencadangkan agar peruntukan dana yang mencukupi harus disediakan oleh kerajaan kepada BERNAMA supaya dapat membantu BERNAMA berkembang dengan lebih mampan.

Justeru, saya mencadangkan agar rang undang-undang ini memasukkan peruntukan undang-undang yang lebih jelas bagi melindungi kebebasan editorial BERNAMA dengan menjamin bahawa keputusan editorial hanya boleh dibuat berdasarkan profesionalisme dan etika kewartawanan tanpa sebarang campur tangan luar.

Untuk tujuan yang sama, saya mencadangkan agar dimasukkan peruntukan statutori dalam rang undang-undang ini bagi mewujudkan sebuah badan ataupun jawatankuasa pengawasan bebas yang terdiri wakil kerajaan, wakil pembangkang serta wakil-wakil dari badan bebas seperti pertubuhan media dan akademik. Badan pengawasan ini selanjutnya perlu diberikan kuasa untuk menyemak ketelusan pengurusan kewangan BERNAMA serta memberikan penilaian yang objektif mengenai prestasi BERNAMA dalam memastikan setiap keputusan editorial terhadap bahan berita yang disampaikan adalah tepat, bebas daripada sebarang penyalahgunaan kuasa dan memenuhi piawaian tertinggi kewartawanan.

#### ■1520

Dalam usaha memastikan BERNAMA terus beroperasi dengan integriti yang tinggi demi meningkatkan kepercayaan rakyat, rang undang-undang ini juga harus memasukkan juga peruntukan statutori yang mewajibkan BERNAMA menyediakan laporan audit kewangan



tahunan yang menyeluruh mengenai penggunaan dana awam yang diterima daripada kerajaan.

Dato Yang di-Pertua sebagai kesimpulan, saya ingin mengingatkan bahawa Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2024 ini bukan sahaja perlu memodenkan agensi berita negara kita, tetapi juga memastikan bahawa BERNAMA terus menjadi ejen penyebaran maklumat yang berwibawa, bebas dan dipercayai sesuai dengan tarafnya sebagai saluran berita rasmi Kerajaan Malaysia.

Saya berharap agar cadangan penambahbaikan yang telah saya utarakan dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh Yang Berhormat Menteri Komunikasi dalam memastikan bahawa BERNAMA terus relevan dengan perkembangan teknologi serta memainkan peranan penting dalam menjuarai ketelusan media dalam keberagamaan agama, bangsa di Malaysia. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

### 3.21 ptg.

**Timbalan Menteri Komunikasi [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang membahas RUU BERNAMA (Pindaan) 2024.

Secara rumusan, objektif utama pindaan ini adalah untuk menggantikan istilah 'tuan punya surat khabar' kepada istilah 'organisasi media'. Penggantian istilah tersebut bertujuan merealisasikan hasrat kerajaan untuk mengangkat menyatukan kesemua media di dalam satu definisi khusus iaitu organisasi media. Malah menerusi terma baharu ini, kerajaan berhasrat untuk menyatukan kesemua media agar dapat sama-sama membantu kerajaan dan menyampaikan maklumat kepada rakyat.

Antara aspek utama yang diperuntukkan melalui pindaan Akta 780 ini adalah melibatkan Lembaga Pengelola BERNAMA. Sebelum ini Lembaga Pengelola BERNAMA hendaklah terdiri daripada tuan punya surat khabar sahaja namun melalui pindaan yang dilaksanakan ini, Ahli Lembaga Pengelola bukan sahaja terhad dalam kalangan tuan punya surat khabar malah pemilik organisasi media yang lain dari mana-mana platform turut layak dipertimbangkan untuk menjadi Ahli Lembaga Pengelola BERNAMA sekiranya mereka adalah pelanggan BERNAMA.

Jadi, mungkin saya boleh bagi beberapa contoh. Ada sebuah organisasi media yang kita panggil *Oriental Daily*. Dahulunya mereka memang tiap-tiap hari seperti *Sin Chew*, *China Press* adalah mencetak surat khabar mereka, tetapi mereka telah henti mencetak surat khabar. Sekarang, mereka merupakan media digital, media dalam talian secara khususnya.

Selain itu, kita nampak saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam Dewan Negara ini semua ada akses kepada Malaysiakini, tetapi kalau ikut definisi sebelum pindaan walaupun sekiranya Malaysiakini adalah pelanggan BERNAMA, mereka juga tidak layak untuk duduk dalam lembaga dan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas juga cakap bahawa kita perlulah menekankan, memberi penekanan kepada surat khabar ataupun media dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Tamil.

Kita juga tahu bahawa untuk media bahasa Tamil, sekarang juga ada media dalam talian seperti *Thisaigal*, seperti *Vanakkam Malaysia* yang mempunyai banyak *followers online*, tetapi kalau pindaan ini tidak dibawa ke Dewan yang mulia ini, mereka walaupun mungkin mereka adalah pelanggan BERNAMA, mereka tidak layak untuk duduk dalam Lembaga BERNAMA. Itu adalah sebabnya Kementerian Komunikasi pada hari ini membawa RUU ini untuk diluluskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi ini adalah objektif utama RUU ini dibentangkan, tetapi pada masa yang sama, semasa sepanjang perbahasan, Ahli-ahli Yang Berhormat juga banyak bangkit isu-isu seperti AI, seperti berita palsu. Perlu saya akui di sini bahawa RUU ini bukan satu *silver bullet* untuk mengatasi semua masalah. Itu saya perlu akui di sini. Ini bukan satu pindaan yang saya cadangkan sekarang yang itu menggantikan istilah, "tuan punya surat khabar" kepada "organisasi media."

Ini bukan satu pindaan yang boleh bersifat secara *silver bullet* untuk selesai semua isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, tetapi ini tidak bermakna bahawa tiada usaha lain yang telah dijalankan sama ada oleh BERNAMA ataupun oleh Kementerian Komunikasi ataupun oleh Kerajaan MADANI secara keseluruhannya. Satu contoh ialah isu berita palsu- *fake news* dan penggunaan AI. Pada 28 Januari tahun ini, *chatbot AI* ataupun kita panggil *Artificial Intelligence Fact-check Assistant*, kita panggilan dia *Chatbot AIFA* yang diterajui oleh MCMC telah diperkenalkan dan berperanan untuk membantu rakyat menyemak dan mendapatkan informasi maklumat yang sahih dengan cepat dan mudah.

Sejak dalam dua minggu dilancarkan iaitu sehingga 23 Februari, *Chatbot AIFA* telah menerima dan memproses 57,782 mesej dengan purata 2,140 mesej setiap hari. Jadi, ini merupakan sebahagian usaha oleh Kementerian Komunikasi melalui MCMC supaya kita juga mengguna pakai AI teknologi AI untuk wujudkan *Chatbot AIFA* ini supaya kita harap rakyat Malaysia yang hendak semak sama ada satu maklumat itu adalah sahih, adalah betul, adalah tepat mereka juga bolehlah akses tanya *Chatbot AIFA* ini dalam *WhatsApp* mereka.

Jadi, ini adalah sebahagian usaha daripada Kementerian Komunikasi dan juga Kerajaan MADANI, tetapi bukan itu sahaja, di bawah BERNAMA juga ada satu portal yang kita panggil *MyCheck*. Ini juga merupakan salah satu portal yang kita boleh buat *fact checking*,

dengan izin. Selain itu di bawah MCMC, juga ada portal Sebenarnya.my. Ini juga merupakan satu portal untuk kita buat *fact checking*.

Jadi, memang kita perlu akui bahawa berita palsu merupakan satu cabaran yang sangat rumit untuk semua kerajaan bukan sahaja Kerajaan Malaysia, tetapi juga untuk kerajaan-kerajaan yang lain, tetapi memang ada pelbagai usaha yang telah dimulakan, dilancarkan oleh kerajaan. Kami jugalah mengalu-alukan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator bagaimana kita boleh tambah baik usaha kita untuk menangani isu berita palsu.

Selain itu, juga ada pertanyaan tentang fungsi Majlis Penyeliaan. Majlis Penyeliaan merupakan *checks and balances* kepada BERNAMA bagi memastikan kekal relevan dalam menjalankan fungsinya. Jadi, kedua-dua organisasi ini juga diwakili oleh golongan yang arif tentang media dan juga perundangan. Majlis Penyeliaan diketuai oleh Hakim Mahkamah Tinggi manakala Pengerusi Lembaga Pengelola pula merupakan seorang yang berpengalaman dalam industri media.

BERNAMA turut memiliki slot khas berkaitan berita khususnya untuk kaum Cina dan Tamil dan ada juga *Mandarin Desk* iaitu Meja Berita Mandarin. Juga BERNAMA TV, *Tamil News* di BERNAMA TV. Jadi, memang kita hendak pastikan bahawa BERNAMA boleh menyampaikan ataupun menyebarkan maklumat yang tepat kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia.

Selain itu- bagaimana kerjasama BERNAMA dengan organisasi-organisasi yang lain supaya kita boleh terus meningkatkan prestasi kita di mata dunia. Bagi mencapai hasrat tersebut, BERNAMA sentiasa komited bagi meningkatkan prestasi di mata dunia. Antara strategi yang dilaksanakan oleh BERNAMA, kami telah menjalinkan kerjasama di peringkat antarabangsa bersama dengan agensi berita antarabangsa seperti dulu- *Xinhua Xi* dari China Media Group dan juga rangkaian seperti OANA yang membantu BERNAMA untuk melihat amalan industri terkini global bagi memastikan BERNAMA terus kekal relevan dan berdaya saing.

#### ■1530

Malah, BERNAMA telah lama beroperasi secara global apabila membuka *bureau correspondent* di Jakarta, Manila, Bangkok dan Singapura pada 1970-an, selain menganggotai beberapa buah pertubuhan agensi berita antarabangsa seperti Pertubuhan Agensi-agensi Berita Asia Pasifik yang mempunyai 41 buah agensi berita dari 33 negara serta *News Network and Union of OIC News Agency*. Jadi, ini merupakan kerjasama-kerjasama yang telah dijalinkan oleh BERNAMA.

Menerusi kerjasama yang terjalin di bawah keanggotaan serta memorandum persefahaman dengan agensi ini, berita, foto dan video BERNAMA juga diguna pakai oleh

agensi berkenaan. Justeru, ini juga memperluas jaringan global dan jangkauan kandungan BERNAMA.

Kriteria-kriteria pemilihan adalah di kalangan penjawat awam di kalangan MOF, universiti, JAPEN (Jabatan Penerangan), RTM dan juga Dekan UiTM.

Selain itu, ada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator tanya tentang kriteria sebagai anggota dalam Lembaga Pengeloaan. Pertama, setakat ini, kami ada 14 orang pelanggan *online* yang melanggan perkhidmatan BERNAMA. Jadi, mereka akan dipilih antara mereka. Bukan sahaja media *online* tetapi juga untuk semua jenis organisasi media. Mereka akan dipilih dan enam orang akan dilantik, tetapi saya hendak tegaskan di sini kerana ada seorang Ahli Yang Berhormat bertanya tentang bagaimana dengan media asing. Walaupun media asing itu mungkin mempunyai wartawan di Malaysia, jadi mereka bolehlah menjadi pelanggan BERNAMA tetapi mereka tidak akan dilantik sebagai anggota Lembaga. Ini yang saya hendak jelaskan di sini.

Memang kami juga ada sedia pelbagai latihan khasnya tentang AI kepada wartawan BERNAMA. Kita juga ada kerjasama dengan UNISZA berkaitan data analitik. Dan juga untuk wakil daripada universiti, kami memang ada wakil daripada UiTM dan juga UKM juga ada. Jadi, kami juga ada khusus daripada IBTM yang kita hantar staf daripada BERNAMA setiap tahun.

Sekiranya- ada apa-apa pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat yang belum saya jawab? Kerana saya rasa saya sudah- ada?

**Tuan Abun Sui Anyit:** Saya ada...

**Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan:** Ya, terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Saya ada menyoal soal bahasa tadi. Sangat penting pegawai bahasa yang berautoriti, yang paling tepat ialah Dewan Bahasa dan Pustakalah, yang patut diletakkan dalam barisan Lembaga Pengelola. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih atas cadangan tersebut. Cadangan ini akan saya bawa balik untuk pertimbangan selanjutnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** YB Abun.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Saya ada bangkitkan juga supaya BERNAMA ini memainkan peranan lebih efektif supaya rakyat tahu bahawa berita dan maklumat yang diberi oleh BERNAMA ini adalah maklumat yang tepat dan betul dan supaya rakyat juga akan ramai menontonnya, dan bukan kepada berita-berita yang sensasi semata-mata. Jadi, adakah BERNAMA sudah buat kajian tentang keperluan kenapa rakyat Malaysia ini agak kurang menonton berita-berita yang tepat dan sahih? Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit. Saya rasa soalan itu sangat-sangat bagus, tetapi ini memang merupakan cabaran yang dihadapi oleh organisasi media juga kerana, pertama, untuk mereka lebih- kerana, organisasi

media, mereka juga *profit-oriented*. Walaupun juga mereka ada tanggungjawab yang sangat-sangat penting, tapi kita juga tidak boleh nafikan bahawa sebahagian mereka ataupun kebanyakan mereka sebenarnya perlu dapat keuntungan yang mencukupi untuk teruskan bisnes mereka. Media ini juga satu bisnes juga.

Jadi, oleh sebab itu, apa yang kami nampak sekarang adalah untuk menjadi orang pertama yang boleh hasilkan berita dengan cepat, mereka kadang-kadang akan gunakan tajuk yang agak *sensational* dan tidak kiralah sama ada berita tersebut adalah cukup tepat ataupun tidak.

Jadi, BERNAMA mestilah tidak boleh mengambil satu pendekatan seperti itu. BERNAMA akan buat yang terbaik untuk pastikan bahawa tajuk mereka tidak *sensational* tetapi adalah tepat dan juga sahih, dan juga kandungan berita itu juga tidak boleh ada apa-apa kesilapan kerana sekiranya kesilapan itu dirujuk oleh organisasi-organisasi media yang lain, kesannya sangat-sangat besar dan sangat-sangat buruk, tetapi apabila BERNAMA hendak pegang kepada prinsip mereka untuk pastikan mereka hanya menghasilkan berita yang berkualiti, yang sahih, yang tepat, jadi ini menimbulkan masalah di mana rakyat-rakyat Malaysia atau netizen-netizen yang lebih suka untuk membaca berita-berita dengan tajuk-tajuk yang *sensational*. Kadang-kadang, tajuk-tajuk yang *sensational* ini akan mengakibatkan kesan-kesan yang tidak diingini.

Jadi, saya rasa untuk cabaran seperti ini, kita juga perlu banyakkkan pendidikan daripada segi literasi media, bagaimana kita mendidik masyarakat kita supaya jangan senang dipengaruhi oleh tajuk-tajuk *sensational* oleh laporan-laporan berita yang berunsur perkauman ataupun 3R. Ini semua adalah pendidikan kepada masyarakat supaya literasi media kita lebih menyeluruh dan pada masa yang sama, kita janganlah senang dipengaruhi oleh tajuk-tajuk yang *sensational* tersebut. Itu cabaran yang sangat besar tetapi saya percaya bahawa sekiranya kita mengambil satu *approach*, pendekatan *whole of society, whole of nation*, bolehlah kita mula usaha kita dari hari ini, kalau belum *start* lagi, dan juga di setiap tempat tidak kira di sekolah, di luar sekolah, di rumah. Ini perlu dijadikan satu tanggungjawab untuk semua.

Jadi, sekiranya tidak ada persoalan-persoalan yang lain, saya sekali...

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Ada lagi satu, YB. Ada jawapan tak tentang pekerja kontrak di BERNAMA yang belum dapat jawatan tetap lagi?

**Puan Teo Nie Ching:** Penjawat kontrak memang ada kerana kami juga ada *part timer*. Sebagai contoh, untuk *BERNAMA Mandarin News*, kami punya *news reader, news anchor*, mereka adalah *part timer*. Mereka bukan *full time* punya. Jadi, untuk mereka yang kerja secara kontrak, memang ada tetapi kontrak mereka akan dikaji selepas- kontrak mereka adalah tiga tahun. Sekiranya prestasi mereka cukup baik dan mereka minat, mereka akan dipertimbangkan untuk dijadikan staf tetap, tetapi memang ada pegawai-pegawai yang

setakat ini kerja sebagai kontrak sahaja. Macam untuk *news reader*, mungkin mereka hanya datang ke BERNAMA untuk slot *half an hour* ataupun satu jam sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan:** Minta maaf, Dato Pengerusi. Kalau boleh? Saya lupa tadi hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Iaitu cadangan untuk menjadikan BERNAMA lebih menarik dan sesuai dengan keperluan zaman di samping berfokus pada soal yang dikatakan *hard news*, berita segera- itu pentinglah, tapi jangan lupa pada *soft news* iaitu dokumentari. Itu juga penting, menyumbang kepada kewibawaan luar negara di peringkat antarabangsa dan juga kepada masyarakat negara kita. Apakah reaksi Yang Berhormat? Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Okey, terima kasih, Datuk Seri Profesor. Berita *hard news* dan *soft news* memang ada. *Soft news* dalam aspek tamadun negara memang ada seperti dibuat oleh Unit *Broadcast Journalist* BERNAMA. Akses boleh dilihat di Youtube BERNAMA dan juga BERNAMA TV. Contohnya, berkaitan berita penemuan prasejarah Nenggiri, akses di *BERNAMA Focus*. Jadi, ini memang telah ada usaha dan BERNAMA akan sentiasa menghasilkan *soft news* ikut kemampuan mereka.

Jadi, kalau sekiranya tidak ada pertanyaan yang lain, saya sekali lagi hendak ucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang menyokong RUU ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perpaduan Negara (Puan Saraswathy a/p Kandasami) dan diluluskan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG YAYASAN  
TUNKU ABDUL RAHMAN (PINDAAN) 2025****Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri.

**3.42 ptg.**

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Puan Saraswathy a/p Kandasami]:** Dato Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Dato Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, tujuan rang undang-undang ini dibentangkan adalah untuk meminda Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 [Akta 389]. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025 ini telah disediakan dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara. Rang undang-undang ini juga telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 24 Januari 2025. Rang undang-undang ini mengandungi sembilan fasal seperti yang berikut.

Fasal 1 adalah mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 389 untuk menggantikan takrif Menteri dengan takrif baharu untuk menggambarkan bahawa Menteri yang disebut dalam Akta 389 ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman kumpulan wang.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 5, Akta 389 yang berhubungan dengan komposisi Lembaga Pemegang Amanah atau lembaga. Dengan pindaan ini, pengerusi lembaga hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri manakala anggota lembaga yang merupakan seorang wakil Kementerian Pendidikan Tinggi digantikan dengan seorang wakil kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kumpulan wang dan enam orang anggota lembaga lain yang akan dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan pengerusi lembaga.

Fasal ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pengerusi dan enam orang anggota Lembaga lain yang dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan pengerusi hendaklah dalam kalangan orang yang mempunyai kedudukan, pencapaian dan pengalaman dalam bidang khairat ataupun pembangunan modal insan atau dalam kalangan profesional yang mempunyai pengalaman yang berkaitan dalam perkara pendidikan, kewangan atau komersial.

Fasal ini juga bertujuan untuk melanjutkan tempoh jawatan pengerusi dan enam orang anggota lembaga lain itu daripada tiga tahun kepada empat tahun. Selanjutnya, fasal ini turut memperuntukkan bahawa semasa ketiadaan pengerusi, seorang anggota lembaga yang dipilih oleh anggota lembaga yang hadir dalam mana-mana mesyuarat hendaklah menjadi pengerusi dan mempunyai segala kuasa pengerusi.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 7A ke dalam Akta 389 bagi mengadakan peruntukan bagi objektif yang baginya wang kumpulan boleh digunakan untuk tujuan berikut iaitu:

- (i) meningkatkan nama baik dan memelihara warisan dan aspirasi Yayasan Tunku Abdul Rahman;
- (ii) memperkasa individu daripada latar belakang berpendapatan rendah untuk melanjutkan pelajaran; dan
- (iii) memperkukuhkan modal insan Malaysia untuk menyumbang kepada pembangunan negara, memupuk perpaduan dan meningkatkan penghayatan prinsip Rukun Negara.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 8 dalam Akta 389 bagi memperluaskan penggunaan baki kumpulan wang selepas membayar perbelanjaan yang disebut dalam subseksyen 8(1) Akta 389 termasuk mengadakan apa-apa bentuk bantuan atau kelengkapan lain bagi apa-apa program atau skim sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa dengan syarat bahawa bantuan atau kelengkapan bagi program atau skim itu hendaklah mencapai objektif kumpulan wang sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 7A yang dicadangkan.

Fasal ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa perenggan 8(2)(c) yang dicadangkan hendaklah terpakai kepada mana-mana Warganegara Malaysia yang menurut hal keadaannya atau sebab lain perlu pada pendapat Lembaga diberi atau dibantu dengan apa-apa bentuk bantuan atau kelengkapan lain bagi apa-apa program atau skim di bawah Akta 389.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 9, Akta 389 untuk memperuntukkan bahawa tiap-tiap penerima apa-apa bentuk bantuan atau kelengkapan lain bagi apa-apa program atau skim yang diberikan atau dikurniakan di bawah Akta 389 semasa tempoh dia menerima bantuan atau kelengkapan bagi program atau skim itu hendaklah terus menjadi peserta dalam program atau skim yang diluluskan oleh Lembaga dan hendaklah mematuhi terma dan syarat yang dikenakan oleh Lembaga.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 11, Akta 389 untuk memperuntukkan bahawa lembaga boleh berhenti untuk memberikan, menyara atau membantu mana-mana penerima kurniaan di bawah Akta 389 jika lembaga mendapati bahawa penerusan penyertaan penerima dalam mana-mana program atau skim adalah tidak berfaedah atau tidak



munasabah oleh sebab kemajuan pengajian penerima yang tidak memuaskan dan salah laku penerima.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 13, Akta 389 bagi meningkatkan had pelaburan daripada maksimum 10 peratus aset kumpulan wang kepada maksimum 20 peratus aset kumpulan wang.

#### ■1550

Fasal 9 memperkatakan tentang peruntukan kecualian dan pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam huraian merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan akan memberi manfaat kepada rakyat di mana YTAR akan dapat memperluaskan objektifnya dan mempertingkatkan bantuan kepada rakyat terutamanya golongan belia serta menyumbang kepada pembangunan modal insan negara.

Kesimpulannya, pindaan kepada Akta 389 ini akan membolehkan YTAR menambah baik perjalanan tadbir urus dan keupayaannya untuk memperkasakan golongan belia berpendapatan rendah dalam mencapai pendidikan tinggi, membangunkan kepimpinan dan jati diri demi masa depan sendiri dan menyumbang kepada negara. Sejurus kemudian memelihara warisan YTM Tunku Abdul Rahman dalam memartabatkan perpaduan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada?

**Timbalan Menteri Komunikasi [Puan Teo Nie Ching]:** Dato Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Di hadapan saya ada lima orang yang hendak berbahas. Maka, ditetapkan 7 minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

**3.52 ptg.**

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Akta ini mengandungi peruntukan mengenai penubuhan dan pengurusan dana Yayasan Tunku Abdul Rahman. Sebagai sebuah yayasan yang ditubuhkan untuk menghormati warisan Tunku Abdul Rahman, Bapa Kemerdekaan Malaysia dan bertujuan untuk memperkasa dan membangunkan belia daripada latar belakang yang kurang diwakili supaya menjadi pemimpin.

Saya mahu tahu apakah status terkini yayasan ini?, apakah pencapaiannya? Siapakah Lembaga Pengarahnya dan bagaimana dana yang diperoleh dari pelbagai sumber digunakan dengan telus dan optimum?.

Tentang biasiswa, Biasiswa Tunku Abdul Rahman ialah biasiswa Ijazah Pertama yang dibuka kepada pelajar yang berpotensi tinggi dan layak serta mempunyai cita-cita yang kukuh untuk menyumbang kepada pembangunan Malaysia. Biasiswa ini dikatakan memberi tumpuan kepada pembangunan holistik dan kecemerlangan berdasar- berasaskan nilai dan pengalaman dan dikenali. Penerima biasiswa ini dikenali Sarjana Tunku, menjalani program kepimpinan selama dua tahun untuk memulakan perubahan sebagai pemimpin muda dalam komuniti dan negara.

Soalannya, berapa orang kah pelajar yang telah mendapat manfaat dari biasiswa ini? Setakat ini, bagaimanakah kerajaan menguar-uarkan wujudnya biasiswa khas ini?. Apakah strategi yang ada untuk menggalakkan penglibatan dan penyertaan komuniti dalam program yang ditawarkan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman? Untuk mencapai tujuan tersebut, adakah kerajaan pernah mendapat cadangan atau menerima cadangan dan syor calon-calon biasiswa daripada wakil komuniti tempatan?.

Tentang fasal 2 dan 3. Dalam perbahasan ini, saya ingin membangkitkan beberapa persoalan merujuk kepada fasal-fasal yang ingin dipinda. Pertamanya, fasal 2 yang menyatakan tentang maksud Menteri, pindaan kepada seksyen 2 [Akta 389]. Seperti yang diketahui bahawa sebelum ini pindaan ini disyorkan ke pengelolaan yayasan ini adalah Yang Berhormat Menteri Pendidikan atau Menteri Pendidikan Tinggi. Walau bagaimanapun, situasi ini berubah setelah penjagaan YTAR ini dipindahkan ke Kementerian Perpaduan Negara dari bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan apakah justifikasi pemindahan ke pengelolaan YTAR ke bawah Kementerian Perpaduan Negara.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Dato'.

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Ya. *Thank you.*

Apakah bentuk impak yang dirasakan selepas berlakunya perubahan struktur ke pengelolaan YTAR dan sejauh manakah libat urus dilaksanakan dengan pemegang taruh berkaitan YTAR sebelum pindaan ini disyorkan?

Datuk Yang di-Pertua, beralih kepada syor dalam fasal 3 yang menyebut mengenai pindaan seksyen 5 dan dalam perenggan (b) penggantian wakil Kementerian Pendidikan Tinggi dengan wakil kementerian yang dipertanggungjawabkan.

Dalam hal ini, saya berpandangan bahawa wakil daripada Kementerian Pengajian Tinggi hendaklah dikekalkan di samping kehadiran wakil kementerian yang bertanggungjawab dalam sesuatu mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah. Begitu juga kehadiran wakil Kementerian Kewangan bagi memastikan prinsip *good governance* dengan izin, itu berlaku.

Isu yang seterusnya ialah hala tuju PPPTM. Saya membangkitkan perkara ini setelah mengambil kira prospek hala tuju Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2025-2035 yang bakal dilaksanakan selepas ini nanti. Tentunya rentak pengajian, penawaran jurusan serta pendekatan dan hasil kemenjadian siswazah juga berbeza apabila pelaksanaan pelan ini berjalan. Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan apakah mekanisme dan kriteria pemilihan enam Ahli Lembaga Pengarah oleh Menteri yang berpusat kepada apa yang ditafsirkan sebagai profesional dalam bidang masing-masing.

Sejauh manakah peranan pihak KPT dilibatkan dalam merealisasikan misi YTAR bagi melahirkan pelajar seperti yang dicitakan oleh yayasan sendiri? Apakah rasional tempoh perkhidmatan Pengerusi dan enam orang Anggota Lembaga yang lain dipanjangkan dari tiga tahun ke-empat tahun?

Isu seterusnya ialah syarat kelayakan. Saya ingin mendapatkan penjelasan apakah mekanisme penentuan kelayakan seorang peserta itu memenuhi syarat kelayakan seterusnya ditawarkan tawaran bantuan kewangan dari YTAR. Saya berpendapat bahawa kelulusan *straight A* akademik belum lagi memadai kerana kecemerlangan seseorang pelajar itu haruslah dinilai dengan segenap sudut- dari segenap sudut.

Apa yang saya ingin katakan ialah seorang pelajar yang memperoleh pangkat A dengan suasana kondusif, talian internet yang bagus serta akses pendidikan yang hebat tidak sama dengan situasi pelajar di luar bandar yang serba kekurangan. Sebagai contoh, anak-anak pelajar di pedalaman luar bandar seperti di Sabah dan Sarawak. Jadi, apakah indikator yang menjadi rujukan Ahli Lembaga Pemegang Amanah untuk meletakkan sesuatu syarat penerimaan seseorang peserta dalam permohonan Skim Bantuan Kewangan YTAR?.

Isu seterusnya, Lembaga Pemegang Amanah. Tuan Yang di-Pertua, salah satu pindaan yang paling penting ialah penstrukturan semula Lembaga Pemegang Amanah iaitu perkara 3(b). Pindaan ini memastikan bahawa Lembaga tidak hanya diisi dengan pelantikan politik, tetapi terdiri daripada profesional yang benar-benar berkelayakan untuk mengurus dengan baik, sekali gus peningkatan ketelusan dan juga kredibiliti dalam pentadbiran. Jika kita benar-benar ingin membina sebuah sistem pendidikan yang mengangkat rakyat, bukankah kita perlu memastikan ditadbir oleh mereka yang paling berkemampuan?

Sebelum ini, dana ini hanya menyediakan biasiswa dan pinjaman pelajaran. Kini, skopnya diperluaskan bagi menyokong pelbagai keperluan pendidikan. Mohon satu minit lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Perpaduan... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, dalam masyarakat berbilang kaum, matlamat kita mestilah untuk hidup dalam keharmonian serta memberi kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada negara kita. Pendidikan adalah asas kepada perpaduan negara. Ini secara aktif menyokong matlamat tersebut.

Seksyen baharu 7A, perkara 4(d)- tambahan yang sangat penting iaitu menyokong perkara ini dengan jelas.

■1600

Masa depan Malaysia bergantung kepada generasi yang memahami nilai perpaduan. Jadi, bolehkah kita benar-benar mengaku sebagai sebuah negara bersatu jika sistem pendidikan kita tidak mencerminkan nilai-nilai bersama ini? Bukankah sistem pendidikan kita sepatutnya membentuk individu yang bukan hanya berilmu, tetapi juga berbakti kepada masyarakat?

Untuk penutup Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini bukan sekadar perubahan undang-undang, ia adalah komitmen moral kita. Komitmen kepada sistem tadbir urus yang telus, tanggungjawab dan juga berasaskan merit. Kita bukan sekadar menggubal undang-undang, tetapi kita sedang menentukan hala tuju generasi yang akan datang.

Jadi, jika kita benar-benar percaya kepada keadilan dan kemajuan, maka kita tiada pilihan selain memastikan setiap anak Malaysia mendapat hak pendidikan yang sewajarnya. Dengan ini saya menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Dato' Kesavadas.

Sekarang saya jemput Datuk Lim Pay Hen.

**4.01 ptg.**

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas di dalam Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025.

Datuk Yang di-Pertua, latar belakang penubuhan Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) bagi saya cukup bersejarah dan penuh makna dalam memangkinkan kemajuan pendidikan anak cucu kita merentasi jurang bangsa dan agama di negara ini. Penubuhan secara rasmi pada tahun 1966 sebagai salah sebuah institusi nasional dan juga pemangkin keadilan sosial yang signifikan bagi menyalurkan bantuan pendidikan serta biasiswa kepada semua pelajar yang layak.

Sejak penubuhan YTAR ini telah beberapa kali bertukar kementerian yang dipertanggungjawabkan ke atasnya. Bermula dengan Kementerian Pendidikan, kemudian Kementerian Pendidikan Tinggi dan yang kini Kementerian Perpaduan. Secara asasnya, saya tiada masalah mengenai pertukaran kementerian yang bertanggungjawab ini asalkan ia tidak

mengganggu struktur keseluruhan YTAR sehingga memberi kesan terhadap kelancaran operasi pengurusan.

Maka itu, saya sangat bersetuju dengan pindaan seksyen 5 berkenaan komposisi Lembaga Pemegang Amanah, yang antara lain menyebut penggantian seorang wakil Kementerian Pendidikan Tinggi kepada seorang wakil kementerian yang dipertanggungjawabkan. Dengan tidak meletakkan secara spesifik wakil kementerian yang dipertanggungjawab merupakan satu langkah yang baik jika diambil kira secara pengurusan YTAR ini.

Datuk Yang di-Pertua, ada menjadi amalan pertukaran portfolio pengurusan di dalam Kabinet. Namun, pada pandangan saya biarlah hanya kekal di satu-satu kementerian bagi tempoh yang sepatutnya. Terkait itu juga, saya ingin mendapatkan penjelasan. Apakah justifikasi pemindahan kelolaan YTAR ini dari KPT kepada Kementerian Perpaduan? Sejauh manakah pemilihan kelolaan YTAR ini di bawah Kementerian Perpaduan dapat memberi impak yang lebih menyeluruh terhadap pelaksanaan program di bawahnya?

Seterusnya, saya juga melihat di bawah fasal yang sama terdapat pindaan lanjutan tempoh bagi jawatan pengerusi dan enam orang Anggota Lembaga yang lain daripada tiga tahun kepada empat tahun. Apakah rasionalnya lanjutan tempoh perkhidmatan ini? Mengapakah empat tahun? Mungkin YB Menteri dapat menghuraikan dengan lebih terperinci.

Salah satu pindaan YTAR ini yang bagi saya sangat menarik ialah pindaan seksyen 8(b)(3) yang selepas ini akan memberi maksud bahawa para pelajar yang layak bukan sahaja boleh menerima bantuan berbentuk yuran pengajian sahaja, tetapi juga layak untuk menerima bantuan lain seperti peralatan pendidikan seperti *laptop*, program pembangunan kemahiran dan sebagainya.

Pengalaman saya di lapangan mendapati masih ramai para pelajar kurang berkemampuan di mana mereka menerima biasiswa atau pinjaman, tetapi jumlah yang diterima itu hanya cukup-cukup untuk menampung yuran pengajian mereka. Sedangkan mereka masih memerlukan sumber kewangan tambahan bagi mendapatkan keperluan lain seperti *laptop*, bahan rujukan, kelas tambahan dan sebagainya.

Datuk Yang di-Pertua, namun begitu saya ingin mengajukan pertanyaan kepada kementerian. Sejauh manakah kementerian telah membuat semakan semula kadar pemberian biasiswa ini mengikut inflasi semasa? Adakah terdapat kajian impak yang dilakukan atau apakah pertimbangan kementerian bagi meneliti perkara ini pada masa akan datang? Apakah kementerian masih akan mengekalkan syarat kriteria untuk seseorang pelajar itu menerima biasiswa YTAR atau satu rombakan syarat akan dibuat selepas ini?

Dalam pada itu, saya berhasrat untuk mendapatkan statistik daripada kementerian iaitu berapakah jumlah penerima biasiswa sejak penubuhan pada tahun 1966. Berapakah pecahan penerima mengikut kaum? Begitu juga data lain seperti berapa ramai penerima

biasiswa yang melanjutkan pelajaran di universiti awam dan luar negara. Sejauh manakah YTAR telah mengadakan kerjasama rapat bersama pihak sekolah terutamanya sekolah-sekolah di luar bandar dalam memastikan tidak ada pelajar cemerlang yang kurang berkemampuan ketinggalan dalam mendapatkan tajaan lanjutan pengajian ke menara gading impian mereka?

**Datuk Yang di-Pertua,** di bawah kelolaan Kementerian Perpaduan kini, apakah akan diwujudkan satu inisiatif lain untuk digabungkan bersama program asas kementerian seperti syor penerima biasiswa YTAR dari Komuniti Rukun Tetangga (KRT)? Saya mohon dijelaskan.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai fasal 8 yang bertujuan meminda seksyen 13 bagi meningkatkan had pelaburan daripada maksimum 10 peratus akses kumpulan wang kepada maksimum 20 peratus akses kumpulan wang ini bagi memastikan pertumbuhan kewangan jangka panjang. Memandangkan had pelaburan maksimum hanya sekadar 10 peratus sahaja sebelum ini, saya yakin sedikit sebanyak ia memberi kekangan terhadap pengurusan YTAR untuk menyediakan lebih banyak peluang biasiswa kepada mereka yang layak.

Namun, saya masih ingin mendapatkan penjelasan yang Menteri sejauh manakah hasil pulangan yang diperoleh YTAR menerusi maksimum pelaburan mereka sejak awal penubuhannya? Melalui pindaan had kepada 20 peratus, apakah jangkaan hasil pelaburan yang akan dinikmati oleh YTAR ini? Apakah bentuk perancangan pelaburan strategik yang telah dirangka oleh pengurusan YTAR selepas ini?

Apakah indikator yang telah ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri bagi memastikan tidak berlaku kerugian yang ketara akibat pelaburan yang akan dibuat pada masa akan datang? Setengah minit Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh, banyak masa.

**Datuk Lim Pay Hen:** Kesimpulannya, saya berharap agar pindaan yang dibuat ini memberikan manfaat yang besar kepada generasi muda negara kita yang bakal menjadi pemimpin disegani dunia satu hari nanti. Saya percaya pendidikan merupakan instrumen terbaik dalam memacu perpaduan yang aman dan makmur. Dengan ini, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Kumpulan Yayasan Tunku Abdul Rahman 2025 ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Datuk Lim. Sekarang saya jemput Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim.

**4.09 ptg.**

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang untuk mengambil bahagian dan perbahasan

dalam Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025 pada hari ini.

Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk memperkukuhkan dan menambah baik mekanisme pemberian bantuan pendidikan melalui yayasan ini yang sememangnya telah memberikan manfaat kepada ramai pelajar sejak sekian lama. Namun saya ingin menekankan bahawa dalam memperkenalkan pindaan ini, kita perlu lihat lihatnya dalam konteks lebih luas khususnya daripada perspektif Sarawak yang kini telah memperkenalkan dasar pendidikan tinggi percuma untuk anak-anak negeri.

■1610

Dalam perbahasan ini, saya akan memberi fokus kepada lima perkara utama iaitu:

- (i) impak pindaan ini terhadap dasar pendidikan tinggi percuma di Sarawak;
- (ii) kesinambungan peranan Yayasan Tunku Abdul Rahman dalam menyokong pelajar Sarawak;
- (iii) keselarasan pindaan ini dengan hak autonomi Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963;
- (iv) peranan pendidikan memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian di Malaysia; dan
- (v) cadangan penambahbaikan kepada pindaan ini.

Datuk Yang di-Pertua, Kerajaan Sarawak telah memperkenalkan dasar pendidikan tinggi percuma untuk anak-anak Sarawak yang melanjutkan pelajaran di universiti milik kerajaan wilayah kami seperti Universiti Teknologi Sarawak (UTS) di Sibu, *Curtin University* di Miri dan *Swinburne University* di Kuching.

Dasar ini bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan pelajar dan keluarga mereka, memastikan akses pendidikan tinggi yang lebih adil dan inklusif, menggalakkan pembangunan modal insan berkualiti di Sarawak.

Namun, dengan pelaksanaan pendidikan percuma, timbul beberapa persoalan berkaitan peranan Yayasan Tunku Abdul Rahman. Adakah pelajar Sarawak masih layak menerima bantuan yayasan ini? Bagaimanakah yayasan dapat menyesuaikan peranannya dalam landskap pendidikan baharu di Sarawak? Adakah dana yayasan akan bertindih dengan dana pendidikan yang telah disediakan oleh Kerajaan Sarawak?

Sekira yayasan ini hanya memberikan bantuan untuk yuran pengajian, pelajar Sarawak mungkin tidak dapat menikmati manfaatnya kerana yuran mereka sudah pun ditanggung oleh kerajaan wilayah kami. Oleh itu, saya mencadangkan agar dana yayasan ini dapat diperluaskan kepada aspek lain seperti kos sara hidup, bahan pembelajaran dan latihan industri. Datuk Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan bahawa Yayasan Tunku Abdul Rahman telah memainkan peranan penting dalam membantu pelajar Malaysia khususnya

daripada golongan berpendapatan rendah. Namun, bagi memastikan yayasan ini turut terus relevan dalam landskap pendidikan Sarawak, saya mencadangkan beberapa langkah.

Satu, mewujudkan peruntukan khas untuk pelajar Sarawak. Kos sara hidup di Sarawak lebih tinggi berbanding di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, yayasan perlu memberi bantuan bukan hanya untuk yuran pengajian, tetapi juga untuk perbelanjaan harian pelajar. Biasiswa khas untuk bidang kritikal seperti perubatan, kejuruteraan dan teknologi yang diperlukan untuk pembangunan Sarawak. Dana khas untuk pelajar Sarawak yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri.

Kedua, wakil Sarawak dalam Lembaga Pemegang Amanah yayasan, saya mencadangkan supaya seseorang wakil dari Sarawak dilantik ke Lembaga Pemegang Amanah Yayasan bagi memastikan bahawa keperluan pelajar dari negeri ini sentiasa diambil kira.

Datuk Yang di-Pertua, pendidikan merupakan salah satu aspek penting dalam hak autonomi Sarawak seperti yang dijamin dalam perjanjian Malaysia 1963. Adakah pindaan ini menghormati MA63? Adakah MA63- maaf. MA63 memberikan Sarawak kuasa autonomi dalam hal pendidikan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai Negeri. Ini bermakna Sarawak mempunyai hak untuk menetapkan dasar pendidikannya sendiri.

Sebarang perubahan dalam sistem pendidikan Persekutuan tidak boleh menjejaskan usaha Sarawak untuk mengembangkan sistem pendidikannya sendiri. Sekiranya pindaan ini tidak mengambil kira sistem pendidikan yang unik ini di Sarawak, maka ia boleh dianggap tidak selari dengan semangat MA63. Saya mencadangkan agar pindaan ini:

- (i) menghormati autonomi pendidikan Sarawak dengan memberi fleksibiliti kepada negeri, kepada kami untuk menentukan bagaimana bantuan yayasan ini disalurkan;
- (ii) memastikan Sarawak mendapat bahagian yang adil dalam pengagihan dana yayasan; dan
- (iii) mengadakan perundingan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak sebelum membuat sebarang perubahan berkaitan pendidikan.

Datuk Yang di-Pertua, pendidikan bukan sahaja tentang akademi, tetapi juga memainkan peranan besar dalam membentuk perpaduan dan keharmonian nasional. Sarawak terkenal sebagai negeri yang mempunyai keharmonian kaum dan agama yang tinggi hasil daripada sistem pendidikan yang mengamalkan kepelbagaian dan keterangkuman.

Saya mencadangkan supaya yayasan ini turut menyediakan program biasiswa khas untuk pelajar dari pelbagai latar belakang bagi memastikan akses pendidikan yang lebih inklusif, menaja program pertukaran pelajar antara Semenanjung dan Sarawak bagi



meningkatkan pemahaman antara budaya, menyokong institusi pendidikan yang mempromosikan nilai-nilai perpaduan dan toleransi. Seminit lagi ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Terima kasih Datuk. Untuk memastikan pindaan ini benar-benar memberi manfaat kepada semua pihak, saya mencadangkan:

- (i) menetapkan peruntukan khas dalam yayasan untuk pelajar dari negeri yang mempunyai dasar pendidikan sendiri seperti Sarawak dan kalau boleh Sabah juga sekali di inklusif;
- (ii) memastikan dana yayasan boleh digunakan untuk menampung kos lain, yuran pengajian seperti kos sara hidup dan latihan industri;
- (iii) memperkenalkan program khas yang menggunakan dana yayasan untuk memperkukuhkan integrasi nasional melalui pendidikan; dan
- (iv) menempatkan wakil dari Sarawak dalam Lembaga Pemegang Amanah yayasan bagi memastikan dasar pendidikan wilayah kami diambil kira dalam pengagihan dana.

Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini dengan syarat bahawa ia menghormati hak Sarawak di bawah MA63 dan tidak menghalang dasar pendidikan di wilayah kami. Saya berharap kerajaan akan mengambil kira cadangan yang telah saya kemukakan bagi memastikan yayasan ini terus memainkan peranan yang relevan dan membantu pelajar Malaysia tanpa mengabaikan kepentingan Sarawak. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad nak buat undi kah petang ini? Gaya kata nak setuju dengan syarat... *[Ketawa]* Terima kasih banyak-banyak.

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang ini saya jemput Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

#### 4.18 ptg.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Memandangkan masa banyak lagi, saya berhenti 10 minit sebelum terbuka.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Saya rasa ahli-ahli Yang Berhormat lain dah keluar Dewan dah. Yang Berhormat Senator cakap seorang nanti.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** *[Ketawa]* Datuk Yang di-Pertua, terima kasih atas ruang dan peluang yang diberikan untuk sama-sama bahas dalam RUU, Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025. Saya rasa pindaan yang dibentangkan ini bukan sekadar satu penyesuaian biasa, tetapi merupakan langkah strategik yang menyasarkan penambahbaikan menyeluruh kepada dasar dan hala tuju yayasan yang telah

sekian lama menjadi legasi kepada Bapa Kemerdekaan negara kita iaitu Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Saya yakin pindaan ini akan menjadi tonggak penting dalam usaha meningkatkan sumbangan Yayasan Tuanku Abdul Rahman kepada pembangunan pendidikan dan modal insan negara. RUU ini merupakan bukti komitmen kita untuk memperkukuh legasi Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Bapa Kemerdekaan dan memastikan warisan beliau terus menjadi manfaat kepada rakyat Malaysia dan bukan sekadar pindaan akta semata-mata.

Datuk Yang di-Pertua, daripada perspektif perundangan pindaan yang diusulkan membawa beberapa perubahan utama yang saya percaya akan memberi impak yang besar kepada fungsi dan peranan YTAR dalam menyumbang kepada pembangunan negara. Pertama, pindaan ini memperluaskan objektif penubuhan Yayasan Tunku Abdul Rahman.

Jika sebelum ini fokus yayasan lebih tertumpu kepada pemberian biasiswa dan bantuan pendidikan, kini objektif tersebut diperluas dengan memasukkan elemen-elemen penting seperti memperkasakan golongan belia, memperkukuhkan modal insan negara serta memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat.

#### ■1620

Selari dengan keperluan semasa yang menuntut institusi seperti YTAR memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan masyarakat berbilang kaum dan agama. Usaha ini juga mencerminkan aspirasi negara untuk melahirkan generasi pelapis yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah mempunyai jati diri yang kukuh, berdaya saing dan berupaya menghadapi cabaran global.

Kedua, pindaan ini memberi penekanan terhadap penambahbaikan aspek tadbir urus dan keupayaan institusi YTAR itu sendiri. Antara penambahbaikan utama ialah memperkukuhkan struktur organisasi dengan memperjelaskan bidang kuasa serta tanggungjawab Lembaga Pemegang Amanah. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan ketelusan akauntabiliti dan keberkesanan dalam pengurusan Yayasan.

Dalam era pentadbiran moden hari ini, prinsip tadbir urus korporat yang baik amat penting bagi memastikan sesebuah entiti, lebih-lebih lagi yayasan yang menguruskan dana amanah awam, beroperasi dengan integriti dan profesionalisme yang tinggi. Tambahan pula, pindaan ini turut memperkemas peraturan berkaitan pengurusan kewangan dan pelaburan supaya lebih telus, patuh kepada piawaian kewangan semasa serta mengurangkan risiko penyalahgunaan dana.

Ketiga, pindaan yang dicadangkan ini turut memperjelaskan jika dahulu dana Yayasan banyak difokuskan kepada program biasiswa, kini ia diperluas untuk merangkumi inisiatif memperkasakan individu berpendapatan rendah terutamanya daripada kumpulan B40 agar mereka mempunyai peluang melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. Selain itu, dana ini juga memperuntukkan bagi program-program yang bertujuan untuk memupuk semangat

perpaduan nasional dan memelihara warisan kepimpinan Almarhum Tunku Abdul Rahman supaya nilai-nilai murni yang beliau perjuangkan terus diwarisi oleh generasi akan datang.

Ini menunjukkan komitmen Yayasan untuk memastikan setiap sen yang dibelanjakan membawa manfaat secara langsung kepada rakyat selaras dengan matlamat penubuhannya sebagai badan yang memperjuangkan keadilan sosial dan pendidikan inklusif.

Keempat, dan yang tidak kurang pentingnya, pindaan RUU ini memastikan penyesuaian dan keselarasan dengan rangka kerja perundangan lain yang berkaitan seperti Akta Syarikat 2016, Akta Yayasan 1997 serta perundangan yang mengawal selia pengurusan kewangan awam seperti Akta Tatacara Kewangan 1957. Keselarasan ini penting bagi memastikan semua urusan YTAR dijalankan dalam kerangka perundangan yang mantap, jelas dan konsisten. Ia bukan sahaja meningkatkan tahap kepatuhan undang-undang, bahkan memberikan keyakinan kepada para penyumbang, penderma dan pihak berkepentingan bahawa Yayasan ini diuruskan secara profesional, bebas daripada sebarang ketirisan atau salah urus tadbir.

Datuk Yang di-Pertua, saya yakin bahawa pindaan terhadap Rang Undang-undang Yayasan Tunku Abdul Rahman ini akan membawa perubahan besar yang memberi manfaat kepada negara keseluruhannya. Usaha menyemak semula peruntukan undang-undang yang sedia ada bukan sekadar untuk memastikan YTAR terus berfungsi dengan cekap, malah untuk menjadikan Yayasan ini lebih relevan dengan keperluan dan cabaran semasa.

Melalui pindaan ini, objektif YTAR diperluas dengan pendekatan yang lebih menyeluruh. Yayasan ini kini diberi mandat bukan sahaja untuk meneruskan peranan tradisinya dalam menyediakan biasiswa bantuan pendidikan, tetapi juga untuk tampil sebagai pemangkin pembangunan modal insan negara. Penekanan diberi kepada usaha memperkasakan golongan belia, membentuk pemimpin pelapis masa depan yang berwibawa serta memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Ini adalah langkah sangat bertepatan dengan visi negara untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang lebih inklusif, progresif khususnya dalam mendepani cabaran era globalisasi.

Di samping itu, struktur tadbir urus YTAR juga diperkuatkan menerusi pindaan ini. Kejelasan mengenai kuasa dan tanggungjawab Lembaga Pemegang Amanah telah diperincikan agar setiap keputusan yang diambil mencerminkan prinsip akauntabiliti dan integriti. Penyusunan semula struktur organisasi serta pelaksanaan garis panduan pengurusan yang lebih ketat memberi jaminan bahawa segala sumber dan dana yang diamanahkan kepada YTAR akan diurus secara lebih telus dan berkesan. Ini lah cerminan komitmen kita untuk memastikan bahawa setiap sen yang disalurkan kepada Yayasan ini benar-benar sampai kepada mereka yang layak dan memerlukan.

Di bawah rangka kerja baharu ini- sedikit lagi ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Sebelum berbuka.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jangan sampai berbuka lah... *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Di bawah rangka kerja baharu ini, lebih ramai individu daripada keluarga berpendapatan rendah akan mendapat peluang melanjutkan pelajaran tanpa dibebani kekangan kewangan. Ia tidak hanya memberi peluang kepada mereka untuk membina masa depan yang lebih cerah, malah turut membantu negara dalam usaha membangunkan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing.

Pada masa yang sama, program-program yang dirancang akan memberi penekanan kepada pemeliharaan warisan kepimpinan Almarhum Tunku agar legasi beliau dalam memperjuangkan pendidikan dan perpaduan nasional terus hidup dan dihargai oleh generasi akan datang.

Apa yang lebih meyakinkan, pindaan ini juga menetapkan mekanisme pemantauan dan kawal selia yang lebih ketat seiring dengan undang-undang lain seperti Akta Yayasan 1997 dan Akta Syarikat 2016.

Jadi, akhirnya, sebagaimana yang pernah diungkapkan oleh Almarhum Tunku, bahawa kebahagiaan sebenarnya hanya akan tercapai apabila semua rakyat menikmati keadilan, kebebasan dan peluang yang saksama. Jadi, justeru itu, marilah kita menghayati semangat ini dalam setiap tindakan kita. Justeru itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Dato' Ahmad Azam. Sekarang ini saya jemput pembahas yang terakhir kita, Senator Tuan Robert Lau.

#### 4.26 ptg.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hendak sampai buka puasa juga?... *[Ketawa]*

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Beberapa minit sahaja. Minta maaf ya. Saya masuk nama saya saat terakhir.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Sebab saya mahu tanya Menteri tiga soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Sebelum itu, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman yang dikenali dengan penuh kasih sayang sebagai Bapa Malaysia merupakan pemimpin *visionary* dan pemimpin pertama mencadangkan dan memainkan peranan penting dalam pembentukan negara.

Yayasan Tunku Abdul Rahman ditubuhkan pada tahun 1966, tiga tahun selepas Malaysia dibentuk. Pindaan ini ditambah tiga objektif baharu iaitu- *I will read in English.*

*“(a) To portray the good name, legacy and aspiration of Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj;*

- (b) *to uplift and empower individual from/in underprivileged background to access and pursue higher education;*
- (c) *to strengthen Malaysia's human capital in order to serve and contribute to the development and the progress of the nation; and*
- (d) *to promote national unity and to spread principal of Rukun Negara."*

Soalan saya ialah, sehingga kini, berapakah jumlah dana yang ada di YTAR yang boleh disalurkan untuk mahasiswa?

Soalan kedua. Sejak penubuhan YTAR ini, berapakah jumlah pelajar dari Sarawak dan Sabah yang telah mendapat manfaat daripada dana ini? Berapakah peratusan mereka berbanding jumlah keseluruhan penerima manfaat?

Soalan ketiga. Dalam kalangan enam Anggota Lembaga yang dilantik oleh Menteri, adakah wakil dari Sarawak dan Sabah?

Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Senator. Amat ringkas. Tamatlah perbahasan kita. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**4.29 ptg.**

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Puan Saraswathy a/p Kandasami]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan terima kasih kepada kelima-lima Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025 dan telah memberi pandangan dan cadangan yang membina.

Sebelum saya meneruskan dengan penggulungan saya atas perbahasan, saya ingin menjawab persoalan yang dibangkitkan berkenaan dengan justifikasi pemindahan YTAR ke Kementerian Perpaduan Negara.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyentuh atas sejarah dan latar belakang penubuhan Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman.

■1630

YTAR telah ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan dan kemudiannya dipindahkan ke bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Mulai Disember 2022, YTAR dipindahkan di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara. Pada 8 Februari 1965, *Utusan Melayu* telah menaja melancarkan Yayasan Tunku Abdul Rahman berdasarkan Penyata Dewan Rakyat bertarikh 20 Jun 1966. Penubuhan YTAR bertujuan untuk menghargai legasi Almarhum Tunku Abdul Rahman serta bagi mewujudkan biasiswa dan bantuan pelajaran kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, etnik dan agama. YTAR juga berperanan sebagai platform bagi meningkatkan perpaduan nasional dalam kalangan generasi muda.

Jadi, kami percaya pemindahan YTAR di bawah KPN adalah selaras dengan status Almarhum Tunku Abdul Rahman sebagai bapa kemerdekaan yang membina semangat perpaduan dan kenegaraan. Pemindahan ini juga menyokong fokus YTAR untuk meningkatkan aspirasi dan nama baik Almarhum Tunku Abdul Rahman serta untuk memupuk perpaduan dan penghayatan Rukun Negara.

Selain YTAR, ada juga agensi-agensi yang lain telah pun dipindahkan ke kementerian seperti Arkib Negara Malaysia, Muzium Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Yayasan Sukarelawan Siswa. Kesemua agensi ini mempromosikan satu tema ataupun satu matlamat iaitu perpaduan negara. Jadi saya percaya dan di kementerian kami percaya keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memindahkan YTAR di bawah KPN adalah untuk YTAR boleh memainkan peranan yang lebih penting dalam memperkukuhkan perpaduan negara.

Manfaat daripada pemindahan YTAR di bawah KPN adalah ia meningkatkan pentadbiran dan tata kelola yang baik dan ia juga memberi peluang untuk menyebarkan program-program YTAR kepada seluruh lapisan masyarakat. Ia dapat memperluaskan program-program yang ditawarkan oleh YTAR kepada semua lapisan masyarakat dan meningkatkan derma dan kolaborasi swasta untuk menyambungkan impak program dengan *pledge* yang diterima daripada swasta. Untuk tempoh tahun 2020 hingga 2030, YTAR telah mendapat *pledge* daripada swasta sebanyak RM22 juta. Jadi, saya boleh menyatakan bahawa ada hasrat yang murni dalam memindahkan YTAR ke KPN dan ada juga kelebihan dalam memindahkan YTAR ke KPN.

Seterusnya berkenaan dengan berapakah pecahan, agihan ataupun agihan yang telah diberikan kepada pelajar-pelajar. Di sini saya mempunyai data mulai dari tahun 2019 hingga 2024. Untuk data yang diminta semenjak masa ia ditubuhkan sehingga sekarang kita boleh dapatkan sekiranya kita masih ada data tersebut, kita akan bagi kepada Yang Berhormat yang telah meminta untuk data itu.

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya lebih daripada 9,500 orang pelajar telah menerima bantuan dan manfaat daripada YTAR sejak penubuhannya pada tahun 1966. Antara program utama yang dilaksanakan oleh YTAR adalah Biasiswa Tunku Abdul Rahman, Program *Closing the Gap and FutureReady*. YTAR telah membelanjakan RM8,669,621 bagi pembiayaan biasiswa sejak tahun 2019 yang melibatkan seramai 160 orang pelajar dan daripada itu 137 orang pelajar merupakan pelajar B40.

Berkenaan dengan pecahan ataupun agihan kepada para pelajar daripada segi etnik dan juga daripada segi wilayah, saya ingin memberi perincian. Untuk tahun 2019 hingga 2024, bumiputera Melayu di Semenanjung adalah 44 orang, Pantai Timur adalah 10 orang, Sabah adalah lima orang, Sarawak adalah empat orang dan jadi jumlahnya adalah 63 orang. Bumiputera bukan Melayu, empat Orang Asli, 15 orang dari Sabah dan sembilan orang dari

Sarawak, menjadikan jumlahnya 28 orang. Cina, 31 orang daripada Semenanjung, empat orang dari Sabah, dua orang dari Sarawak, menjadikan jumlahnya 37 orang. India, 28 orang daripada Semenanjung dan lain-lain empat orang, menjadikan jumlah pelajar yang mendapat manfaat daripada BTAR di antara tahun 2019 hingga 2024 di Semenanjung adalah 107 orang, Orang Asli empat orang, Pantai Timur 10 orang, Sabah 24 orang, Sarawak 15 orang daripada keseluruhan 160 orang.

Kriteria pelajar untuk memohon Biasiswa Tunku Abdul Rahman adalah pelajar yang akan atau sedang mengikuti pengajian ijazah sarjana muda di institut pengajian tinggi tempatan dengan bagi tempoh pengajian sekurang-kurangnya dua tahun. Pelajar perlu memohon atau mengikuti pengajian dalam kursus dan universiti yang telah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Selain itu, YTAR juga mengutamakan pelajar daripada golongan yang kurang diwakili seperti berikut:

- (i) pelajar berpendapatan rendah atau golongan B40;
- (ii) pelajar pertama dalam keluarga untuk meneruskan pengajian selepas tahap sekolah menengah; dan
- (iii) pelajar daripada komuniti Orang Asli Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu.

Proses pemilihan biasiswa BTAR mempunyai tiga peringkat. Saringan pertama, permohonan atas talian di mana pemohon dikehendaki untuk mengisi borang permohonan mengenai latar belakang dan disertai empat esei yang menilai daya refleksi dan potensi kepimpinan pemohon.

Saringan kedua, pemohon yang berjaya disenaraipendekkan dalam saringan pertama akan dijemput untuk temu duga bersama pihak pengurusan YTAR dan pihak penaja. Dalam saringan ini, permohonan akan dinilai daripada segi potensi kepimpinan kemahiran insaniah dan kemahiran berkomunikasi.

Saringan ketiga, senarai permohonan yang lulus saringan kedua akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemberian YTAR untuk dikaji dan diluluskan. Seterusnya, senarai pemohon yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemberian akan dibentangkan pada Lembaga Pemegang Amanah untuk dimuktamadkan.

Berkenaan dengan sumber pendapatan dan pelaburan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa YTAR tidak menerima sebarang geran atau peruntukan daripada kerajaan. Sumber pendapatan utama YTAR setakat 2024 terdiri daripada pelaburan berprofil konservatif yang memberi pulangan lebih kurang empat hingga lima juta setahun ataupun empat hingga lima peratus berdasarkan modal dana wakaf RM100 juta.

Peningkatan dana derma sebanyak RM1 juta hingga RM2 juta setahun termasuk barangan. Pendekatan *fund raising* ini telah dimulakan semula pada tahun 2020 selepas dihentikan untuk seketika dan sekarang merupakan sebahagian strategi penjanaan pendapatan yang penting bagi mengembangkan jumlah biasiswa dan program yang dijalankan. Jadi, sebentar tadi ada persoalan yang dibangkitkan supaya jumlah biasiswa yang dihulurkan dapat ditambahkan. Ia bergantung kepada sumber dana yang kita dapat peroleh daripada derma orang awam. Sejak tahun 2020 YTAR telah mendapat perjanjian kolaborasi MoU bernilai RM22 juta termasuk barangan seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Jadi, berkenaan dengan peningkatan pelaburan dan juga bagaimana ia akan diuruskan, saya ingin menjawab bahawa dana wakaf YTAR sebanyak RM100 juta yang dilaburkan dalam pelaburan bersifat konservatif dan termaktub kepada had yang ditetapkan dalam seksyen 13 Akta YTAR yang membenarkan pelaburan 90 peratus dalam Kumpulan Wang Amanah ataupun penduduk pendapatan tetap dan sehingga 10 peratus dalam pelaburan saham sahaja.

Bagaimana ia diurus, saya ingin memaklumkan Yang Berhormat, syarat-syarat pelaburan adalah termasuk Lembaga Pemegang Amanah telah menentukan penanda aras prestasi sebanyak lima peratus setiap tahun yang perlu dicapai oleh pengurus dana profesional YTAR untuk menampung keperluan operasi YTAR sebanyak RM5 juta setahun. Lembaga Pemegang Amanah turut menetapkan bahawa dana modal YTAR harus dipelihara dan pengurus dana harus mengelakkan risiko tinggi yang boleh membawa kepada penurunan dana bawah paras RM100 juta.

Sebagai sebuah organisasi yang memegang status pengecualian cukai di bawah seksyen 46(6), Akta Cukai Pendapatan 1967 pelaburan YTAR juga tertakluk kepada syarat-syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri seperti keperluan untuk melaburkan 20 peratus dalam bon seperti *Malaysian Government Securities* (MGS) dan seumpamanya. Jadi, pelaburan YTAR diuruskan oleh pengurus aset profesional dan dipantau oleh Jawatankuasa Pelaburan yang dilantik oleh Lembaga Pemegang Amanah YTAR. Ahli Jawatankuasa Pelaburan terdiri daripada pakar dan ahli profesional dalam bidang pelaburan serta wakil Kementerian Kewangan.

Sebentar tadi ada permintaan bahawa seorang wakil daripada Kementerian Kewangan harus dikekalkan sebagai salah seorang Ahli Lembaga. Untuk makluman Yang Berhormat, memang wakil daripada *Treasury* ataupun Kementerian Kewangan adalah salah seorang wakil tetap di bawah seksyen 5(1)(c).

Berkenaan dengan permintaan supaya wakil daripada Menteri Kementerian Pendidikan dikekalkan, saya ingin memaklumkan bahawa biasanya kementerian yang bertanggungjawab akan mengadakan seorang wakil dalam Lembaga dan Lembaga akan diuruskan oleh pihak-pihak yang berkecualan sepertimana yang telah pun dicadangkan



dalam pemindaan ini iaitu orang yang- kalau saya boleh bacakan daripada pindaan yang dicadangkan, *“The Chairman and members of the board under paragraph (1)(d) shall be from amongst persons of standing, achievement and experience in the charity of human capital development field or from amongst professional who possess relevant experience in educational, financial and commercial matters”*. Jadi, kepakaran ahli Lembaga dalam bidang pendidikan juga akan diambil kira semasa pelantikan dibuat sebagai wakil dalam Lembaga.

Berkenaan dengan soalan awal daripada Yang Berhormat Dato’ Kesavadas, siapa Ahli Lembaga Pemegang Amanah sekarang dan juga bagaimana ahli Lembaga dipilih. Saya ingin memaklumkan bahawa pada masa sekarang:

- (i) Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, Menteri Perpaduan adalah salah seorang pemegang amanah dan Pengerusi Lembaga;
- (ii) Profesor Emeritus Datuk Dr. Haji Shad Saleem Faruqi penyandang kerusi Tunku Abdul Rahman di Universiti Malaya;
- (iii) Dato’ Munirah Looi, pengasas Brandt International;
- (iv) Datin Sri Sharifah Menyalara Hussein pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif dan M&C Saatchi;
- (v) Puan Mastura Marsam wakil kementerian adalah wakil Kementerian Kewangan;
- (vi) Encik Johan Rozali-Wathooth pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Bintang Capital Partners; dan
- (vii) Puan Vimala Menon, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas daripada CelcomDigi.

Bagaimanakah mereka dipilih? Saya telah menyatakan kriteria-kriteria yang diambil kira dan mereka juga dipilih berdasarkan kepada pengalaman profesional yang mampu menasihati dan menyokong urus tadbir YTAR. Ahli Lembaga juga dilantik oleh Pengerusi Lembaga dengan persetujuan Lembaga Pemegang Amanah.

Berkenaan dengan persoalan apakah rasional kenaikan tempoh perkhidmatan pengerusi dan enam orang Anggota Lembaga yang lain, saya ingin menjelaskan bahawa tempoh perkhidmatan Pengerusi dan ahli Lembaga dicadangkan untuk dipanjangkan daripada tiga tahun ke-empat tahun untuk- peningkatan ini dicadangkan untuk memastikan YTAR sentiasa mempunyai ahli Lembaga yang berpengalaman, yang boleh menasihati YTAR dengan efektifnya.

Berkenaan dengan cadangan supaya YTAR menerima cadangan daripada wakil-wakil komuniti, saya ingin menjelaskan bahawa pada peringkat ini kami tidak menerima cadangan daripada wakil komuniti kerana permohonan biasiswa terbuka kepada masyarakat umum dan pemilihan dan saringan saya telah jelaskan tadi ia melalui beberapa proses. Pihak YTAR

bekerjasama dengan persatuan komuniti seperti Persatuan Mahasiswa Orang Asli untuk mempromosikan biasiswa kepada setiap komuniti.

Jadi, ini adalah- oleh kerana ia dibuka kepada semua rakyat, kita tidak melibatkan mana-mana wakil komuniti secara khususnya, tetapi berkenaan dengan bagaimana kita menguar-uarkan program-program atau Biasiswa Tunku Abdul Rahman kepada orang ramai, biasiswa ini dipromosikan secara meluas melalui media sosial, laman web rasmi serta promosi kepada pelajar dengan kerjasama kesemua 20 buah institusi pengajian tinggi awam dan semua IPTA dan semua IPTS serta pelbagai komuniti.

#### ■1650

Berkenaan dengan cadangan ia dilanjutkan untuk pelajar universiti di luar negara, saya ingin menjelaskan bahawa 89 peratus penerima biasiswa melanjutkan pelajaran di universiti awam, 11 peratus melanjutkan pelajaran di universiti swasta di Malaysia dan YTAR mempunyai syarat memberi biasiswa Sarjana Muda di universiti yang berada di Malaysia sahaja.

Cadangan bahawa Biasiswa YTAR harus dipanjangkan kepada murid-murid yang mendapat *Straight As*, YTAR setuju bahawa murid-murid yang cemerlang yang mendapat *Straight As* harus diberi peluang utama, tetapi YTAR tidak mempunyai sebarang syarat bahawa seseorang murid yang memohon mempunyai *Straight As*, tetapi YTAR mempunyai kriteria-kriteria yang lebih prihatin iaitu daripada golongan B40, daripada keluarga anak pertama yang masuk ke universiti dan sebagainya. Semua permohonan akan dinilai secara holistik.

Berkenaan dengan cadangan bahawa wakil dari Sarawak ataupun Sabah dilantik sebagai ahli Lembaga dalam Lembaga YTAR, YTAR ataupun kementerian tidak mempunyai sebarang halangan untuk mana-mana pihak dilantik melainkan mereka mempunyai kelayakan-kelayakan yang telah pun ditetapkan di bawah akta mengikut seksyen 5(b). Saya percaya saya telah menjawab kebanyakan daripada soalan-soalan yang dikemukakan. Sekiranya ada apa-apa soalan yang tertinggal, Yang Berhormat boleh menyuarakan atau kalau tidak, saya ucap terima kasih kepada semua pandangan dan cadangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

***[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Komunikasi (Puan Teo Nie Ching) dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, esok hari yang penting, kita ada pindaan Perlembagaan dan juga pembentangan Akta Perkhidmatan Parlimen. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan ada apa-apa yang menghalang kehadiran Ahli Yang Berhormat untuk sepenuh harinya esok. Baik, itu sahaja pesanan saya sebelum saya tangguhkan Mesyuarat... *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 20 Mac 2025.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.00 petang]*